



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2012	(Halaman	27)
Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2012	(Halaman	38)
Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012	(Halaman	52)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
8. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
9. " Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan I*
10. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. " Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. " Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Dilantik)
13. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
14. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
15. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
16. " Datuk Chiew Tiang Chai (Dilantik)
17. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. " Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
19. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
20. " Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator – Timbalan Menteri Belia dan Sukan II\**
21. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
22. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
23. " Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
25. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
26. " Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
27. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
28. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
29. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
30. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
31. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
32. " Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
33. " Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
34. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

35. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
36. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
37. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
38. “ Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
39. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. “ Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
43. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
44. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
45. “ Datuk Seri G. Palanivel (Dilantik)  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
46. “ Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
47. “ Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator*  
– *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
48. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
49. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
50. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
51. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
52. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
53. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
54. “ Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
55. ” Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
56. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
57. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
58. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
59. “ To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Che Seman bin Pa Chik

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh  
  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Azmir bin Mohd Salleh  
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir  
Noraidah binti Manaf  
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Siti Norlina binti Ahmad  
Hazwani Zarifah binti Anas  
Mohd. Zaidi bin Mahmood



**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA**

**Selasa, 18 Disember 2012**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah pelajar yang dibuang sekolah dan sebabnya; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi memperkasakan unit kaunseling sekolah.

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan,

- (a) Sehingga November 2012 jumlah murid yang dibuang sekolah adalah seramai 1,811 orang. Tindakan buang sekolah merupakan langkah terakhir yang dilakukan oleh pihak sekolah kepada seseorang murid yang telah melakukan kesalahan yang berat berdasarkan salah laku disiplin sekolah. Antara tindakan yang dilakukan sebelum langkah buang sekolah dilaksanakan adalah seperti amaran, berbincang dengan ibu bapa dan penjaga, dirujuk kepada guru disiplin untuk nasihat dan motivasi dan juga gantung sekolah.

Bagi menjawab soalan,

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap sekolah menengah diberi satu jawatan guru bimbingan dan kaunseling (GBK) sekolah menengah bagi enrolmen murid 500 orang dan ke bawah. Penambahan bilangan guru bimbingan kaunseling jika enrolmen murid meningkat mengikut nisbah 1 GBK:500 orang murid. Manakala di sekolah rendah nisbah guru kaunseling adalah 1 GBK:350 hingga 850 orang murid.

Dalam usaha memperkasakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah selain daripada aktiviti sedia ada, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan surat siaran bilangan 12 tahun 2012 berkaitan perekrutan atau *reengineering* perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Empat fokus dalam perekrutan tersebut ialah:

- (i) pembangunan dan pengembangan sahsiah diri murid;
- (ii) peningkatan disiplin diri murid;
- (iii) pendidikan kerjaya murid; dan
- (iv) psikososial dan kesejahteraan mental murid.

Terima kasih.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dapat menjawab dan fasih dalam Bahasa Malaysia. Tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dasar pelajaran kita memberi hak belajar kepada pelajar hingga tamat sekolah menengah. Apabila dibuang

sekolah, akan ada keciciran dan juga tidak bermotivasi. Ada setengahnya melibatkan pelajar sekolah berasrama penuh dan juga yang cemerlang.

Jadi, apakah kerajaan menyediakan mekanisme khusus membantu mereka yang dibuang sekolah agar kita dapat melahirkan modal insan bertaraf negara maju ini. Apakah nisbah kaunselor sekolah dan murid? Adakah murid merasakan adanya jurang antara kaunselor dan murid yang menyebabkan murid malu atau takut mendekati kaunselor sekolah dan apakah kerajaan merancang mekanisme tertentu mengatasi masalah ini.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berapa soalan Yang Berhormat?

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** *Last* ini Tuan Yang di-Pertua. Kita ini pun Dewan *last*. Jadi, kalau tanya banyak sedikit pun tidak apa Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dua sahaja.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Setakat ini sejauh manakah keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah dan adakah berlaku penurunan kes salah laku murid di sekolah apabila perkhidmatan ini dilaksanakan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat kerana soalan tambahan itu merangkumi tiga soalan tambahan. Saya ingin memberi respons kepada pertanyaan mengenai sejauh manakah keberkesanan program kita dengan adanya pelantikan GBK. Pertama, saya ingin menyatakan bahawa sejak tahun 2007 secara lima tahun berturut-turut kita dapat melihat kadar disiplin pada kadar purata 2.07 peratus. Kalau kita lihat trendnya saya mengambil satu contoh 2010, kita mempunyai kadar 2.06 peratus dan kalau kita lihat 2011 penurunan sekali lagi 0.01 peratus menjadikan keseluruhannya purata 2.05 peratus.

Kalau saya mengambil contoh dalam satu sekolah, 2 peratus bermaksud 98 peratus tidak ada masalah. Yang bermasalah ini bukannya masalah yang sangat serius. Ada disebabkan kenakalan, ada disebabkan kekemasan diri dan lazimnya yang biasa berlaku ialah ponteng sekolah dan sebahagian kecil sahaja terlibat dengan kes-kes yang berat. Jadi, apabila kita melihat 2 peratus ini, sebenarnya kita tidak melepaskan tangan. Sebab itulah saya mengatakan bagi menjawab soalan tambahan yang pertama, adakah kita memikirkan implikasi selepas seseorang itu dibuang? Ya, memang. Kita tidak membuang seorang pelajar itu secara sewenang-wenangnya.

Kedua, dari segi teknikal, kalau kita hendak membuang seseorang pelajar kita kena melalui satu proses dan kalau kesalahan itu diulangi. Kalau sebelum itu kita kena bagi amaran dan kedua, kita kenakan hukuman yang agak berat termasuk gantung 14 hari dan itu juga tidak jalan, kita terpaksa buang sekolah pelajar ini. Akan tetapi dalam perkataan, "buang sekolah" ini, ada juga definisinya, di mana kalau seseorang itu dibuang dari sekolah, ibu bapa boleh bagi pihak pelajar ini merayu kepada PPD atau JPN supaya diberi peluang kedua.

#### ■1010

Bermaksud dibuang dari sekolah asal dan sekiranya boleh memberi aku janji, kita sedia mempertimbangkan dengan *undertaking* yang diberikan oleh ibu bapa untuk ditukar ke sekolah lain. Kita hendak tukar persekitaran supaya pelajar ini tidak berkecimpung dengan golongan yang dikatakan rakan sebaya yang mempengaruhi tingkah laku seseorang itu.

Bermaksud buang sekolah dari sekolah asal dan sekiranya ada kesanggupan untuk menjaga anaknya dan memberi aku janji kita benarkan dia tukar ke sekolah lain. Kalau pergi ke sekolah lain berlaku juga, bermaksud itu bukan semata-mata masalah sekolah. Ibu bapa juga kena bertanggungjawab ke atas apa yang telah berlaku. Ini soalan pertama dan ketiga saya sudah jawab.

Kedua, dari segi jurang apakah terdapat *gap* dengan izin, antara GBK dengan pelajar. Sebab itulah dalam surat pekeliling kita, ada membuat satu *reengineering approach* atau pendekatan yang dikatakan kita kena ubah. Kalau dahulu guru bimbingan kaunseling secara apabila ada kes dirujuk kepada GBK. Sekarang kita gunakan satu pendekatan di mana GBK ini prihatin. Dia kena tahu kerjaya murid ini.



Kalau seseorang itu lebih cenderung tidak boleh belajar, kita kena beri motivasi kepada pelajar ini dan pelajar ini kenalah kita masuk ke aliran vokasional dan teknikal dan kita hantar atau kita galakan mereka masuk kolej vokasional di Kementerian Pelajaran yang baru kita perkenalkan.

Jadi dengan cara ini kita dapat melihat ini kawan kepada pelajar. Apa juga masalah kita boleh lontarkan dan mereka ini menganggap GBK ini adalah golongan atau orang yang boleh berkongsi masalah ataupun mencari penyelesaian bagi pihak pelajar ini. Itulah jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang amat bersetuju dengan pendekatan yang diambil oleh Kementerian Pelajaran tetapi soalan tambahan saya ada dua bahagian. Yang pertama, daripada pengalaman saya sentiasa percaya bahawa kita tidak ada murid yang bermasalah. Kita cuma ada anak-anak kepada ibu bapa yang bermasalah. Jadi pada saya, saya rasa bahawa kalau kita hendak kaunseling berkesan ini kita juga kena *counsel* ibu bapa selain daripada anak sahaja.

Soalan tambahan yang kedua ialah, kalau kita hendak jadi kaunseling itu berkesan kita hendaklah boleh sentuh hati pihak-pihak yang *dicounsel*. Jadi salah satu unsur yang penting untuk keberkesanan ialah gunakan bahasa yang pihak-pihak yang *dicounsel* itu boleh menguasai, boleh faham, dan boleh ekspres. Apakah usaha Kementerian Pelajaran terhadap ke arah tahap ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat yang merupakan seorang bekas pendidik. Jadi bekas pendidik dia faham dan memang arif bagaimana hendak bagi kaunseling.

Bagi menjawab dua soalan tambahan ini saya bersetujulah kerana kita tidak boleh membuat satu andaian bahawa pelajar-pelajar ini memang bermasalah. Ianya berpunca daripada keluarga yang bermasalah dan itulah selalunya kalau kita melihat data, kita melihat profil pelajar itu lazimnya adalah golongan di mana ibu bapa berpisah ataupun ibu bapa tidak mengambil kisah tentang tingkah laku anak mereka.

Jadi, sebagai contoh saya beri satu contoh sekiranya ibu bapa mempunyai masalah, berebut-rebut dan sampai tidak ada orang hendak menjaga anak ini maka dia merasakan dirinya dipinggirkan oleh keluarga. Jadi disebabkan itulah dia melakukan sesuatu tindakan untuk menarik perhatian guru dan sebab itu guru bimbingan dan kaunseling ini berperanan untuk memberi panduan kepada pelajar ini supaya ke jalan betul. Itu yang kita biasa lakukan.

Sebelum itu kaunseling kepada ibu bapa. Sememangnya kalau kita hendak mengambil satu tindakan terhadap pelajar termasuk kalau kita hendak gantung kita biasanya panggil ibu bapa, tapi ada jenis ibu bapa yang kita panggil dia pun tidak datang. Jadi ini memang adalah satu perkara yang kita tidak boleh buat apa-apa sebab kita tidak boleh menghukum ibu bapa. Jadi dalam konteks ini kita terpaksa panggil kalau ada kakak atau abangnya dalam sekolah kita terpaksa gunakan mereka, berperanan sebagai orang yang lebih senior untuk memaklumkan kepada ibu bapa. Itu yang kita lakukan. Kalau kita kaunseling kepada ibu bapa tidak dapat dijalankan terpaksa kita gunakan cara ini.

Kedua, sentuhan hati. Ya, memang betul. Gunakan bahasa yang mudah difahami. Jadi kita memang ada satu pendekatan sebab warga pendidik kita memang inovatif. Guru bimbingan kaunseling dia pun faham, ada pada usia 13 tahun, 14 tahun dia pun tidak faham bahasa Malaysia. Jadi biasanya guru bimbingan kaunseling ini dia memang sentiasa berada dalam bilik bimbingan dan kadangkala mereka memanggil rakan sejawatan atau guru lain untuk sama-sama memahamkan dalam memberi motivasi kepada pelajar kerana apa yang penting ialah mesej dan kita hendak memberi panduan anak pelajar ini dan bukan semata-mata kita memberi tahu sesuatu tapi pelajar itu langsung tidak dapat serap tidak faham apa yang kita cakap.

Jadi sebab itu saya rasa guru memang diberi ruang untuk mencari mana-mana rakan guru lain untuk bantu sama-sama. Kalau seorang pelajar India mungkin dia panggil guru India yang boleh berkomunikasi dengan mereka dan sama-sama mereka berperanan untuk memastikan pelajar ini dapat mengikut jalan yang betul. Terima kasih.

**2. Datuk Pau Chiong Ung** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah keseluruhan permit masuk yang telah diluluskan oleh pihak kementerian kepada individu mengikut kategori kaum/bangsa seperti suami kepada warganegara dan isteri kepada warganegara semenjak 2008 hingga 2011 ini; dan
- (b) apakah syarat-syarat yang diperlukan oleh pihak kementerian bagi memudahkan permohonan ini dibuat melalui agensi yang berkenaan terutama sekali bagi negeri Sabah dan Sarawak.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) Jumlah keseluruhan permit masuk yang telah diluluskan oleh pihak kementerian kepada individu bagi kategori suami dan isteri warganegara sejak tahun 2010 hingga tahun 2012 adalah seperti berikut:

Tahun	Suami (Jum. permit masuk)	Isteri (Jum. permit masuk)
2010	1	2,913
2011	334	3,726
2012	584	3,240

Kementerian mengemukakan jumlah kelulusan bagi tahun 2010 hingga tahun 2012 berdasarkan rekod berkomputer untuk data tahun-tahun tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga,

- (b) Syarat-syarat bagi permohonan permit masuk kategori isteri atau suami kepada warganegara Malaysia adalah seperti berikut:
  - (i) pemohon telah berkahwin secara sah mengikut undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia bagi perkahwinan yang dilangsungkan di luar negara, pasangan tersebut perlu mendaftar semula perkahwinan di Pejabat Agama Negeri atau Jabatan Pendaftaran Negara dan pemohon perlu berada di Malaysia di atas kemudahan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang isteri atau suami warganegara secara terus-menerus bagi tempoh sekurang-kurangnya lima tahun bermula daripada tarikh pemohon diberi kemudahan pas lawatan sosial yang pertama.
  - (ii) bagi permohonan untuk menetap di negeri-negeri Sabah dan Sarawak permohonan akan dibawa ke Jabatan Ketua Menteri untuk proses perakuan kemasukan ke negeri tersebut. Setelah diperakukan oleh Jabatan Ketua Menteri permohonan permit masuk tersebut akan diproses di peringkat Jabatan Imigresen negeri Sabah atau Sarawak sebelum dipanjangkan untuk proses kelulusan permit masuk di ibu pejabat imigresen, Putrajaya.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi tadi. Soalan tambahan saya ialah apakah tindakan yang telah dilakukan oleh pihak kementerian dalam memudahkan permohonan permit masuk bagi kategori suami kepada warganegara. Sekian.

## ■1020

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Dalam Negeri membuat perubahan dasar melalui Pekeliling Imigresen Malaysia, Bil.16/2009, bertarikh 15 Disember 2009 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2010. Pekeliling ini telah mengemukakan satu dasar yang jelas mengenai permohonan permit masuk bagi kategori suami kepada warganegara dengan mensyaratkan tempoh perkahwinan dan pemastautin di atas pas jangka panjang di Malaysia sekurang-kurangnya lima tahun.

Sebelum daripada kewujudan pekeliling ini, permohonan dan rayuan daripada suami kepada warganegara tidak mempunyai satu dasar yang khusus dan dinilai di bawah kategori warga asing sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar berlaku perkahwinan palsu supaya dengan cara ini boleh dapat permit masuk ke negara kita? Kalau kes ini benar, apakah langkah-langkah oleh kementerian untuk mencegah penipuan itu? Terima kasih.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu perkahwinan palsu ini memang ia satu isu yang berlainan daripada isu permit masuk. Walau bagaimanapun, ia adalah satu perkahwinan yang didaftarkan di JPN iaitu agensi yang lain, ia ada syarat-syarat yang tertentu termasuk passport dan sebagainya. Selain itu, ia juga mempunyai tempoh, ada naziran JPN yang akan menyiasat ketulenan perkahwinan ini. Memang ada proses untuk mengawal perkahwinan ini.

**3. Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, jumlah projek hijau dan jumlah pinjaman yang telah diluluskan di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (SPTH) semenjak diperkenalkan pada 2010 dan nyatakan projek-projek hijau yang diluluskan dan impaknya terhadap pembangunan teknologi hijau negara.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini terdapat dua pertanyaan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, melibatkan soalan nombor tiga dan juga 31. Izinkan saya untuk menjawab dua-dua pertanyaan ini kerana pertanyaan ini adalah berkaitan dengan bidang teknologi hijau.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan. Siapa yang menyoal itu Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Soalan 31, Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah mengenai Skim Pembiayaan Teknologi Hijau atau GTFS, saya ingin memaklumkan bahawa semenjak diperkenalkan pada tahun 2010, sebanyak 219 buah projek telah diberi pensijilan hijau. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 77 buah projek dengan jumlah tawaran pembiayaan yang bernilai RM1.067 bilion telah mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan yang terlibat.

Di bawah GTFS ini, projek-projek yang memenuhi kriteria teknologi hijau dalam pelbagai sektor seperti tenaga, air dan pengurusan sisa, bangunan dan juga pengangkutan adalah layak untuk memohon di bawah skim ini. Projek-projek yang telah diluluskan adalah terdiri daripada projek-projek penjanaan tenaga boleh baharu atau *renewable energy*, projek-projek pengurusan sisa pepejal dan projek-projek bangunan di mana teknologi hijau diterima pakai dalam pembinaan pengurusan dan pemuliharaan bangunan serta projek-projek bagi sektor pengangkutan.

Dari segi impak GTFS ke semua projek yang telah diberi pensijilan hijau, ia telah menjana pelaburan sebanyak RM4.043 bilion dan dapat mewujudkan sebanyak 2,432 pekerja hijau atau *green jobs*. Dari aspek alam sekitar pula, projek-projek tersebut mampu mengurangkan karbon sebanyak 8.98 juta ton karbon dioksida setahun.

Dilihat dari segi trend peningkatan permohonan serta disokong oleh dasar-dasar proaktif dan insentif-insentif yang lain, kerajaan yakin industri teknologi hijau akan terus berkembang maju khususnya dari segi tenaga boleh baharu.

Sebagai tanda komitmen kerajaan dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan teknologi hijau, kerajaan telah melanjutkan tempoh pembiayaan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau ini sehingga akhir Disember 2015 dengan tambahan peruntukan dana sebanyak RM2 bilion. Kerajaan juga akan terus menanggung 2 peratus daripada jumlah kadar faedah dengan nisbah jaminan kerajaan 60 peratus dan institusi perbankan 40 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman pula, saya ingin memaklumkan bahawa terdapat pelbagai inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan penggunaan dan perluasan aplikasi teknologi hijau bagi mewujudkan persekitaran yang mesra alam. Inisiatif-inisiatif yang berkenaan adalah seperti berikut.

Pertama, *Low Carbon Cities Framework (LCCF)*. KeTTHA iaitu kementerian saya dengan kerjasama GreenTech Malaysia telah membangunkan satu kerangka bagi memberi panduan kepada pihak berkuasa tempatan, pemaju dan perancang bandar dalam pembangunan bandar rendah karbon. Ia merupakan satu sistem yang mengira tahap pengeluaran karbon berdasarkan penilaian kriteria prestasi yang dirangkumi empat elemen iaitu persekitaran bandar, infrastruktur bandar, pengangkutan bandar dan bangunan. Buat masa ini, KeTTHA sedang bekerjasama dengan 13 rakan strategik dan merancang lima projek perintis dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan bagi memperlus dan juga mempromosikan aplikasi LCCF ini.

Kedua, *Electric Vehicle Masterplan*, dengan izin. KeTTHA juga sedang mempromosikan penggunaan kenderaan elektrik bagi mengurangkan penggunaan bahan api fosil termasuk diesel. Kerjasama dengan pengeluar-pengeluar kenderaan elektrik dijalin untuk melaksanakan program rintis kenderaan elektrik bagi kenderaan penumpang. Program ini sedang dilaksanakan di kawasan sekitar Bukit Bintang, Kuala Lumpur dan juga Putrajaya, bertujuan mendapatkan data-data teknikal dan pandangan orang awam dalam penyediaan pelan infrastruktur kenderaan elektrik iaitu *electric vehicle master plan* yang akan bermula pada tahun hadapan.

#### ■1030

Ketiga, Program MyHijau. Selain itu kementerian juga sedang membangunkan satu program bersepadu bagi meningkatkan dan membangunkan produk dan perkhidmatan hijau di Malaysia. Program ini dikendalikan sebagai program MyHijau. Ini mengandungi empat sub program yang akan merangkumi peringkat pengeluaran produk sehingga peringkat ia dipasarkan iaitu MyHijau IKS dan Usahawan, MyHijau Pelabelan, MyHijau Direktori dan juga MyHijau Perolehan.

Keempat, IJM 2012. IJM ini adalah merupakan satu pameran dan persidangan antarabangsa yang dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai *International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia*. Program ini sudah di dalam tiga tahun termasuk tahun ini dan di mana tahun ini program ini diadakan pada 10 hingga 13 Oktober yang lalu dan diadakan di *Kuala Lumpur Convention Centre*. Program ini nampaknya dapat menarik minat daripada syarikat-syarikat *green technology* ini datang ke Kuala Lumpur untuk mempamerkan produk-produk dan perkhidmatan mereka dan juga termasuk syarikat-syarikat tempatan, yang mana syarikat-syarikat tersebut dapat peluang untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka kepada pengunjung-pengunjung atau *business matching*, dengan izin, yang kita jemput pihak syarikat asing atau pihak pembeli daripada negara asing untuk datang melawat pameran ini.

Apa yang nak saya sebutkan Tuan Yang di-Pertua ialah dalam tiga tahun ini yang dipamerkan, diadakan IJM ini. Bagi tahun 2010 kita mencapai potensi transaksi perniagaan sejumlah RM1.2 bilion. Pada tahun 2011, jumlah transaksi ini ialah RM1.35 bilion dan pada tahun ini pula jumlah transaksi ialah RM1.31 bilion. Tuan Yang di-Pertua, itulah program-program yang diusahakan oleh kementerian dari segi aplikasi *green technology*. Ada juga lain-lain yang saya tak sempat ini. Kalaulah Yang Berhormat minat, saya boleh juga memberikan jawapan bertulis seperti program-program yang lain, yang diusahakan oleh kementerian. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan sebentar tadi. Soalan tambahan saya, setakat ini berapakah taman industri teknologi hijau yang telah diwujudkan dan nyatakan lokasinya, serta bilangan usahawan yang terlibat termasuk usahawan tempatan? Apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan penyertaan pengusaha tempatan dalam teknologi hijau ini? Apakah pelan perancangan dan pembangunan kerajaan dari segi jangka pendek dan jangka panjang bagi teknologi hijau serta impaknya kepada masyarakat kita. Terima kasih.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Nampaknya Yang Berhormat sangat minat tentang tajuk ini. Memang untuk secara umum Yang Berhormat sebab pertanyaan tadi melibatkan banyak aspek dan sektor. Kalau saya nak jawab secara terperinci akan mengambil masa yang banyak. Akan tetapi saya boleh bekalkan Yang Berhormat data-data yang diminta atau spesifik sektor atau subsektor yang kita sudah usahakan seperti taman teknologi hijau dan sebagainya. Secara umumnya Yang Berhormat, kementerian sedang dalam mengumpul perangkaan-perangkaan yang kita ada tentang data-data mengenai semua sektor kerana teknologi hijau ini Yang Berhormat, adalah satu sektor yang cukup luas sebab ia banyak *cross sector*, dengan izin. Oleh sebab itu kita sedang dalam pengumpulan data-data mengenai syarikat-syarikat tersebut.

Walau bagaimanapun saya nak sebut, kita sudah ada satu *green directory* dengan izin, di mana kita catatkan dan kita juga masuk dalam laman sesawang kita. Direktori ini kita boleh sebut atau katakan minat daripada syarikat-syarikat yang ada di dalam negeri kita adalah banyak dan juga melibatkan berbagai sektor sama ada dalam perkhidmatan atau *services* atau dari segi produk atau eksport mereka ke luar negeri. Daripada jumlah yang kita usahakan di pihak negeri ini, kita sedang dalam perbincangan dengan negeri-negeri berkenaan untuk promosikan *green technology* ini. Kita nampak dari segi negeri-negeri yang berkaitan, negeri Melaka yang mendahului negeri lain kerana Melaka melalui kepimpinan di negeri itu, ingin menjadikan negeri Melaka sebagai satu negeri hijau dari segi pelaksanaan dan berkecimpung dalam bidang ini.

Kita sedang berusaha dengan pihak negeri untuk melaksanakan hasrat mereka dan setakat ini negeri Melaka telah wujudkan satu *solar valley* di mana negeri tersebut akan menggunakan kawasan tersebut demi untuk memperluaskan lagi industri-industri solar terutamanya industri pembinaan *solar panel* dan sebagainya di dalam negeri tersebut. Kita juga sedang berusaha untuk mendapatkan kajian dan penyelidikan dengan institusi-institusi pengajian tinggi di negeri Melaka. Banyak lagilah Yang Berhormat yang kita berusaha dan saya akan memberikan satu penjelasan yang lebih lanjut dan lebih terperinci secara bertulis.

■1040

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya soalan tambahan Dato' Jaspal.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya tentang skim-skim untuk soalan ini. Apa yang kita lihat ini, kita ada skim pembiayaan teknologi hijau iaitu untuk pelaksanaan projek. Sektor ini memang satu sektor yang dikenal pasti sebagai *is a new growth sector*. Bagaimana dengan usahawan-usahawan yang hendak mereka atau hendak menabung untuk *research and development*? Adakah kementerian akan mengeluarkan skim untuk isu-isu ataupun perkara-perkara *research and development*? Terima kasih.

**Dato' Sri Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang daripada segi *renewable energy* ini atau tenaga boleh baharu ini memang kita harap menjadi suatu sektor yang boleh mencapai pembangunan yang pesat di masa akan datang. Solar ini memang satu benda daripada RE yang senang dilaksanakan sebab ia melibatkan pelaksanaan atau kegunaan *solar panel* yang kita boleh beli daripada pihak pembekal. Oleh sebab itu, untuk memperluaskan lagi kegunaan *solar panel* ini untuk menjana tenaga elektrik, kita bekerjasama dengan pihak institusi pendidikan terutamanya IKN dan lain-lain supaya kita dapat latihan yang mencukupi.

Ini kerana kita perlu ada sumber manusia daripada segi pemasangan, cara pemasangan yang betul dan tidak akan menjejaskan *efficiency solar panel* tersebut. Semua ini kita kena ada latihan untuk pekerja-pekerja yang berkaitan. Ini adalah satu cara kita untuk memperluaskan lagi kegunaan *solar panel*.

Untuk R&D Yang Berhormat, kementerian saya tidak terlibat dalam R&D ini. Semua R&D atau skim-skim R&D yang diadakan khususnya mengenai *research and development* dalam sektor tenaga boleh baharu ini adalah di dalam MOSTI atau Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Kita bekerjasama dengan kementerian tersebut untuk melaksanakan sesuatu R&D yang diperlukan. Akan tetapi saya juga hendak sebut kerana R&D ini hanya dalam setakat *efficiency* sahaja Yang Berhormat dan tidak melibatkan *for example solar cells* yang kita usahakan dalam negeri-negeri seperti Jepun, *South Korea* dan Amerika.

Akan tetapi kita hanya setakat kita bandingkan apakah *efficiency solar panel* yang dibekalkan oleh seumpamanya negara China, Jepun, Korea dan sebagainya supaya kita tahu bahawa sekian-sekian jenis atau pembuatan adalah lebih efisien kalau banding dengan lain-lain. Ini supaya pengguna-pengguna kita ada *protection* atau perlindungan daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang menjual *solar panel* ini dengan iklan yang tidak betul dan sebagainya. Sekian.

**4. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud** minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah berlaku pertambahan jumlah penyakit yang disebabkan oleh bawaan air (*waterborne diseases*) dan adakah penyakit-penyakit tersebut disebabkan oleh kualiti air yang merosot.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, pemantauan penyakit bawaan air (*waterborne diseases*) adalah juga termasuk penyakit bawaan makanan. Air yang dimaksudkan adalah air yang diminum oleh manusia. Data penyakit bawaan makanan dan air dari bulan Januari hingga September 2012 mendapati tiada peningkatan kes-kes penyakit bawaan makanan dan air berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2011.

Penyakit bawaan makanan dan air yang dipantau oleh Kementerian Kesihatan Malaysia terdiri daripada *typhoid*, *cholera*, *hepatitis 'A'* dan keracunan makanan. Selain daripada memantau kejadian wabak-wabak, apa-apa penyakit yang disyaki berpunca daripada air atau makanan. Dari bulan Januari hingga September 2012, kadar insiden penyakit *typhoid* telah menurun kepada 0.87 bagi setiap 100,000 penduduk daripada 0.92 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2011. Kadar insiden *cholera* pula turun kepada 0.79 bagi setiap 100,000 penduduk daripada 1.91 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2011.

Manakala kadar insiden *hepatitis A* menurun kepada 1.12 bagi setiap 100,000 penduduk daripada 1.36 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2011. Bagi keracunan makanan (KRM), didapati sebanyak 380 episod yang melibatkan 11,245 kes telah dilaporkan setakat bulan Januari hingga September 2012. Bilangan ini adalah rendah berbanding dengan yang dicatatkan pada tahun 2011 iaitu sejumlah 434 episod keracunan makanan yang melibatkan 13,579 kes.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian penyakit bawaan air disumbangkan oleh pelbagai faktor seperti pencemaran air dan makanan, penggunaan air tidak terawat dan tidak selamat dan juga persekitaran yang kotor. Kebersihan diri pula penting dalam mencegah penyakit bawaan air dan makanan seperti amalan membasuh tangan menggunakan air dan sabun sebelum dan selepas makan, sebelum menyediakan dan menyentuh makanan dan selepas ke tandas, memilih gerai makan yang bersih, mengendalikan serta memasak makanan dengan baik dan juga sempurna.

Kementerian Kesihatan memantau kualiti bekalan air minum yang dibekalkan oleh pihak pembekal air awam setiap minggu dan mendapati tiada kemerosotan kualiti air tersebut. Pemantauan dari bulan Januari hingga Oktober 2012 menunjukkan peratus pematuan bagi parameter *E.coli* di seluruh negara adalah baik iaitu 99.7 peratus. *E.coli* adalah parameter yang dihubungkan dengan pencemaran mikrobiologi. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Tuan Syed Shahir.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan cuaca yang tidak menentu bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia, dan ini akan mengakibatkan berlakunya banjir dan bencana-bencana yang lain. Apakah persediaan dan sudah kah kementerian bersiap siaga sekiranya berlaku bencana yang mana boleh mendatangkan mudarat kepada rakyat di negeri ini?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian melalui pasukan kita iaitu pasukan pemantauan dan juga pasukan yang bertanggungjawab untuk melakukan pendidikan kesihatan sentiasa bersiap sedia terutama sekali menghadapi suasana yang mana kita berhadapan dengan bencana alam termasuklah banjir pada setiap tahun.

■1050

Pasukan ini akan diaktifkan sejurus selepas amaran kepada bencana alam ini berlaku. Untuk menjawab kepada persoalan Yang Berhormat itu sudah tentu kita bersiap sedia berhadapan dengan apa saja senario ataupun situasi yang menuntut kepada tindakan daripada kakitangan kementerian.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga sebenarnya jawatankuasa ini ditubuhkan di setiap daerah di mana pejabat kesihatan daerah diwujudkan. Di sana juga pasukan ini akan ditubuhkan yang terdiri bukan sahaja daripada kakitangan pejabat daerah malah yang paling penting adalah daripada hospital sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Puan Chew Lee Giok** minta Menteri Kewangan menyatakan, berapa orang yang telah memohon untuk BR1M RM250 untuk individu bujang dan BR1M 2.0 RM500, dan bila ia akan diedarkan.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, pendaftaran BR1M 2.0 telah bermula pada 1 November 2012 dan akan berakhir pada 31 Disember 2012. Sehingga 12 Disember 2012, sebanyak 1.9 juta permohonan baru telah diterima yang merangkumi, satu kategori individu bujang seramai 1,480,481 orang dan kategori kedua, isi rumah untuk keluarga seramai 435, 232 orang.

Bagi melicinkan lagi pelaksanaan BR1M 2.0, penerima BR1M sedia ada tidak perlu lagi daftar untuk kali kedua. Secara keseluruhan penerima BR1M 2.0 dijangka dapat memanfaatkan 4.3 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang yang melibatkan peruntukan sebanyak RM3 bilion. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga pengagihan BR1M 2.0 akan bermula pada awal tahun 2013. Sekian.

**Puan Chew Lee Giok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mahu tanya BR1M 2.0 mengambil berapa lama masanya untuk diedarkan kepada penerimanya? Juga kita mengetahui bahawa untuk penerima BR1M 1.0 mereka tidak usah mengisi borang permohonan BR1M 2.0. Saya ingin tanya ialah adakah mereka merupakan kumpulan yang pertama menerima surat pemberitahuan BR1M 2.0? Mereka mesti tunggu sampai bila? Jika mereka tidak menerimanya, bagaimana mereka hendak buat aduan? Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok. Seperti kita sedia maklum BR1M 1.0, kita telah memberi kepada sejumlah 4.3 juta isi rumah. Memang kita menghadapi masalah tertentu. Untuk kali ini kita memang ada lebih pengalaman dan kita harap dalam tempoh tiga bulan kita boleh selesaikan pembayaran ini. Kita mesti mendapat bantuan daripada semua pihak.

Untuk mereka yang kali pertama dapat dan kali kedua tidak dapat mereka boleh membuat aduan melalui ketua kampung atau pergi melalui pemimpin masyarakat dan memberitahu Kementerian Kewangan atau LHDN atau merujuk kepada saya Yang Berhormat. Tiada masalah. Okey, sekian.

**6. Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah program-program yang dilaksanakan untuk pembangunan sukan di peringkat awal, iaitu sekolah-sekolah rendah supaya mereka yang berkaliber dapat dikesan dan diberi bimbingan awal. Apakah skim yang ada pada masa ini untuk anak-anak muda yang berkaliber dilatih dan meningkatkan prestasi mereka ke taraf antarabangsa.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]:** Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sukan di peringkat awal bolehlah dilihat daripada tiga bahagian iaitu:

- (i) program-program mencungkil bakal yang disediakan;
- (ii) pendedahan atlet-atlet muda di kejohanan-kejohanan sukan; dan,
- (iii) apakah latihan-latihan teratur yang disediakan oleh kementerian untuk atlet-atlet muda kita.

Bagi mengenal pasti bakat-bakat baru dalam sukan, pihak kementerian telah melaksanakan beberapa program-program cungkil bakat misalnya TID atau *talent identification*, dengan izin, Program Cari Juara di mana seramai 30,000 pelajar telah diuji, Program Tunas Gemilang peringkat sekolah di mana 150,000 murid dan pelajar telah diuji, program-program asasi atlet multilateral dan kem-kem *Little Champ*.

Fokus pencarian bakat adalah menyasarkan kanak-kanak dan remaja berumur di antara tujuh hingga 15 tahun yang mempunyai tahap pencapaian fizikal yang cemerlang mengikut pengkhususan sukan spesifik yang dijalankan di seluruh negara termasuk kanak-kanak di luar bandar. Sehubungan itu pihak kementerian sedang di peringkat perbincangan dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melaksanakan Program Tunas Gemilang ini di sekolah-sekolah seluruh negara. Dengan itu diharap akan lebih ramai bakat-bakat sukan dapat dicungkil di masa hadapan.

Berkaitan dengan kejohanan-kejohanan sukan pula, kejohanan-kejohanan yang disertai oleh atlet-atlet muda kita yang bertujuan meningkatkan daya saing dan sebagai pendedahan buat atlet-atlet muda negara di peringkat yang lebih tinggi termasuk kejohanan-kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah (MSSD), MSSN, MSSM, Majlis Sukan Universiti Malaysia, Sukan Malaysia, Sukan Remaja Komanwel Asia, Olimpik, Sukan Universiti ASEAN, Asia dan dunia. Objektif bagi kejohanan-kejohanan tersebut adalah untuk meningkatkan mutu sukan dan menggalakkan pertumbuhan bilangan penyertaan di peringkat daerah, negeri dan negara terutamanya dalam sukan-sukan yang diberi keutamaan atau dipertandingkan di peringkat yang lebih tinggi seperti Sukan Olimpik.

Ketiga berkaitan dengan latihan yang lebih teratur yang telah diadakan di 864 buah pusat latihan daerah di sekolah-sekolah sukan negeri, sekolah sukan Malaysia dan dengan adanya program-program untuk pelapis-pelapis negeri, serantau dan kebangsaan untuk atlet-atlet muda kita. Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua Dasar 1Murid 1Sukan diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia juga dilihat sebagai salah satu usaha kerajaan untuk menyemarakkan lagi aktiviti bersukan di peringkat sekolah dan akar umbi. Sekian.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih di atas jawapan soalan saya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang ada jawapan tadi, kita dapati terdapat banyak program tetapi program ini memang beratus orang murid-murid telah pun diberi ujian di peringkat awal.

Bolehkah Menteri memberi penjelasan berapa banyak murid-murid yang ada potensi untuk mungkin mengambil bahagian di Sukan Olimpik dalam masa 10 tahun atau 12 tahun yang akan datang. Kedua, sukan ini kita ada sukan pasukan dan sukan individual. Kita dapat tahu bahawa Malaysia ini kita dapat mengeluarkan juara-juara dunia dalam bidang sukan individual seperti badminton dan skuasy. Akan tetapi di dalam bidang ini banyak bergantung kepada ibu bapa daripada segi kewangan dan dorongan. Bagaimanakah kementerian bercadang hendak bekerjasama sebagai satu *partner* dalam sukan dengan ibu bapa yang anaknya mempunyai *talent* untuk menjadi seorang jaguh sukan pada masa akan datang? Terima kasih.



## ■1100

**Tuan Gan Ping Sieu:** Terima kasih di atas soalan tambahan yang dibawa oleh Yang Berhormat. Berkaitan dengan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mewujudkan lebih ramai lagi atlet-atlet muda yang bakal mungkin bertanding di Sukan Olimpik, itu sebenarnya bolehlah dikatakan program-program berterusan tetap ada dan sebagaimana yang telah saya sebutkan sebentar tadi, program-program latihan yang lebih tersusun daripada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah sehingga ke peringkat universiti. Prestasi setiap sukan dan prestasi setiap orang atlet ini bergantung kpd prestasi semasa ke semasa.

Jadi agaknya program *Road to Rio De Janeiro* memang ada dan selepas itu sehingga tahun 2020, program-program sudah diatur. Cuma sama ada atlet-atlet kita dapat mencapai lebih ramai lagi ataupun dapat merampas pingat emas pada Sukan Olimpik yang akan datang bergantung kepada prestasi dengan atlet-atlet sukan pada masa itu.

Kedua adalah berkaitan dengan apakah kaedah yang lebih baik untuk membantu sama ada dalam sukan individu ataupun sukan berpasukan, apakah peranan yang telah dimainkan oleh Kementerian adalah dengan mengadakan *investment* di dalam infrastruktur dengan adanya program-program teratur, dengan adanya sokongan daripada misalannya sokongan kerjasama dan sokongan tambahan daripada Institut Sukan Negara dan sebagainya. Apa yang lebih mustahak Yang Berhormat ialah kadangkala kita terpaksa memandang bidang sukan ini daripada segi yang lebih menyeluruh.

Salah satu daripada peranan yang dimainkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan dan keduanya ialah peranan yang dimainkan oleh ibu bapa. Kadangkala kita mendapati bahawa dia sampai setakat misalannya 18 tahun ataupun 20 tahun, ibu bapa terpaksa membuat satu ketetapan, sama ada membenarkan anaknya yang telah menunjukkan bakat dan berpotensi untuk *term* profesional ataupun melanjutkan dalam bidang masing-masing atau dalam bidang sukan tertentu ataupun menggalakkan mereka untuk melanjutkan pelajaran akademik. Itulah sesuatu yang kita hadapi. Itu bukan sekadar di Malaysia sahaja, saya rasa di mana negara menghadapi masalah yang sama.

Akan tetapi apa yang mustahaknya, Kementerian telah merancang dan telah membentangkan satu kertas kerja kepada Kabinet dan saya difahamkan bahawa ia telah diterima secara prinsipnya oleh Kabinet bahawa insentif-insentif yang telah disediakan yang pertama bagi pihak yang membina infrastruktur sukan, kedua bagi pihak yang menjalankan bisnes dalam akademik sukan dan yang ketiga insentif-insentif yang kita dapat tawarkan kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka untuk mengadakan ataupun mengambil dalam kursus-kursus sukan yang dijalankan secara profesional. Itulah beberapa langkah yang telah diambil dan mudah-mudahan kalau kita dapat persetujuan ataupun saya difahamkan kerajaan masih meneliti kerana ia mempunyai implikasi kewangan yang menyeluruh di dalam perkara ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, adakah nilai-nilai kenegaraan dan matlamat pembinaan sebuah negara bangsa diserapkan secara sedar, saya ulang diserapkan secara sedar dalam pelbagai program-program kesukanan dari sekolah rendah hingga ke sekolah tinggi. Saya sedar bahawa secara tidak langsung, nilai-nilai kenegaraan dan matlamat pembinaan satu bangsa ini ada diselitkan. Akan tetapi apa yang saya hendak tanya ialah sekiranya aspek ini diserapkan secara sedar dalam program-program itu. Terima kasih.

**Tuan Gan Ping Sieu:** Terima kasih di atas soalan tambahan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator. Nilai-nilai kenegaraan ini memang mustahak di dalam diri seseorang untuk motivasi dan semangat seorang atlet itu semasa dia bertanding. Semangat patriotisme ini diterapkan di dalam segi nasihat dan kaunseling adalah satu yang mustahak untuk memotivasikan atlet-atlet negara kita. Sekian.

7. **Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah cadangan Kementerian untuk memastikan peningkatan harga barangan keperluan harian berlaku secara sistematik dan berdasarkan kuasa beli pasaran yang tidak membawa kesan penggandaan kepada pengguna.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]:** Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan berlakunya kenaikan harga di pasaran. Ia merupakan situasi yang berlaku di seluruh dunia akibat pelbagai faktor seperti pengaruh cuaca, bencana alam, ketidakstabilan politik, kenaikan harga komoditi makanan asas, harga minyak dan kadar tukaran mata wang selain kegiatan spekulasi harga. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan pasaran bebas, kerajaan tidak mengawal semua harga barangan. Harga barang bergantung kepada kuasa pasaran yang ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran.

Namun sebagai kerajaan yang amat prihatin tentang kos sara hidup yang membebankan rakyat, justeru pelbagai usaha dan tindakan telah diambil bagi menyejahterakan rakyat. Kerajaan mampu mengawal peningkatan harga barangan keperluan harian menerusi pemantauan harian di pasar basah, pasar raya besar, pasar mini dan kedai runcit agar para peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan sesuka hati. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan memantau dan mengesan kenaikan harga barangan, keperluan harian di seluruh negara.

Seramai 1,300 pegawai pemantau harga telah dilantik bagi melaksanakan pemantauan harga di seluruh daerah merangkumi kawasan bandar dan luar bandar. Penghulu-penghulu dan skuad pengguna di seluruh negara turut membantu memantau harga melalui pelaksanaan skim kawalan harga musim perayaan serta kerjasama media cetak dan media elektronik serta pengguna-pengguna di seluruh negara. Sekiranya ada sebarang kenaikan harga dilaporkan, kementerian akan menjalankan penyiasatan dan mengambil tindakan susulan. Tindakan boleh diambil berdasarkan peruntukan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2012.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengawal harga barangan makanan keperluan asas seperti gula, tepung gandum, kegunaan am, minyak masak sawit dan beras super tempatan 15 peratus hancur. Kerajaan menanggung subsidi bagi mengawal kenaikan harga barangan keperluan makanan asas ini agar tidak menjadi beban kepada rakyat. Program penyeragaman harga bagi menyeragamkan harga barangan daripada kawasan pedalaman dan kawasan bandar di Sabah dan Sarawak termasuk Semenanjung juga dilaksanakan.

Kerajaan turut menyediakan pelbagai alternatif kepada pengguna agar dapat membuat pilihan, membeli barangan pada harga yang rendah. Sebagai contohnya, kerajaan telah menyediakan Program Menu Rakyat 1Malaysia yang kininya kita mendapat 3,188 kedai yang telah pun mengambil bahagian. Kedai Rakyat 1Malaysia dan Kedai Koperasi 1Malaysia (*COOP Mart*) serta Anugerah Kedai Pilihan Rakyat 1Malaysia. Pihak kementerian juga telah menawarkan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) bagi membantu para penuntut di institusi-institusi pengajian tinggi mengurangkan perbelanjaan.

Pihak kementerian turut berusaha mengawal kenaikan harga barangan di pasaran dengan sentiasa mengadakan sesi rundingan bersama pihak pengilang, pengimport, pemborong dan peniaga agar tidak berlaku kenaikan harga yang melampau. Kempen penurunan harga juga diteruskan setiap tahun dengan penglibatan pengusaha pasar raya dan pelbagai premis perniagaan di seluruh negara. Para pengguna boleh merancang perbelanjaan dan berbelanja dengan bijak apabila membuat perbandingan harga di laman *portal Pricewatch* sebelum keluar berbelanja.

#### ■1110

Selain itu, pihak kementerian juga turut mengadakan program-program gerakan pengguna kepada orang ramai bagi menambahkan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan isu-isu kepenggunaan semasa. Yang pentingnya, jadilah pengguna yang bijak dan ingatlah hak anda sebagai pengguna. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan syabas kepada kementerian dengan adanya Kedai Rakyat 1Malaysia. Apakah langkah-langkah dan tindakan kerajaan yang lebih berkesan dan bersifat jangka panjang terhadap pembekal, pengeluar, pengimport dalam *cartel monopoly* keuntungan berganda seperti susu bayi, tepung gandum, minyak dan barangan keperluan harian?

**Dato' Tan Lian Hoe:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar. Untuk makluman Yang Berhormat, langkah atau tindakan kerajaan yang lebih berkesan bersifat jangka panjang bagi pembekal, pengeluar dan pengimport, khususnya untuk barangan iaitu kawalan ini. Sebenarnya bahawa pihak Kementerian bersama dengan iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, sebenarnya kita telah pun mempunyai stok-stok yang telah pun siap sedia untuk masa depan.

Dari segi susu bayi, sebenarnya ia telah dijawab semalam. Bahawa kita agak sukar untuk mengawal harga susu bayi ini disebabkan kerana kita bukan pengeluar ataupun menternak lembu secara besar-besaran. Kita cuma ada dalam 4 peratus sahaja, yang selebihnya adalah perlu kita import. Walaupun kita telah berbincang dengan pihak Kementerian Kesihatan. Kita buat masa ini tidak dapat membuat kawalan harga kepada susu bayi ini disebabkan kerana khususnya iaitu susu tepung bayi ini, disebabkan kerana pihak Kementerian Kesihatan sebenarnya menjalankan iaitu kempen atau program penyusunan susu daripada ibu.

Sebab itu, dari segi bekalannya memang kita jamin bahawa pada masa jangka panjang ini tidak berlakunya kekurangan bekalan untuk barang keperluan asas untuk rakyat Malaysia ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita menyedari bahawa bekalan ikan dan juga sayur tidak mencukupi, kita terpaksa import daripada Thailand dan juga Sumatera khususnya. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan mewujudkan Kedai Ikan 1Malaysia, ini dapat menurunkan sikit harga. Akan tetapi sejauh mana kita akan terus bergantung pada mengimport barang-barang yang saya sebutkan tadi, ikan dan sayur khususnya. Apakah kerajaan melalui kementerian boleh bekerjasama dengan pengimport-pengimport ini sebab harga tempat asal itu murah. Kubis di Medan itu, dekat *farm* dia, 40 sen sahaja sekilo. Akan tetapi bila sampai sini berganda-ganda. Mohon pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Berkaitan dengan ikan dan sayur ini, kadang kala boleh dikatakan bahawa kita terpaksa. Memang kita tidak dapat nafikan kita mengimport banyak iaitu ikan dan sayur dari negara luar. Disebabkan kerana pada hari ini iaitu nelayan-nelayan kita semakin kurang. Ini kerana anak-anak muda kita pada hari ini tidak berminat menjadi pak nelayan dan pak tani. Maka, akibat daripada itu kita menghadapi iaitu bekalan yang perlu kita import dari negara luar.

Dari segi harga, sebenarnya kita tidak dapat iaitu mengawal. Ini kerana apabila harga yang ditawarkan dari negara luar itu kalau harganya rendah, maka sudah pastinya iaitu apabila kita import, maka harga apabila sampai ke negara kita, harganya adalah lebih rendah. Akan tetapi kalau harganya ketika harga pasaran di dunia melambung tinggi, maka kita terpaksa menerima harga yang tinggillah. So, dalam hal ini sebenarnya dari semasa ke semasa pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah pun mengadakan sesi-sesi perjumpaan dengan iaitu pengimport-pengimport dari negara kita, pembekal-pembekal. Ini supaya kita bincang harga-harga yang mereka import ini dan berapa banyak kah iaitu keuntungan mereka dari semasa ke semasa.

So, selalunya apabila kita mengadakan perjumpaan begini, pengimport selalunya mengatakan bahawa kadangkala harga yang ditawarkan dari negara luar yang ditetapkan dengan harga yang tinggi, maka terpaksa dijual dengan harga tinggi. Akan tetapi kalau harganya rendah, maka rakyat di negara kita mendapat harga yang lebih rendah. Sekian, terima kasih.

**8. Datuk Haji Saat bin Haji Abu** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, supaya memperbanyakkan kerja di bidang-bidang pembinaan kelas 'F' hingga kelas 'D' kerana di akhir-akhir ini kegiatan berkaitan kerja-kerja pembinaan kelas 'F' hingga kelas 'D' amat berkurangan di seluruh negara. Ini boleh menjejaskan sumber pendapatan kepada mereka. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu atas soalan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengutamakan agenda bumiputera dalam usaha melaksanakan proses transformasi negara berasaskan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Ini termasuklah membantu kontraktor-kontraktor tempatan, khususnya dari kelas 'D', 'E' dan 'F' supaya sentiasa kompetitif dan mampu berdaya saing dalam industri pembinaan di negara ini. Untuk itu, kerajaan telah melancarkan pelbagai inisiatif dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada golongan kontraktor bumiputera kelas-kelas ini. Antaranya ialah menerusi dasar agihan kontrak kerajaan di mana sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kontrak projek berskala besar ditawarkan kepada kontraktor bumiputera. Dasar ini telah dilaksanakan menerusi peraturan dan surat pekeliling kerajaan yang masih berkuat kuasa.

Di samping itu, kerajaan juga pada bulan Mei 2012 yang lalu telah bersetuju supaya kerja-kerja penyelenggaraan berkala jalan Persekutuan yang sebelum ini dilaksanakan oleh syarikat konsesi dibuka dan ditawarkan kepada kontraktor tempatan kelas 'D', 'E' dan 'F'. Dalam masa yang sama, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Pusat Khidmat Kontraktor juga sedang berunding dengan syarikat MRT *Company* untuk menentukan agihan kontrak kepada kontraktor bumiputera dalam Projek My Rapid Transit (MRT) di Lembah Klang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di samping pelbagai inisiatif dan bantuan yang telah diwujudkan oleh kerajaan, golongan kontraktor bumiputera juga perlu sentiasa mempersiapkan diri dan berusaha meningkatkan bidang kemahiran dan kelas pendaftaran mereka. Ini untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dan mampu bersaing di peringkat lebih tinggi dalam arus globalisasi yang semakin mencabar masa kini. Sekian, terima kasih.

#### ■1120

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu:** Terima kasih kepada jawapan yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Cuma kita juga ingin melihat bahawa bukan sahaja projek-projek di dalam seliaan Jabatan Kerja Raya, tetapi kita juga mahu kementerian memberikan peluang-peluang kepada kontraktor-kontraktor Kelas 'F', 'E' dan 'D' ini pada agensi-agensi lain seperti yang kita cadangkan di dalam Skim Perumahan PR1MA.

Jadi kita harap pihak kementerian dapat memberikan perhatian khusus kepada kontraktor-kontraktor ini kerana kita lihat bahawa terdapat hampir 50,000 pemilik Kelas 'F', 'E' dan 'D' ini di seluruh negara. Kalau mereka ini kita tidak dapat pantau dengan sistematik, kita rasa mereka ini tidak akan diberi peluang untuk mendapatkan sebarang kerja di dalam sesuatu jabatan. Minta komen Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Yoong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua saya memang sedar dan setuju. Kita tahu dalam kontraktor yang didaftarkan dengan pihak PKK sejumlah 62,000 kontraktor pelbagai kelas. Dari Kelas 'D', 'E' dan 'F' boleh dikatakan 60 peratus nya adalah dalam Kelas 'D', 'E' dan 'F'. Memandangkan projek yang di bawah kerajaan bukan hendak agihkan kepada semua kontraktor ini memang ia tidak dapat kita bagi kerana bilangan projek yang ada di Kementerian Kerja Raya adalah 3,000 lebih sahaja setahun.

Untuk 60,000 kontraktor ini memang ada satu masalah besar, tetapi kita— dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.4, dalam tahun 1995 ianya telah pun termaktub 30 peratus dari projek yang berskala besar akan diberikan kepada pihak kontraktor bumiputera. Ini dijalankan untuk semua projek kerajaan. Dari segi Kementerian Kerja Raya, kita telah pun menjalankan ini dan ketua pengarah telah pun keluaran surat arahan supaya projek di atas RM10 juta akan diberi maksimum 15 peratus kepada pihak kontraktor 'E' dan 'F'.

Usaha kita juga bukan sahaja di dalam agensi kerajaan, kita berusaha dari segi PKK dan agensi teraju. Kita berusaha supaya projek-projek berskala besar swasta atau GLC juga menjalankan dan memberikan peluang-peluang kepada kontraktor bumiputera. Saya bagikan MRT kita telah berjalan dan dari Jambatan Pulau Pinang Kedua yang kita terhujung ini kita akan berikan kontrak-kontrak seberapa banyak kepada pihak kontraktor 'D', 'E' dan 'F' bumiputera. Ia akan dijalankan awal tahun depan.

Juga banyak peluang akan diwujudkan di projek *oil and gas* di Sipitang, Sabah, projek *oil and gas* di Pengerang boleh juga kita memberikan satu rundingan dengan mereka supaya mengambil kontraktor bumiputera 'D', 'E' dan 'F' untuk melaksanakan beberapa projek. Sekian, terima kasih.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan mengenai kontraktor Kelas 'D', 'E' dan 'F'. Soalan tambahan saya adalah berapakah bilangan sampai hari ini kontraktor Kelas F yang masih aktif dan berapa pula bilangan yang tidak aktif. Pada Julai sidang lepas, Menteri menjawab bahawa kontraktor Kelas 'F' pada tahun baru akan dibuka semula pada November dan adakah dibuka semula hari ini. Selepas itu, semalam masyarakat Siam adalah dibenarkan untuk mendaftar syarikat di bawah bumiputera dan adakah Masyarakat Siam layak untuk membuat permohonan kontraktor Kelas 'F' ini. Terima kasih.

**Dato' Yoong Khoon Seng:** Okey. Tuan Yang di-Pertua sebenarnya semalam saya telah pun memberi sedikit maklumat, yang sebenarnya kita telah bukakan semua pendaftaran kontraktor berbilang kelas. Sebenarnya kita buat dan bekukan ini kerana kita hendak memutihkan atau kita menyemak kontraktor yang aktif sahaja kita akan daftar semula. Daripada hujung tahun yang lepas, khususnya Kelas 'F' ada dekat 32,000, sampai hari ini kita telah pun bagi kepada dekat 25,000 sahaja. Ini telah pun kita bersihkan. Kita tahulah berapa ramai yang mengambil lesen dan tidak aktif. Ada juga dalam satu keluarga ada lima lesen. Ini tidak baiklah dan kita membuat pemutihan.

Pada pihak masyarakat Siam, kita- terpulang kepada pihak PKK untuk melihat bagaimana mereka layak sebagai kontraktor bumiputera Kelas 'F'. Kita perlu memohon kepada pihak Kementerian supaya mereka akan memastikan ianya adakah dia bumiputera atau tidak.

**9. Datuk Chin Su Phin** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah pandangan kementerian mengenai cadangan menetapkan doktor dan jururawat perempuan sahaja yang merawat ibu mengandung dan apakah perkara yang boleh dilaksanakan.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Pin di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat Senator mengenai cadangan menetapkan doktor dan jururawat perempuan sahaja yang merawat ibu mengandung adalah baik. Pada masa ini hampir keseluruhan ibu mengandung yang mendapatkan rawatan dan pemeriksaan di klinik kesihatan dan hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dirawat oleh jururawat perempuan. Walau bagaimanapun, pemeriksaan oleh doktor perempuan sahaja di klinik kesihatan dan hospital Kementerian Kesihatan masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana masih lagi mengalami kekurangan doktor perempuan terutama sekali pakar O&G ataupun "*Obstetrik dan Ginekologi*".

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia tidak mendiskriminasikan gender pemberi rawatan mahupun pesakit yang menerima rawatan. Walau bagaimanapun, sekiranya ada permintaan khusus daripada pesakit yang ingin mendapatkan perkhidmatan dari pegawai perubatan atau pakar sakit puan wanita, pihak Kementerian Kesihatan akan memenuhi permintaan tersebut bergantung kepada terdapatnya petugas dan doktor wanita di hospital atau klinik yang berkaitan.

Semua graduan dalam bidang perubatan dipilih dan dilatih dalam bidang-bidang utama perubatan termasuklah bidang kebidanan dan sakit puan yang meliputi kes-kes bersalin supaya dapat menjadi seorang doktor yang kompeten dan boleh ditempatkan di mana-mana fasilitet Kementerian Kesihatan. Dengan ini di fasilitet kesihatan tertentu termasuklah di pendalaman di mana tiada doktor wanita yang bertugas, rawatan kes bersalin akan diberikan oleh doktor lelaki.

Seorang staf perempuan adalah diperlukan sebagai *chaperon*, dengan izin untuk menemani doktor lelaki dan pesakit semasa rawatan diberikan. Latihan dalam bidang kepakaran pelbagai disiplin termasuk bidang kebidanan dan sakit puan terbuka kepada semua pegawai perubatan sama ada lelaki atau perempuan bergantung pada minat masing-masing.

■1130

Pihak Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk mengehadkan nisbah kemasukan pegawai perubatan yang mengambil kepakaran dalam bidang kebidanan dan sakit puan dari segi gender. Di samping itu, terdapat ramai doktor wanita yang memilih bidang-bidang lain sebagai bidang kepakaran seperti bidang ortopedik, bidang forensik, onkologi, bedah otak dan sebagainya, bukan hanya bidang kebidanan dan sakit puan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Manakala dari segi jururawat pula, pihak Kementerian Kesihatan tidak mempunyai halangan untuk melaksanakan cadangan jururawat perempuan sahaja yang merawat ibu mengandung memandangkan terdapat bilangan jururawat perempuan yang lebih ramai daripada jururawat lelaki. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah inisiatif kementerian dalam usaha memastikan doktor-doktor pakar perbidanan wanita supaya dapat terus kekal kerja di hospital kerajaan mahupun di bidang akademik bagi terus memberikan perkhidmatan di bidang obstetrik dan ginekologi kepada masyarakat awam? Apakah peranan kementerian dalam memastikan pusat pengajian perubatan tempatan memberikan galakan kepada mahasiswi perubatan supaya mengambil kira bidang ini sebagai kerjaya mereka di masa depan? Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Izinkan saya berkongsi dengan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mengenai jumlah pakar kebidanan dan sakit puan di negara kita dan seterusnya saya akan menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan.

Sehingga 10 September 2012, terdapat seramai 245 orang pakar kebidanan dan sakit puan di mana 109 orang merupakan pakar lelaki dan 136 orang merupakan pakar perempuan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, berdasarkan statistik tahun 2011, seramai 1.1 juta orang pesakit telah mendapat rawatan sebagai pesakit dalam dan pesakit luar di klinik pakar kebidanan dan sakit puan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Oleh itu, nisbah seorang pakar sakit puan kepada pesakit adalah seorang pakar kepada 4,695 orang pesakit.

Jika kita lihat dari segi kelahiran pula, kelahiran secara dasarnya adalah sejumlah 398,777 setiap tahun. Jadi nisbah seorang pakar kepada kelahiran adalah seorang pakar bagi setiap 600 kelahiran. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, bagi memberikan galakan agar bidang O&G ataupun "*Obstetrik dan Ginekologi*" ini mendapat sambutan sama ada di peringkat kerjaya ataupun di peringkat latihan, kementerian sebenarnya komited bagi memastikan sasaran *Millennium Development Goals* atau MDG 5 dapat dicapai kerana ini merupakan komitmen negara di mana kadar kematian ibu mengandung disasarkan penurunan sebanyak 75 peratus Yang Berhormat, iaitu 11 kematian kepada 100,000 penduduk. Sekarang kita berada dalam kedudukan 28 kematian kepada 100,000 penduduk. Maksud saya kelahiran hidup.

Mohon izin Tuan Yang di-Pertua, saya hendak perbetulkan kenyataan saya iaitu 11 kematian per 100,000 kelahiran hidup. Dibandingkan sekarang adalah 28 kepada 100,000 kelahiran hidup menjelang tahun 2015. Berbanding dengan apa yang telah dilaporkan pada tahun 1990. Oleh daripada itulah Yang Berhormat, kita sebenarnya memerlukan ramai pakar O&G lagi.

Berdasarkan keperluan *United Nations MDG*, Kementerian Kesihatan Malaysia juga komited untuk menambah bilangan latihan di mana diperuntukkan sekarang ini Yang Berhormat, adalah 800 slot untuk pelbagai kepakaran bagi program latihan pasca siswazah ataupun *masters* di mana 55 slot diperuntukkan untuk kepakaran O&G sahaja. Penambahan slot ini akan dipertimbangkan daripada semasa ke semasa Yang Berhormat, berdasarkan kemampuan universiti-universiti kita untuk melatih pegawai-pegawai perubatan ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, universiti-universiti yang sedia ada yang memberikan latihan *Masters in O&G* ataupun pasca siswazah ini adalah Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Selain daripada itu Yang Berhormat, langkah untuk mempromosikan bidang O&G agar ia mendapat sambutan dan juga menarik lebih ramai pelajar di IPT untuk mengambil bidang ini adalah melalui laluan alternatif kita, MRCOG, di mana kelulusan MRCOG adalah kelulusan pakar dalam bidang O&G. Selalunya mereka ini datang daripada universiti di United Kingdom.

Selain daripada itu Yang Berhormat, kita juga menawarkan pakej-pakej untuk mengekalkan pakar agar mereka terus berkhidmat di Kementerian Kesihatan. Antaranya adalah meningkatkan *allowance on-call* bagi pakar dan keduanya adalah memperbaiki elaun bayaran insentif pakar dan memperkenalkan elaun kritikal serta *time-based promotions* untuk doktor. Mereka memerlukan hanya *timeline* yang sedikit *in order*, dengan izin, untuk memudahkan mereka untuk mendapatkan JUSA dan sebagainya. Selain daripada itu, peluang kenaikan pangkat ke Gred Khas untuk pegawai perubatan pakar juga lebih cepat pada ketika ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan berkenaan dengan, menerusi pembentangan Belanjawan 2012 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, telah dicadangkan peruntukan berjumlah RM700 juta untuk pembinaan hospital khusus bagi wanita dan kanak-kanak. Jadi saya mohon status kepada cadangan ini.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Memang benar Yang Berhormat, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan mempunyai perancangan untuk membina Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kuala Lumpur dalam perancangan Rancangan Malaysia Ke-10. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada ketika ini kita mempunyai satu hospital wanita dan kanak-kanak yang berada di negeri Sabah iaitu Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas.

Selain daripada itu, kementerian juga telah mewujudkan *maternity block* Yang Berhormat iaitu di Seremban, Ipoh dan juga Kuala Terengganu. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**10. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, bagaimanakah kementerian menyasarkan hala tuju sebenar pertumbuhan industri automotif negara dan impak pasaran global dan kekangan yang ketat oleh institusi kewangan dalam membiayai skim sewa-beli di Malaysia pada tahun 2013-2015.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany Mohammad Yit atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan arus perubahan dalam industri automotif global, kajian semula ke atas Dasar Automotif Nasional ataupun NAP 2012 telah dilaksanakan untuk meningkatkan mekanisme pelaksanaan instrumen-instrumen NAP bagi mencapai objektif-objektif yang ditetapkan di bawah NAP 2006 dan 2009.

Kajian semula ini juga adalah bagi mengharungi cabaran dan keperluan global terkini. Di bawah NAP 2012, satu rangka kerja telah ditetapkan yang terbahagi kepada dua elemen iaitu hala tuju dan strategi. Elemen pertama iaitu hala tuju merangkumi teras-teras seperti pelaburan, teknologi dan kejuruteraan serta peluasan pasaran.

#### ■1140

Teras pelaburan menyasarkan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab bagi *energy efficient vehicle* (EEV) melalui tarikan pelaburan langsung asing (FDI) terpilih dan juga menggalakkan juga pelaburan domestik langsung (DDI) yang strategik.

Secara keseluruhannya NAP 2012 menggariskan beberapa inisiatif penting ke arah penambahbaikan ekosistem industri automatif termasuk pembangunan modal insan, rantai bekalan pembangunan teknologi dan peluasan pasaran yang dijangka memastikan kemapanan berterusan industri automatif tempatan selari perkembangan industri automatif di peringkat serantau dan global.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan garis panduan amalan pembiayaan yang baik, yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia mengenai kemudahan kredit pinjaman jual beli kenderaan ataupun *hire purchase* mulai awal tahun ini adalah bagi memastikan semula lapisan warga Malaysia mempunyai *credit rating* yang positif dan berbelanja mengikut kemampuan kewangan masing-masing. Dalam mana-mana pelaksanaan dasar yang baru, industri dan pasaran yang berkaitan akan mengalami proses dan kesan perubahan terutamanya pada fasa awal pelaksanaannya.

Ini merupakan satu reaksi yang biasa dan telah biasa dijangka oleh pihak berkenaan, sama ada pengeluar dan pengedar kenderaan, institusi kewangan serta pembeli sendiri. Namun demikian, usaha-usaha yang diambil oleh pengeluar kenderaan bagi menangani kesulitan yang timbul berikutan pelaksanaan garis panduan skim sewa beli tersebut telah dapat mengurangkan kesan ke atas penjualan kenderaan mereka mahupun impak ke atas industri automatik tempatan secara keseluruhannya. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany, tambahan.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa soalan berkaitan iaitu mohon maklumat terkini tentang prestasi pemindahan teknologi dari syarikat luar kepada syarikat tempatan dan berapakah bilangan vendor tempatan yang telah mendapat pengiktirafan dan diberi lesen mengeluarkan alat ganti? Ketiga ialah prestasi terkini Dasar Automatif Negara dalam pasaran kereta terpakai. Terima kasih.

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Kerajaan kita memang sentiasa melihat setakat mana kita boleh memperbaiki atau menambahbaikan lagi pasaran kita, lebih-lebih lagi dalam pasaran tempatan supaya ini dapat diperluaskan untuk memberi satu manfaat yang lebih sempurna kepada pembeli dan pengguna-pengguna kenderaan kita di Malaysia ini. Jadi, dari segi syarikat-syarikat yang terlibat dalam alat-alat ganti ini tadi, ini juga satu strategi yang kita buat supaya syarikat-syarikat yang terlibat ini- saya tidak mempunyai data untuk berapa syarikat yang terlibat tetapi kita akan menggalakkan mereka ini supaya mereka ini diberi lagi teknologi-teknologi yang baru supaya pengeluaran mereka ini adalah pengeluaran alat-alat ganti yang berkualiti, boleh bersaing dengan alat-alat ganti yang kita dapat daripada luar negara.

Jadi, selain daripada itu kita juga memberi insentif kepada mereka supaya mereka ini dapat mengembangkan lagi syarikat mereka atau perniagaan mereka dalam bidang-bidang tertentu. Ini akan memberi lebih lagi, bisnes yang lebih luas bagi mereka, bukan hanya untuk mengeluarkan tetapi juga mempromosi, memasarkan produk-produk mereka dalam bidang alat ganti ini. Jadi, sebagaimana yang kita tahu, usaha kerajaan pada masa akan datang ialah mempunyai tujuan supaya negara kita ini menjadi satu hab pengeluaran *energy efficient vehicle*, di mana tempoh daripada hibrid dan semi hibrid. Jemaah Menteri pada 4 Julai 2012 telah bersetuju untuk mempertingkatkan lagi bidang ini dan kita ingin menarik pelaburan dalam segmen kenderaan bertenaga efisien (EEV) dan seterusnya memasarkan Malaysia sebagai hab kenderaan EEV menjelang tahun 2015 dan ke arah tahun 2020 nanti.

Jadi dengan ini, kita amat berharap sekali supaya industri kenderaan kita pada masa akan datang akan mengikut beberapa pelan hala tuju. Satu, yang ditetapkan Pelan Hala Tuju Industri Automatif Hijau ataupun *Green Automotive Industry Roadmap* yang akan dibangunkan oleh *Malaysia Automotive Institute* bersama dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Julai 2012.

Kedua tadi, Pelan Hala Tuju Teknologi Automatif Malaysia ataupun *Malaysia Automotive Technology Roadmap*, di mana kita memperkembangkan teknologi yang baru, yang terkini untuk membangunkan industri automatif kita dari aspek teknologi dan sampai ke matlamat kita.



Yang ketiga tadi ialah guna sistem pangkalan data 3R iaitu yang disebutkan *reuse, reduce and recycle*. Jadi, sistem ini bertujuan mengawal selia aktiviti-aktiviti 3R dalam industri automatif yang turut merangkumi penglibatan pihak pengeluar kenderaan, komponen dan alat ganti, pusat pelupusan kenderaan berlesen juga akan kita masuk dalam ini dan akan dijalankan. Jadi justeru itu, kertas yang dikemukakan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kenderaan EEV ini, kita menjadikan Malaysia sebagai hab EEV seterusnya ke arah industri yang lebih kompetitif pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah langkah-langkah diambil oleh kementerian kira berkesan dalam pasaran global, memandangkan kereta kita jarang nampak di negara-negara lain. Terima kasih.

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Ini juga satu soalan yang amat penting bagi kita untuk mengatasi oleh sebab kita ingin melihat supaya pengeluaran kenderaan kita iaitu *Proton* ataupun *Perodua* dapat ditingkatkan di pasaran antarabangsa lebih-lebih pasaran ASEAN. Jadi, setakat ini apa yang kita telah tahu daripada syarikat DRB ataupun yang telah mengambil alih syarikat Proton ini, mereka ini tidak akan mengeluarkan lagi semua jenis kenderaan yang diperlukan, yang dibuat pada masa dulu.

Akan tetapi mereka akan melihat dari segi keperluan, jenis-jenis yang boleh dipasarkan di negara-negara tertentu. Jadi seperti *Exora* setakat ini, ia dapat kita lihat dapat dijual, laku dijual di negara ASEAN ataupun di Thailand ataupun di tempat-tempat yang lain, jadi mereka berfikir cara mana mereka dapat tumpukan pengeluaran *Exora*. Tidak payah lagi mengeluarkan semua jenis yang ada bagi mereka itu. Jadi, dia akan mengeluarkan jenis-jenis kenderaan yang lebih fokus kepada keperluan di negara-negara yang ada.

Seperti *Persona*. Kereta *Persona* ini diperlukan, dapat dijual di negara-negara ASEAN, jadi mereka tumpukan supaya pengeluaran *Persona* itu dapat dilihat dengan sebaiknya dan perbaiki lagi supaya ia punya kualiti dan dia punya *efficiency* itu dapat ditingkatkan. Jadi ini akan lebih bersaing lagi dengan kereta-kereta yang lain. Jadi inilah cara-cara serta langkah-langkah yang telah diambil supaya penjualan kereta, kenderaan-kenderaan kita yang dibuat di Malaysia ini dapat dipasarkan ke negara-negara lain. Sekian, terima kasih.

#### ■1150

11. **Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramai rakyat Malaysia yang menunaikan haji pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012. Berapa pula jumlah dalam senarai menunggu tahun-tahun akan datang dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi perkara ini; dan
- (b) jumlah jemaah haji tahun ini yang berdaftar dengan pakej swasta yang gagal menunaikan haji dan berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh syarikat berkenaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan jemaah haji Malaysia dari tahun 2008 hingga 2010 ialah seramai 26,000 orang, pada tahun 2011 dan 2012 ialah seramai 27,900 orang. Jumlah senarai menunggu sehingga 30 November 2012, jumlah terkumpul dalam senarai menunggu tahun-tahun akan datang adalah seramai 1,039,691 orang. Ingin saya jelaskan bahawa pemilihan bakal haji menunaikan fardu haji setiap tahun adalah berdasarkan proses pendaftaran bakal haji mengikut tarikh dan masa daftar haji mereka. Dalam erti kata lain, pendaftaran yang dahulu didahulukan dan yang kemudian dikemudiankan.

Sistem ini dinamakan sebagai Sistem Pendaftaran Haji Terbuka di mana pendeposit Tabung Haji yang memenuhi syarat pendaftaran akan diterima pendaftarannya. Memandangkan jumlah pendaftaran mereka yang berhasrat mengerjakan haji telah meningkat sejak kebelakangan ini, Tabung Haji telah memperkenalkan beberapa syarat tambahan:

- (i) tidak membenarkan jemaah haji mendaftar dalam tempoh lima tahun selepas mengerjakan haji;
- (ii) tidak memilih kanak-kanak 15 tahun melainkan dalam keadaan yang terpaksa untuk dipertimbangkan;
- (iii) memberi keutamaan kepada mereka yang berumur 75 tahun ke atas jika ada kekosongan tempat; dan
- (iv) menetapkan bayaran haji yang pernah pergi tunai haji untuk bayaran haji sepenuhnya tanpa mendapat tanggungan oleh Tabung Haji dan bagi yang mendaftar semula setelah mengerjakan haji, tiada jaminan diberi keutamaan bagi ditawarkan menunaikan haji pada masa hadapan.

Justeru, sebagai langkah untuk memberikan lebih ramai peluang mengerjakan ibadah haji pada setiap tahun, kerajaan terus menjalankan usaha mendapatkan kuota tambahan termasuklah mengemukakan permohonan melalui peringkat tertinggi negara kepada Kerajaan Arab Saudi. Walau apa sekalipun, ia sangat bergantung pada kuota haji 0.1 peratus daripada jumlah penduduk yang telah diputuskan dalam mesyuarat OIC pada tahun 1978 di Aman, Jordan. Namun demikian, kerajaan mengambil maklum akan projek pembangunan secara besar-besaran yang sedang dijalankan dan mengakibatkan tempat penginapan jemaah haji di Makkah dan Madinah adalah terhad.

Sukacita saya maklumkan bahawa semua jemaah haji berdaftar dengan Tabung Haji yang memilih untuk mengikuti pakej swasta iaitu pakej Pengelola Jemaah Haji (PJH) telah berjaya mengerjakan haji tahun 2012 seperti mana tahun-tahun sebelumnya. Pada peringkat awal musim haji tahun ini, PJH ada membuat makluman bahawa mereka membuat persediaan untuk bilangan jemaah yang lebih tinggi daripada bilangan sebenar dan menganggarkan akan mengalami kerugian khususnya daripada segi sewa bangunan dan hotel penginapan. Walau bagaimanapun, mereka telah berjaya menjual semula hotel tersebut pada harga pasaran dan PJH tidak memaklumkan kepada pihak Tabung Haji berapa kerugian sebenar yang mereka alami. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan. Dipersilakan Tuan Haji Muhamad Yusof.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jumlah lebih daripada satu juta dalam senarai menunggu adalah satu jumlah yang besar yang mengambil masa yang panjang untuk sampai kepada giliran mereka menunaikan haji. Sedangkan menunaikan haji seperti mana yang kita maklum adalah satu kewajipan dalam Islam. Pertanyaan tambahan saya, adakah kerajaan tidak mempunyai alternatif untuk menyenaraipendekkan di mana meletakkan keutamaan kepada orang yang belum menunaikan haji.

Maksud saya diletakkan dua. Satu, yang belum pernah tunai haji dan kedua yang pernah menunaikan haji supaya orang-orang yang berhak menunaikan kewajipan mereka itu didahulukan. Kita tidak boleh semata-mata bergantung kepada ihsan daripada Kerajaan Arab Saudi walaupun itu amat penting dan mustahak yang perlu dilakukan setiap tahun. Maknanya alternatif ini terpaksa dilakukan oleh kerajaan di mana keutamaan tersebut.

Keduanya mengenai pakej swasta. Kita tidak dapat menafikan bahawa mereka ini menyumbang kepada kerajaan, kepada ahli jemaah dan juga kepada Tabung Haji sendiri. Apa yang berlaku baru-baru ini menyebabkan sebahagiannya mengadu kerugian walaupun kita tidak tahu jumlah yang sebenar. Ini juga saya ingin tahu, apakah mekanisme yang ada kepada kerajaan khususnya Tabung Haji untuk memastikan jumlah jemaah haji yang diberi kepada pakej-pakej yang berdaftar dengan Tabung Haji itu diberitahu lebih awal supaya mereka tidak menempah penginapan, pengangkutan dan sebagainya yang menyebabkan kalau mereka tidak dapat jual balik tempahan itu, mereka akan menghadapi kerugian yang besar? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang kita sebut, jumlah yang besar daripada rakyat Malaysia yang menunggu untuk menunaikan haji ini antara lain membuktikan kemewahan ekonomi yang dirasakan oleh rakyat Malaysia sehingga ramai yang berhasrat untuk menunaikan haji. Kita juga sedia maklum bahawa menunaikan haji ini merupakan rukun tetapi dalam masa yang sama tertakluk juga kepada kemampuan yang antara lain ialah kemampuan kita ini tergantung kepada kuota yang dibenarkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Saya telah sebut dalam jawapan awal Tuan Yang di-Pertua, bahawa pada hari ini kalau ada seorang yang mendaftar haji, tempoh yang terpaksa ditunggu adalah 30 tahun untuk membolehkan dia menunaikan haji. Justeru, memang kita meletakkan keutamaan kepada mereka yang belum pernah menunaikan haji untuk diberi keutamaan. Kepada mereka yang telah pernah seperti yang saya sebut tadi, tidak dibenarkan untuk mendaftar. Bukan cakap dia boleh duduk dalam *list*, daftar pun tidak boleh dalam masa lima tahun.

Sekiranya dia dapat, kadang-kadang dia dapat itu bukan kerana ada kelebihan tertentu tetapi dia pergi kerana menjadi mahram, menjadi pembantu ataupun pengiring kepada jemaah yang lanjut usia dan sebagainya atas alasan tertentu. Kalau dapat pergi untuk kali yang kedua, dia tidak akan membayar dengan harga yang ditanggung oleh Tabung Haji. Kalau ikutkan kepada kos sebenar yang terpaksa ditanggung oleh jemaah ialah sebanyak RM15,555. Akan tetapi kalau untuk pertama kali, dia cuma membayar RM9,980 manakala RM5,575 lagi adalah kos yang ditanggung oleh Tabung Haji sebagai satu bayaran yang dibuat kepada jemaah haji yang pertama kali menunaikannya.

Berkenaan dengan pakej swasta ini Yang Berhormat, apabila seseorang itu mendaftar untuk menunaikan haji, dia ada tiga pilihan. Pertama untuk pergi melalui muassasah yang kita sebut dengan harga yang ditanggung kalau pertama kali sebahagiannya oleh Tabung Haji. Keduanya melalui *Tabung Haji Travel* dan ketiga melalui Pengelola Jemaah Haji atau pakej swasta. Pakej swasta ini harganya sangat berbeza mengikut kepada kemampuan. Jadi kita hanya ada 25 buah syarikat yang dilesenkan untuk membawa jemaah-jemaah melalui Pengelola Jemaah Haji.

Kita tidak dapat menentukan kuota berapa yang diberikan kepada mereka kerana jemaah sendirilah yang akan memilih daripada 25 PJH iaitu Pengelola Jemaah Haji ini mengikut tawaran-tawaran harga yang diberikan, jemaah sekarang ini bebas untuk memilih. Jadi kita tidak boleh beri kepada syarikat ini 10 kuota atau 100 kuota. Tiba-tiba jemaah tidak memilih kepada syarikat tersebut dan memilih kepada syarikat yang lain. Saya percaya Pengelola Jemaah Haji ataupun syarikat swasta ini tidak mengalami kerugian berdasarkan kepada setiap tahun memang ada permintaan daripada jemaah untuk pergi mengikut swasta. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Dato' Mohammed Najeed untuk soalan tambahan yang kedua.

**Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Keadaan yang berlaku pada musim haji 2012 adalah satu keadaan yang amat mendukacitakan, yang menyedihkan kepada pengendali ataupun Pengelola Jemaah Haji (PJH) yang seramai 25 buah syarikat. Buat pertama kalinya, mereka dapat dimaklumkan hanya beberapa hari sebelum hari wukuf. Ini menyebabkan tidak ramai yang menerima tawaran tersebut dan bilangan yang pergi melalui PJH adalah terlalu kecil menyebabkan PJH-PJH tersebut ataupun syarikat-syarikat pengendali tersebut mengalami satu kerugian yang amat teruk sekali. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada angka, saya bagi angka.

#### ■1200

Angka ini saya dapat daripada angka rasmi yang mana jumlahnya adalah RM16 juta *net loss* yang ditanggung oleh 25 PJH ini setelah semua bilik telah dijual dengan harga diskaun, *discounted price*, dengan izin. Ertinya mereka terpaksa jual pada waktu akhir disebabkan tiada jemaah tadi dan mereka menanggung kerugian yang saya rasa agak tinggi. Jadi saya rasa pihak kementerian melalui Tabung Haji juga mungkin boleh memikirkan bagaimana membantu syarikat-syarikat. Antaranya ialah memberi sedikit kuota untuk musim haji tahun depan sebagai contoh. Perundingan-perundingan harus dibuat kerana mereka ini semua bergabung di bawah Bumitra iaitu sebuah persatuan pengusaha-pengusaha pelancongan bumiputera.

Yang kedua, saya ingin mencadangkan iaitu tanggungan yang sebanyak RM5,555 tadi yang diberi kepada jemaah-jemaah yang melalui Program Muassasah dapat juga dirasakan oleh mereka-mereka yang menunaikan haji melalui syarikat-syarikat PJH ini tadi. Ini kerana saya sebagai seorang bakal jemaah, saya ada pilihan dan saya juga seorang pendeposit di Tabung Haji. Saya rasa saya juga harus menerima subsidi dengan izin yang bernilai RM5,555 tadi. Ini kerana saya tidak boleh ditidakkan hak itu kerana saya memilih untuk melalui dengan PJH yang lain. Mohon maklum balas. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum apa yang berlaku pada tahun 2012 ini adalah keadaan yang tidak terkawal apabila kuota haji tidak mendapat tambahan. Jadi soal kuota ini Yang Berhormat, seperti mana yang kita sebut kita tidak mempunyai kuasa untuk mendapat lebih melainkan ihsan daripada pihak Kerajaan Saudi. Justeru itu kita menasihatkan kepada semua rakyat supaya menunjukkan akhlak yang baik, jangan berdemonstrasi, jangan membuat sesuatu yang bercanggah... *[Tepuk]* Supaya kita sentiasa dilihat sebagai rakyat baik dan akan mempunyai hubungan yang baik dan orang akan menambah secara ihsan kuota kepada kita.

Yang kedua Yang Berhormat, berkenaan dengan subsidi ini Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat bekerja dengan kerajaan, kerajaan mengumumkan Yang Berhormat akan mendapat elaun dan sebagainya pada hujung tahun, itu tidak termasuk dalam mereka yang bekerja dengan swasta. Samalah juga kita hanya memberi kos tanggungan yang lebih sebanyak RM5,575 hanya kepada jemaah yang mengikuti kepada muassasah. Jemaah yang mengikuti pakej swasta ini ialah jemaah yang biasanya memang mampu untuk membayar lebih kerana mahukan kepada servis yang lebih baik seperti mahu segera pulang, tempat yang lebih dekat dan juga hotel yang lebih mewah dan sebagainya. Maka sesuai dengan servis yang diberikan juga. Maka bayaran yang harus dibayar sesuai dengan servis yang diberikan. Mana mungkin diberi subsidi kepada servis yang lebih hebat daripada servis biasa yang kita tawarkan.

Jadi pada saya ia adalah sesuatu yang di luar daripada kemampuan yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan itu betul-betullah Yang Berhormat tahu apa yang berlaku sebenarnya dalam masalah Tabung Haji ini. Terima kasih.

**12. Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor** minta Menteri Kesihatan menyatakan, tindakan serta pencegahan yang dibuat terhadap kegiatan penjualan ubat-ubatan yang menyalahi Akta Farmasi 1971 yang semakin berleluasa di bawah skim *multi-level marketing* (MLM).

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menjawab soalan yang ketiga untuk Kementerian Kesihatan pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor. Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia, semua transaksi melibatkan produk-produk kesihatan dan kosmetik adalah dikawal di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Semua produk kesihatan yang dipasarkan di Malaysia perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) manakala produk kosmetik pula perlu melalui prosedur *notification* sebelum ia boleh dijual.

Buat masa ini premis perniagaan seperti kedai ubat, kedai runcit, syarikat jualan langsung dan sebagainya yang menjual produk kesihatan tidak perlu mendapatkan lesen atau kebenaran khas daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Pemantauan dan kawalan hanya dapat dibuat terhadap produk-produk kesihatan yang dijual di premis-premis tersebut. Pemantauan pasaran akan dilakukan secara berterusan di mana produk-produk yang diragui sama ada produk berdaftar, tidak berdaftar atau produk makanan akan di sampel dan diuji dalam makmal untuk mengetahui kandungan sebenarnya. Sekiranya terdapat penjualan produk kesihatan dengan cara yang menyalahi peruntukan undang-undang, premis tersebut akan diserbu dan produk tersebut akan dirampas. Pemilik atau syarikat yang terlibat juga boleh dihadapkan ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak mempunyai kuasa khusus ke atas aktiviti skim *multi-level marketing* (MLM) kerana ia di kawal di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sedia bekerjasama demi memastikan keselamatan dan hak pengguna sentiasa terpelihara. Orang ramai digalakkan untuk membuat aduan jika terdapat sebarang keraguan terhadap kualiti dan keselamatan produk kesihatan dan kosmetik yang digunakan.

Sebarang maklumat atau aduan boleh dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia atau kepada cawangan negeri masing-masing. Ia juga boleh dikemukakan menerusi laman sesawang [www.farmasi.gov.my](http://www.farmasi.gov.my) atau alamat emel [farmasi1@moh.gov.my](mailto:farmasi1@moh.gov.my). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan kepada soalan saya dan soalan-soalan sebelum ini. Hari ini banyak Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab soalan lisan kita. Terima kasih banyak.

Cuma sedikit penjelasan tentang bagaimana kementerian menghadapi cabaran baru pemasaran. Teknik-teknik pemasaran zaman sekarang. Semuanya *online*. Pemasaran siber yang sangat agresif. Macam-macam *online* ini. Macam-macam masalah sekarang ini termasuk juga tentunya jualan ubat secara *online*. Kita lihat Akta Farmasi ini tahun 1971, akta yang disebut akta kawalan-kawalan tadi 1952, 1984 yang tentunya pada ketika itu tidak mengambil kira aspek siber atau *online* ini. Jadi saya mohon penjelasan rancangan atau rencana kementerian dalam menghadapi cabaran baru ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kesihatan sebenarnya sentiasa memantau iklan ubat-ubatan termasuklah iklan yang disiarkan secara *online*. Setiap iklan ini akan diteliti untuk memastikan ia telah mendapat kelulusan Lembaga Iklan Ubat di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Iklan yang tidak memperoleh kelulusan akan diambil tindakan, Yang Berhormat termasuklah tindakan mahkamah. Pada masa yang sama, jika iklan tadi melibatkan ubat-ubatan yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, tindakan selanjutnya akan diambil termasuklah mengenal pasti premis-premis yang menjual ubat-ubatan tersebut. Rampasan akan dibuat dan syarikat ini akan dibawa ke mahkamah jika terbukti melakukan kesalahan.

Kementerian Kesihatan juga sebenarnya, Yang Berhormat, sentiasa bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk menutup laman web ataupun menyekat laluan ataupun akses kepada talian yang tertera pada iklan tersebut. Bagi laman web yang bukan di dalam negara, setiap pengimportan ubat-ubatan tersebut akan dihalang apabila ubat-ubatan tersebut di hantar ke Malaysia.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat tahun 2012, tindakan yang melibatkan pengiklanan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan ke atas MLM, Yang Berhormat, iklan yang disiasat adalah sebanyak tiga kes untuk tujuan pendakwaan dan amaran yang telah dikeluarkan adalah sebanyak 16 kes. Perkara yang dirujuk ke Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan adalah dua kes membawa jumlah kepada 21 kes setakat ini Yang Berhormat.

#### ■1210

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak Kementerian Kesihatan sebenarnya dalam proses untuk membenteng Rang Undang-undang Farmasi setelah memuktamadkan konsultasi awam yang kami laksanakan dan dijangkakan rang undang-undang ini akan dapat dibentangkan, *insya-Allah* jika diizinkan pada tahun hadapan. Akta ini sebenarnya adalah akta yang akan menggabungkan empat akta yang sedang dikuatkuasakan pada ketika ini iaitu Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952, Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dan juga Akta Ubat, Iklan dan Penjualan 1956, empat akta Yang Berhormat. Itu sahaja yang saya dapat kemukakan untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah bangkitkan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan *food supplement*. Bekasnya tidak dinyatakan kegunaannya dan saya dapat jawapan bahawa ini memang ditetapkan oleh kementerian supaya tidak disalahgunakan. Akan tetapi daripada perhatian saya, apabila bekas itu kosong, jadi penjual lagi bebas. Kalau *you* ada sakit mata, dia kata ini baik untuk mata. Kalau ada masalah otak, dia kata baik untuk otak.

Saya percaya setiap *food supplement* itu dia ada kegunaan yang tertentu. Mungkin baik untuk mata, untuk telinga atau untuk apakah. Kalau kita kosongkan, mereka yang bebas dan kita tidak ada bukti apa yang mereka cakap. Jadi pada saya, ini lagi disalahgunakan daripada kalau kita ada catat sesuatu. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Izinkan saya menjawab persoalan ini Yang Berhormat dengan menyatakan bahawa *food supplement* kadang-kadang boleh disalahertikan. Ada yang beranggapan bahawa *food supplement* merupakan ubat dan sebagainya. Jika masalah itu berlaku, di peringkat kementerian kita mempunyai *food drug interface* ataupun jawatankuasa yang akan menentukan *grey area* ini Yang Berhormat. Kalau ianya terbukti adalah makanan, ianya akan dihantar ke Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan. Jika ianya adalah ubat, ianya akan dikendalikan oleh Bahagian Farmasi.

Untuk menjawab persoalan yang dikemukakan yang mana Yang Berhormat mengatakan bahawa dakwaan yang mengatakan ubat ini ataupun *food supplement* ini boleh menyembuhkan sejenis penyakit dan sebagainya, sebenarnya itu adalah satu perbuatan yang salah dan tindakan boleh diambil ke atas mereka yang mengemukakan sama ada mereka ini peniaga, pengimport ataupun pemborong. Jadi, tindakan-tindakan yang boleh diambil ialah kita boleh rampas dan dakwa mereka di mahkamah. Terima kasih

**13. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan, perangkaan restoran-restoran yang mematuhi dan mengingkari syarat-syarat dan peraturan pameran (pemameran) Logo Halal. Bagaimanakah modus operandi/tata pelaksanaan mengenai perkara itu dilakukan.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 740 pemeriksaan telah dilaksanakan oleh pihak JAKIM ke atas restoran yang menggunakan Logo Halal Malaysia dan ungkapan halal. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 308 mematuhi piawaian halal dan undang-undang dan sebanyak 432 premis restoran telah diberikan amaran kerana kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat pensijilan Halal Malaysia. Walau bagaimanapun, cuma lapan kes telah disiasat di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Untuk memastikan kredibiliti dan integriti pensijilan halal, JAKIM melakukan pemeriksaan pemantauan secara mengejut melalui dua kaedah iaitu pertama, pemantauan berkala yang dilakukan ke atas pemegang Sijil Halal JAKIM. Pemantauan ini dijadualkan pada setiap bulan dengan keutamaan pemantauan ke atas syarikat yang berisiko tinggi iaitu produk yang berasaskan daging dan ayam, minyak dan lemak, rumah sembelihan, produk yang tiada sistem kawalan halal, tiada eksekutif halal dan jawatankuasa halal dalaman.

Kedua ialah melalui pemantauan aduan awam iaitu dilakukan bersama agensi berkuat kuasa berkaitan seperti KPDNKK, Kementerian Kesihatan, Jabatan Veterinar, Kastam, pihak berkuasa tempatan dan agensi yang berkaitan. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tan Sri, tadi disebut bahawa sebanyak 432 amaran. Apakah tindakan lain selain daripada amaran terhadap yang ingkar. Kedua, apakah tindakan kepada restoran yang tidak guna logo halal seperti cuma ditulis, "*Pork free*" tetapi tidak ada logo halal.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita menyebut tadi bahawa amaran telah diberikan kepada syarikat-syarikat yang tidak mematuhi. Dalam masa yang sama tindakan lain sekiranya kes ini telah pun ditangkap dan disiasat, lapan kes memang telah dikenakan tindakan. Tindakan lain yang dikenakan pula bagi pihak JAKIM, kita cuma menyasat dan menangkap, menghantar kes tersebut sekiranya perlu untuk tindakan kepada KPDNKK untuk di kompaun dan juga pendakwaan yang dibuat daripada KPDNKK. Ada antara kes yang telah pun diberi tindakan ialah seperti menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf. Kesalahan pertama dikenakan sebanyak RM200,000 dan kesalahan kedua sebanyak RM500,000.

Berkenaan dengan restoran yang tidak menggunakan logo halal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menggunakan logo halal ini masih lagi di peringkat sukarela yakni bukan merupakan satu perkara yang dipaksa kepada restoran-restoran. Kesedaran mestilah ada kepada pengguna sendiri untuk melihat restoran yang hanya menggunakan atau mempamerkan Logo Halal JAKIM sahaja merupakan restoran yang benar-benar halal.

Akan tetapi kalau sekadar menulis "*Pork free*", ia bukan menandakan halal tetapi hanyalah bebas daripada *pork* ataupun khinzir sahaja tetapi ia bukanlah sesuatu yang halal. Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, di antara kesalahan-kesalahan yang telah disebut tadi dan amaran 400 lebih tadi, ada tidak pihak-pihak yang menggunakan logo halal yang palsu tadi buat sendiri. Kemudian, saya hendak tahu juga ciri-ciri yang biasanya dilakukan oleh mereka ini.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Logo halal yang dibuat sendiri ini termasuk di dalam istilah bahasa-bahasa halal. Misalnya Yang Berhormat, restoran tersebut meletakkan ayat al-Quran atau restoran tersebut menggunakan pekerja-pekerja yang bertudung tetapi tidak meletakkan logo halal. Jadi ini kadang-kadang diambil kira oleh pelanggan sebagai restoran yang halal sedangkan ianya bukan restoran yang halal. Kalau Yang Berhormat tanya ada atau tidak kawasan ataupun mereka-mereka yang menggunakan logo-logo yang tidak diiktiraf, memang ada.

Kita telah pun menjalankan pemantauan yang mana antaranya ialah seperti di bawah Perenggan 4(1) Perintah Perihal Dagangan dan Perakuan Penandaan Halal 2011, salah satu daripada presint atau tempat kejadian ialah seperti di Superstar Karaoke Box Sdn. Bhd. di Alamanda Yang Berhormat, yang mana tidak menggunakan logo yang diiktiraf. Karaoke ini bukanlah pasal iktiraf ke tidak Yang Berhormat tetapi makanan yang disediakan. Nanti Yang Berhormat silap faham pula, kata karaoke halal boleh menyanyi lagu nasyid sahaja, kah? Tidak Yang Berhormat, tetapi makanan yang disediakan di dalam karaoke tersebut tidak daripada makanan yang halal. Jadi, perkara seumpama ini memang disemak oleh pihak JAKIM. Terima kasih.

**14. Dato' Dr. Johari bin Mat** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah kesan positif terhadap proses Pendamaian Filipina MILF dalam aspek ekonomi dan keselamatan negara Malaysia, serta apakah usaha lanjut kerajaan untuk memastikan pendamaian ini berjaya.

**Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat bersekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar bertarikh 20 Disember 2012 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh mengenai isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

■1220

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Tuan Yang di-Pertua, pemeteraian kerangka perjanjian mengenai Bangsamoro di antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) di Istana Presiden Filipina di Manila pada 15 Oktober 2012 yang telah membuka satu lembaran baru yang boleh membawa kepada keamanan dan pembangunan sosioekonomi yang lebih mampan di Mindanao Selatan Filipina dan keselamatan keamanan serta kestabilan serantau.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, susulan pemeteraian kerangka perjanjian tersebut, Kerajaan Filipina bersama-sama MILF kini giat menjalankan usaha untuk menarik pelaburan asing ke Mindanao. Terutamanya dalam sektor perladangan getah dan kelapa sawit, pelancongan, pertanian, perlombongan, sumber mineral, pembinaan infrastruktur industri halal dan perbankan Islam. Usaha ini merangkumi antara lain penganjuran *Business Investment Forum* pada 29 Mei 2012 dan *Business Networking Opportunities* di *Mindanao* pada 29 November 2012 dan di Kuala Lumpur serta penyertaan pengerusi MILF-Al-haj Murad Ibrahim di *World Islamic Economy Forum* Kelapan di Johor Bharu pada 4 hingga 6 Disember 2012.

Usaha-usaha oleh Kerajaan Filipina dan MILF tersebut telah membuka ruang dan peluang bagi penyertaan secara lebih aktif oleh syarikat-syarikat Malaysia dalam sektor-sektor yang disebutkan tadi bukan sahaja di Mindanao malah di wilayah-wilayah lain di Filipina. Dari segi aspek keselamatan negara pula, sememangnya adalah menjadi harapan kita di Malaysia, terutamanya di rakyat Sabah sendiri untuk melihat keselamatan di kawasan perairan Sabah terjamin. Pemeteraian kerangka perjanjian mengenai Bangsamoro telah membawa kepada penurunan insiden konflik bersenjata di Selatan Filipina.

Kadar insiden jenayah dan keganasan yang berkurangan juga akan membantu mengurangkan kadar risiko berlaku jenayah lintas sempadan. Perkembangan sedemikian akan dapat meningkatkan tahap keselamatan di kawasan-kawasan negara kita yang bersempadan dengan Selatan Filipina. Tuan Yang di-Pertua, berikutan isu pelarian tanpa izin dari Filipina ke Sabah pula, pemeteraian kerangka perjanjian mengenai Bangsamoro juga membuka peluang baru kepada Kerajaan Malaysia untuk berbincang secara lebih serius dengan Kerajaan Filipina ke arah penyelesaian masalah pendatang tanpa izin dari Filipina ke Sabah. Kini, adalah masa terbaik untuk kedua-dua pihak menguruskan masalah tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semasa pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan Tuan Yang Terutama Presiden Benigno Aquino III sempena lawatan ke Manila pada 14 hingga 16 Oktober 2012, Yang Amat Berhormat telah turut menekankan isu dan juga keperluan bagi penubuhan Konsulat Filipina di Sabah. Presiden Filipina menyatakan bahawa beliau akan meneliti perkara ini demi untuk meningkatkan jalinan hubungan kerjasama yang lebih erat dengan Kerajaan Malaysia.

Mengenai usaha lanjut serta peranan Malaysia dalam memastikan kerangka perjanjian mengenai Bangsamoro ini dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan Filipina dengan MILF, peranan fasilitator Malaysia telah diteruskan. Malaysia juga akan terus mengetuai pasukan pemantauan antarabangsa ke IMT Mindanao bagi memantau pemantauan pelaksanaan gencatan senjata antara kedua-dua pihak. Selain itu, Kerajaan Malaysia juga menyatakan kesediaan untuk menawarkan lebih latihan teknikal dan vokasional bagi membina keupayaan pegawai-pegawai Bangsamoro dan untuk berkongsi pengalaman berkaitan pembangunan tanah-tanah rancangan seperti FELDA yang juga boleh diperkenalkan di Selatan Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Luar Malaysia adalah untuk tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain. Namun, sekiranya di pohon, Kerajaan Malaysia bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Filipina untuk mencari penyelesaian masalah secara aman yang akan menyumbangkan kepada keselamatan, keamanan dan pembangunan di rantau ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi satu jawapan yang menyeluruh berhubung dengan soalan tadi. Soalan tambahan saya ialah setakat ini syarikat-syarikat di Malaysia mempunyai peluang yang baik. Saya ingin tahu setakat mana peluang itu akan menunjuk minat yang telah diberikan oleh syarikat-syarikat Malaysia untuk membangunkan ekonomi di sana.

Kedua ialah berhubung dengan pendatang, pelarian yang disebutkan tadi ke Sabah. Jadi, mengikut rekodnya berapa ramai mereka yang sudah lari tadi akan dihantar pulang atau bagaimana, yang ada di Sabah. Terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Tuan Yang di-Pertua, selepas termeterainya perjanjian Bangsamoro ini, lebih banyak peluang-peluang akan di bawa ke Mindanao atau pun Selatan Filipina. Seperti saya katakan tadi iaitu antaranya ialah di mana model FELDA mungkin kita boleh gunakan di Selatan Mindanao ini apabila peluang-peluang seperti ini diwujudkan lebih banyak. Maka, sudah pasti migrasi dari Selatan Filipina ini, khususnya ke Sabah akan dapat dikurangkan. Apabila ada pembangunan dan ada peluang-peluang yang akan diwujudkan oleh syarikat-syarikat tidak lama lagi. *So far*, kita belum ada tetapi kita boleh nampak begitu banyak syarikat-syarikat telah menunjukkan minat untuk *explore the market*, dengan izin. *Market yang untapped*, yang belum diterokai sepenuhnya tetapi dengan adanya peluang-peluang seperti ini, maka begitu ramai akan... Itu satu.

Yang kedua, sudah pasti ini akan menarik balik yang lari ke Sabah ini akan mengalih semula ke Selatan Mindanao ini. Jadi, ini akan membuka lembaran baru. Akan tetapi mengenai berapa ramaikah bilangannya, saya tidak ada data tersebut. Jadi, saya boleh dapatkan atau pun boleh berikan secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat itu sahajalah kerana masa sudah cukup. Kita teruskan persidangan kita seterusnya. Silakan.

**[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**



**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG KEWANGAN (No. 2) 2012****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan

**■1230**

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2012 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2013 di samping untuk melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 64 fasal yang dibahagikan kepada lima bab seperti berikut.

Bab I - Permulaan. Dalam Bab I - "*Permulaan*" terdapat dua fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyatakan "*tajuk ringkas*" akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan (No.2) 2012.

Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Bab II - Pindaan Kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Bab II Bahagian I yang terdiri dari 38 fasal iaitu fasal 3 hingga fasal 40 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut.

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 2 seperti berikut:

- (i) meminda seksyen 2(1) untuk:
  - (a) memasukkan takrifan amanah perniagaan atau *business trust* dan mengemas kini takrifan "*company*";
  - (b) mengemas kini rujukan *Central Bank of Malaysia Act 1958* kepada *Central Bank of Malaysia Act 2009*;
  - (c) memasukkan takrifan *limited liability partnership* dan mengemas kini definisi-definisi berkaitan dengan perkongsian tersebut iaitu takrif *partnership* dan *person*; dan
  - (d) memasukkan takrifan kepada *treasury shares*.
- (ii) meminda subseksyen 2(9) untuk menjelaskan bahawa layanan cukai di bawah subseksyen 107C(4A) (Anggaran Cukai) Perenggan 2A Jadual 1 dan perenggan 19A Jadual 3 (Elaun Khas Bagi Aset Bernilai Kecil) adalah tidak terpakai kepada amanah perniagaan atau *business trust*; dan

- (iii) memasukkan subseksyen 2(11) bagi memperjelaskan bahawa apa-apa lanjutan rujukan di dalam akta yang berkaitan dengan syarikat seperti syer atau modal syer biasa, pemegang syer dan dividen adalah merujuk kepada unit atau *derivatives units*, pemegang unit dan agihan di dalam suatu amanah perniagaan.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4B bagi memperjelas bahawa hanya pendapatan faedah yang diperolehi daripada perniagaan pinjaman wang yang dilesenkan boleh dianggap sebagai pendapatan perniagaan di bawah paragraf 4(a).

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 6(1)(l) bagi mengenakan cukai ke atas caruman skim persaraan swasta yang dikeluarkan sebelum pencarum mencapai umur persaraan 55 tahun.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 8(1A) berhubung penentuan pemastautin, perkongsian liabiliti terhad dan amanah perniagaan di Malaysia.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 21 [Akta 53] untuk memperuntukkan bahawa seksyen ini tidak terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 21A bahawa tempoh asas sesuatu perkongsian liabiliti terhad adalah sama seperti tempoh asas bagi sesuatu syarikat.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 24(5) bagi memperjelaskan bahawa faedah daripada pinjaman yang diberikan dalam menjalankan perniagaan pinjaman wang berlesen dikenakan cukai sebagai pendapatan perniagaan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda subseksyen 25(3), sub perenggan 25(4)(a)(i), perenggan 25(4)(b) dan (c) dan subseksyen 25(5) untuk memendekkan tempoh bagi membangkitkan tafsiran bagi tahun-tahun kebelakangan dari lima tahun ke empat tahun dalam kes di mana pendapatan seseorang itu berkaitan dengan tempoh yang melebihi lima tahun kebelakangan.

Fasal 12 bertujuan meminda perenggan 27(2)(b) dan (c) dan subseksyen 27(3) untuk memendekkan tempoh bagi membangkitkan tafsiran bagi tahun-tahun kebelakangan dari lima tahun ke empat tahun bagi pendapatan daripada faedah, diskaun, sewa atau royalti atau apa-apa, pencen anuiti atau apa-apa bayaran berkala berkaitan dengan satu tempoh melebihi lima tahun kebelakangan.

Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 34D bagi membenarkan potongan ke atas kos yang dilakukan oleh syarikat untuk memperoleh syer perbendaharaan.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan perenggan 39(1)(n) bahawa apa-apa persaraan yang dibayar kepada rakan kongsi oleh perkongsian liabiliti terhad tidak layak mendapat potongan jika ia tidak diperuntukkan di dalam perjanjian perkongsian liabiliti terhad.

Fasal 15 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 44(5E) bahawa syarikat akta perkongsian yang bertukar kepada suatu perkongsian liabiliti terhad di benar untuk membawa ke hadapan kerugian perniagaan yang tidak boleh diserap.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda perenggan 44A(9)(a) untuk mengurangkan tempoh bagi membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dari enam tahun ke lima tahun dalam kes syarikat berkaitan yang membuat tuntutan kerugian yang tidak betul.

Fasal 17 bertujuan meminda perenggan 46(1)(k) untuk meningkatkan pelepasan cukai dari RM3,000 ke RM6,000 kepada individual iaitu ibu atau bapa yang menandatangani ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional bagi anaknya.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda perenggan 48(3)(a) untuk menaikkan pelepasan cukai dari RM4,000 kepada RM6,000 seorang bagi individual yang mempunyai anak berumur 18 tahun ke atas dan melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi. Potongan tambahan yang diberi kepada individual yang mempunyai anak kurang upaya berumur 18 tahun ke atas dan melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi juga dinaikkan kepada RM6,000.

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 60AA dan 15A bahawa landasan daripada pemegang dana keluarga suatu pengendali takaful hanya boleh ditolak daripada pendapatan statutori daripada punca dana keluarga sahaja.

Fasal 20 bertujuan meminda sub seksyen 60G(6) dengan menggantikan perkataan, "*Security Industry Act 1983*" dengan "*Capital Market Service Act 2007*"

■1240

Fasal 21 bertujuan meminda subseksyen 60I(4) untuk memperluaskan takrif, "*Islamic security*" kepada mana-mana sekuriti yang mematuhi prinsip syariah.

Fasal 22 bertujuan meminda perenggan 65A(a) bagi membenarkan potongan ke atas apa-apa jumlah yang dipinda atau dibayar oleh koperasi kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 75B bagi memperuntukkan tanggungjawab pegawai pematuhan dan pengurus amanah bagi melakukan semua tindakan dan perkara yang dikehendaki di bawah akta bagi pihak perkongsian liabiliti terhad dan amanah perniagaan.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 77 bagi mengecualikan pemakaian kepada perkongsian liabiliti terhad.

Fasal 25 bertujuan meminda seksyen 77A menghendaki perkongsian liabiliti terhad mengemukakan borang nyata cukai pendapatan dalam tempoh tujuh bulan selepas tarikh penutupan tempoh perakuannya.

Fasal 26 bertujuan meminda seksyen 91 bagi kuasa Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dikurangkan dari enam tahun ke lima tahun selepas berakhir tahun taksiran itu melainkan dalam kes penipuan sengaja mungkir atau kecuai.

Fasal 27 bertujuan meminda perenggan 103(12)(a) bahawa tarikh akhir pembayaran cukai untuk syarikat adalah terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad.

Fasal 28 adalah bertujuan untuk meminda subseksyen 107B(1) bagi mengecualikan pemakaiannya kepada perkongsian liabiliti terhad.

Fasal 29 bertujuan meminda seksyen 107C bagi memperuntukkan perkongsian liabiliti terhad dikehendaki mengemukakan anggaran cukai dan membuat pembayaran secara ansuran bagi setiap tahun taksiran.

Fasal 30 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 109G bagi mewajibkan penyedia Skim Dana Persaraan Swasta memotong cukai sebanyak 8 peratus daripada amaun pengeluaran caruman oleh pencazum yang belum mencapai umur 55 tahun dan membayar amaun tersebut kepada Ketua Pengarah dalam masa sebulan selepas pembayaran dibuat kepada pencazum.

Fasal 31 bertujuan untuk meminda subseksyen 111(2) bagi memendekkan tempoh masa dari enam ke lima tahun selepas akhir tahun taksiran yang berkaitan untuk seseorang memohon pembayaran balik cukai terlebih bayar.

Fasal 32 bertujuan untuk meminda subseksyen 131(1) bagi memendekkan tempoh masa dari enam ke lima tahun selepas akhir tahun taksiran berkaitan untuk seseorang memohon *relief* bagi kesalahan atau kesilapan yang berlaku di dalam penyata atau pernyataan.

Fasal 33 mengandungi beberapa fasal yang bertujuan untuk meminda Jadual 1 bagi perkara berikut.

Sub fasal 33(a) mengurangkan kadar cukai pendapatan individu pemastautin sebanyak satu mata peratusan oleh setiap banjaran pendapatan bercukai sehingga RM50,000.

Sub fasal 33(b) menyatakan kadar cukai bagi perkongsian liabiliti terhad adalah 25 peratus bagi yang mempunyai jumlah sumbangan modal melebihi RM2.5 juta.

Sub fasal 33(c) menyatakan kadar cukai bagi perkongsian liabiliti terhad yang mempunyai jumlah sumbangan modal tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaannya tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

Sub fasal 33(d) menyatakan jadual kadar cukai baru yang terpakai kepada koperasi.

Sub fasal 33(e) memperuntukkan bahawa cukai dikenakan pada kadar 8 peratus ke atas caruman Skim Dana Persaraan Swasta yang dikeluarkan oleh seorang individu yang belum mencapai usia persaraan 55 tahun.

Fasal 34 bertujuan untuk meminda sub perenggan 15(a) Jadual 2 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 91(1).

Fasal 35 adalah untuk meminda Jadual 3 seperti berikut.

Sub fasal 35(a) memotong perenggan 26.

Sub fasal 35(b) bertujuan meminda perenggan 27 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 91(1).

Sub fasal 35(c) bertujuan meminda perenggan 38 bahawa pelupusan aset oleh perkongsian liabiliti terhad atau amanah perniagaan adalah tertakluk kepada perenggan 39 dan 40 akta. Jika satu perkongsian mempunyai lebih daripada 50 peratus sumbangan modal di dalam perkongsian liabiliti terhad atau dua pemegang unit mempunyai hak yang tidak kurang daripada 50 peratus ke atas bagi keuntungan boleh diagihkan atau tidak kurang daripada 50 peratus ke atas apa-apa baki aset boleh diagihkan dan amanah perniagaan semasa penggulangan.

Sub fasal 35(d) bertujuan meminda perenggan 38A untuk memperjelaskan peruntukan pelupusan aset oleh syarikat kepada unit amanah.

Sub fasal 35(e) memasukkan perenggan baru 61A mengenai layanan cukai bagi aset yang dipegang oleh jualan.

Sub fasal 35(f) memasukkan perenggan baru 75AA bahawa perkongsian atau syarikat yang bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad dibenarkan membawa elaun modal yang tidak diserap untuk ditolak dengan pendapatan masa hadapan.

Fasal 36 bertujuan untuk meminda sub perenggan 15(b) Jadual 4 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 91(1).

Fasal 37 bertujuan meminda Jadual 6 seperti berikut.

Sub fasal 37(a) memasukkan perenggan baru 12C bahawa keuntungan yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada pekongsi dalam perkongsian liabiliti adalah dikecualikan daripada cukai.

Sub fasal 37(b) memasukkan perenggan baru 20A bahawa pendapatan suatu penanggung insurans atau pengendali takaful berkenaan dengan pelaburan daripada dana hayat atau dana keluarga dalam skim anuiti tertanggung diluluskan oleh Bank Negara Malaysia adalah dikecualikan daripada cukai.

Fasal 38 bertujuan meminda Jadual 7A seperti berikut.

Sub fasal 38(a), (b), (c), (d), (e), (g), (h) dan (i) meminda perenggan (1), (2), (3), (8) dan (9) berbangkit daripada potongan sub perenggan 8(b) dan (d) berhubung dengan takrif projek yang layak dijalankan oleh sesuatu syarikat.

Sub fasal 38(f) bertujuan meminda perenggan 6 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 91(1).

Fasal 39 dan 40 adalah peruntukan keculian dan peralihan bagi memperuntukkan bahawa mana-mana kerugian dan apa-apa elaun model yang tidak dapat diserapkan dalam tahun taksiran 2012 berkenaan dengan pendapatan faedah daripada punca perniagaan akan dibawa ke hadapan dan ditolak daripada agregat pendapatan statutori daripada apa-apa punca perniagaan dalam tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga dipotong sepenuhnya.

**■1250**

Bab III - Pindaan kepada Akta Setem 1949. Bab III yang terdiri daripada enam fasal iaitu fasal 41 hingga 46 bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949. Pindaan-pindaan adalah seperti berikut.

Fasal 41 menyatakan pindaan ke atas Akta Setem 1949. Bab ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuat kuasanya Akta ini.

Fasal 42 bertujuan untuk meminda seksyen 8 untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang dilesenkan oleh Menteri untuk membayar duti ke atas mana-mana surat cara yang dinyatakan dalam Jadual Kelima dengan cara mesin frangki pos atau mesin frangki digital perlu menyimpan rekod bagi tempoh tujuh tahun dari tahun lesen dikeluarkan.

Fasal 43 bertujuan untuk meminda seksyen 9 bagi membenarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad mengkompaun duti ke atas surat cara berkaitan urusan perniagaannya.

Fasal 44 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baru 60A bahawa satu penalti boleh dikenakan kepada mana-mana pesen mesin frangki yang gagal frangki surat cara dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat cara itu disempurnakan;

Fasal 45 bertujuan untuk meminda sub butiran 22(6) Jadual Pertama bahawa surat cara berkenaan pembelian barangan di bawah semua prinsip patuh syariah dikenakan duti RM10.

Fasal 46 bertujuan untuk meminda Jadual Kedua [*Akta 378*] bagi membenarkan pendaftar Mahkamah Tinggi membatalkan setem pelekat pada surat cara memorandum jualan bagi memudahkan proses lelongan.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Bab IV yang terdiri daripada lapan fasal iaitu 47 hingga 54 bertujuan meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti fasal berikut.

Fasal 47 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta tersebut berkuat kuasa mulai rang undang-undang ini dikuatkuasakan kecuali bagi fasal 49, 50 dan 52 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Fasal 48 bertujuan untuk meminda perenggan 18(1)(h) bagi menunjukkan peruntukan yang bersamaan dengan seksyen 15(a) ACP 1967. Pindaan ini memperuntukkan pembayar bertanggungjawab untuk merebat pembayaran cukai kepada ketua pengarah dan membayar amaun bersih tersebut kepada penerima, orang yang tidak bermastautin dalam tempoh sebulan dari tarikh beliau membayar atau mengkreditkan penerimaan.

Fasal 49 bertujuan untuk meminda seksyen 39 bahawa kuasa ketua pengarah untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambang dikurangkan dari enam tahun ke lima tahun.

Fasal 50 bertujuan untuk meminda subseksyen 50(2) bagi memperuntukkan bahawa jangka masa bagi seseorang untuk membuat suatu tuntutan bayaran balik dikurangkan dari enam ke lima tahun.

Fasal 51 bertujuan untuk mewujudkan seksyen baru 57A bagi memperuntukkan adalah menjadi suatu kesalahan jika seseorang yang boleh dikenakan cukai gagal untuk menyimpan rekod yang mencukupi.

Fasal 52 bertujuan untuk meminda subseksyen 66(1) bagi memendekkan tempoh masa dari enam tahun lima tahun selepas akhir tahun taksiran berkaitan untuk seseorang memohon *relief* bagi kesalahan atau kesilapan yang berlaku dalam penyata atau pernyataan.

Fasal 53 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 72A bagi mewujudkan suatu peruntukan khas berhubung transaksi di antara pihak yang berkaitan khususnya ke atas perkara yang berkaitan dengan penentuan harga pindahan dan permodalan tipis.

Fasal 54 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 83(1)(ba) bagi memperuntukkan bahawa undang-undang yang mengawal suatu transaksi di antara pihak yang berkaitan di atas perkara berkaitan dengan penentuan harga, pindahan dan permodalan tipis tertakluk kepada kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 83 [Akta 543].

Tuan Yang di-Pertua, bab V pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab VI mempunyai sepuluh fasal iaitu fasal 55 hingga 64 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Pindaan-pindaan fasal berkenaan adalah seperti berikut.

Fasal 55 bertujuan menyatakan pindaan ke atas Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 berkuat kuasa melalui rang undang-undang ini dikuatkuasakan kecuali bagi:

Fasal 56 dan perenggan 63(c) berkuat kuasa apabila Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 mula berkuat kuasa.

Perenggan 59(a)(b) dan fasal 60 dan 62 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi kah?

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Sedikit sahaja. Fasal 56 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) bagi memasukkan perkongsian liabiliti terhad, dianggap sebagai orang yang boleh dikenakan cukai dan memberi takrifan kepada perkongsian liabiliti terhad.

Fasal 57 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 13(c) dan (7) bagi seseorang pelupus yang melupuskan aset dikehendaki mengemukakan penyata kepada ketua pengarah berserta akaun dalam borang yang ditetapkan bahawa pelupus itu tidak tertakluk kepada cukai atau dikecualikan cukai. Borang perakaunan tersebut hendaklah diserahkan kepada pemilik dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan.

Fasal 58 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 14(5) bagi memperuntukkan kenaikan 10 peratus dikenakan ke atas pelupus jika pemeroleh gagal untuk memegang dan meremitkan 2 peratus daripada jumlah balasan seperti yang dikehendaki seksyen 21(b) ekoran dari maklumat tidak betul atau salah yang diadakan oleh pelupus.

Fasal 59(a) dan (b) bertujuan untuk meminda subseksyen 15(1) dan (2) bagi memendekkan tempoh dari enam tahun ke lima tahun untuk taksiran tambahan.

Fasal 59(c) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 15(4) berhubung taksiran tambahan bagi kaedah yang disebutkan subseksyen 14(5).

Fasal 60 bertujuan meminda seksyen 19 bagi memendekkan tempoh dari enam ke lima tahun selepas berakhir tahun taksiran berkaitan untuk seseorang memohon *relief* bagi kesalahan atau kesilapan yang berlaku dalam pernyataan.

Fasal 61 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 21B(5) bahawa seseorang pemeroleh tidak dikehendaki untuk memegang atau merebatkan sesuatu amaun kepada ketua pengarah jika suatu notis tidak dikenakan cukai diserahkan kepada pemeroleh itu dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan suatu aset.

Fasal 62 bertujuan untuk meminda subseksyen 24(3) bahawa tempoh masa seseorang untuk membuat satu tuntutan bayaran balik dikurangkan dari enam tahun ke lima tahun.

Fasal 63 bertujuan untuk meminda sub perenggan baru 5(1) Jadual 1 [Akta 169] memperuntukkan bahawa seorang pengarah yang mempunyai lebih daripada lima puluh peratus kawalan ke atas suatu syarikat hendaklah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan bagi hutang atau cukai yang genap masa oleh suatu syarikat.

Fasal 63 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 5A ke dalam Jadual 1 [Akta 169] bahawa seseorang pegawai pematuhan yang dilantik di kalangan rakan kongsi bagi suatu perkongsian liabiliti terhad atau jika tiada pegawai pematuhan dilantik, mana-mana perkongsian hendaklah secara bersama dan berasingan boleh ditaksir dan dikenakan cukai di bawah akta.

Fasal 64 bertujuan untuk meminda perenggan dua Jadual 4 bahawa tuntutan pengecualian cukai bagi pelupusan bagi sebahagian aset boleh dibuat tanpa menunggu kesemua bahagian aset tersebut dilupuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, sudah tepat pada jam 1, kita tangguhkan Mesyuarat kita setakat ini. Izinkan saya menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat juga wakil-wakil Kementerian. Kita ada 9 rang undang-undang kita terpaksa luluskan dalam tempoh dua hari. Pertama, saya minta semua Ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas kemukakan nama dan rang undang-undang mana yang hendak dibahaskan.

Kedua, wakil-wakil Kementerian kalau boleh apabila menghurai itu cubalah ringkaskan sedikit, jangan terlalu panjang kerana akta ini telah pun ada dan diberi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat terpaksa kerana Yang Berhormat adalah pembuat rang undang-undang. Baca elok-elok, mengerti dan juga dapat terlibat dalam perbahasan. Kalau boleh *go to the point* dengan izin, kalau ada cadangan, ada bantahan dan sebagainya, kemukakan secara tegas dan padat. Sekian, saya tangguhkan mesyuarat. Kita berjumpa semula pada jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■ 1430

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

■ 2.33 ptg.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya membuka ruang untuk kita berbahas, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau ada sesiapa di antara Yang Berhormat hendak berbahas, tolong hantarkan nama kepada saya sekarang bagi rang undang-undang ini. Sekarang, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah.

2.33 ptg.

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya membahaskan tentang Rang Undang-undang Kewangan (Pindaan) Cukai Pendapatan. Ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan.

Pertamanya ialah tentang penurunan kadar cukai pendapatan. Penurunan kadar cukai pendapatan untuk kelas pendapatan kena cukai antara RM5,000 ke RM50,000 sebanyak 1 peratus adalah amat dialu-alukan. Ia memberikan kelegaan sejumlah RM475 bagi kumpulan yang memperoleh pendapatan kena cukai sebanyak RM50,000 ataupun 9.5 peratus. Ia menurunkan kadar efektif cukai bagi kumpulan yang berpendapatan RM100,000 daripada 14.325 peratus kepada 13.85 peratus. Isunya ialah peningkatan kadar cukai menjadi sangat besar selepas pendapatan kena cukai RM100,000. Ia meningkat daripada 13.85 peratus menjadi 26 peratus.

Penerima pendapatan kena cukai RM100,000 setahun ataupun sebulan RM8,333 sebenarnya adalah kumpulan kelas menengah di Malaysia dan mereka merupakan penyumbang utama cukai di Malaysia. Peningkatan sebanyak 12.15 peratus sajak pendapatan melebihi RM100,000 merupakan sesuatu yang terlalu drastik.

Mungkin kadar cukai boleh diteruskan lagi sehingga ke tahap RM200,000 sebelum kadar cukai tetap 26 peratus dikenakan ke atas pembayar cukai ini.

Keduanya, isu kenaikan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah. Kenaikan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah memanglah amat dialu-alukan bagi mengekang gejala spekulasi di dalam pelaburan hartanah. Namun, kadar kenaikannya adalah dianggap amat *mild*, dengan izin, untuk mencapai matlamat di atas. Kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah sebelum ini di tahun 2009 ialah 30 peratus.

Jika dijual di dalam tempoh dua tahun pertama, kadar ini dilihat agak berat. Mungkin sebagai kompromi, kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah ini bolehlah disamakan dengan kadar cukai pendapatan maksimum pada 26 peratus jika hartanah dijual dalam tempoh masa dua tahun. Ini secara efektif samalah dengan menganggap bahawa seseorang yang menjual hartanah di dalam tempoh dua tahun dianggap berniaga di dalam hartanah dan dicukaikan sebagai pendapatan perniagaan di bawah Akta Cukai Pendapatan.

Pengembangan skop pengecualian cukai untuk aktiviti R&D dan yang ini memang amat dialu-alukan kerana inisiatif kerajaan untuk menggalakkan aktiviti R&D yang serius bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju berasaskan kepada pengembangan teknologi dan pengembangan harta intelek mestilah diberi galakan dan disokong dengan sepenuhnya.

Bagi pengenalan insentif kepada pelabur *angel*, ini merupakan satu yang sangat berinovatif dan ia akan berupaya menarik pelabur *angel* ataupun budiman untuk tampil ke hadapan menawarkan modal benih untuk mengembangkan aktiviti R&D dan pengkomersialan teknologi baru. Jadi, di masa akan datang, ia perlu diperluaskan bagi menarik pelabur *angel* dari luar negara dan meliputi syarikat-syarikat besar di Malaysia.

Seterusnya, pengecualian cukai ke atas pendapatan daripada dana anuiti. Peruntukan ini sangat dialu-alukan bagi menggalakkan pembayar cukai untuk memulakan skim anuiti peribadi. Ini khususnya untuk kumpulan peniaga dan yang bekerja sendiri. Di dalam jangka panjang, ia perlu diperluaskan lagi bagi meliputi skim anuiti keluarga.

Bagi insentif cukai ke atas pusat penjagaan kanak-kanak dan pusat prasekolah, pengumuman insentif ini amat dialu-alukan kerana ia membayangkan sikap keprihatinan kerajaan terhadap isu penjagaan kanak-kanak memandangkan kini lebih ramai kaum wanita menerokai kerjaya dan perniagaan yang lebih serius sehingga mengorbankan masa penjagaan anak-anak. Pusat penjagaan kanak-kanak boleh menjadi sebuah industri yang *credible* di dalam jangka masa panjang. Satu standard yang khusus perlu diwujudkan bagi memastikan kualiti perkhidmatan dan kelayakan pembimbing dan penjaga kanak-kanak ini ditekankan.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Mohon...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Bolehkah Yang Berhormat?

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Sedikit ya.

**Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah:** Ya, sila.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tunggu Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Raja boleh duduk dahulu Yang Berhormat semasa beliau mencelah. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih. saya mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan ahli-ahli dari *Malaysian Institute of Professional Property Managers*, Pertubuhan Jurukur Malaysia, Persatuan Penilai dan Pengurus Harta, profesor-profesor dan penuntut-penuntut dari UM, UiTM, UTM dan universiti yang berada di Dewan ini untuk mengikuti perbincangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah. Teruskan Yang Berhormat Datuk Raja.



**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** Jadi, dengan pengecualian cukai ini, pemilik pusat penjagaan kanak-kanak akan mempunyai keupayaan yang lebih tinggi untuk melabur di dalam menyediakan pengasuh yang berkelayakan dan perkhidmatan serta kemudahan yang lebih lengkap di pusat-pusat mereka.

■1440

Seterusnya, mengenai insentif untuk usaha pemulihan projek perumahan terbengkalai. Saya rasa insentif ini memang amat-amat diperlukan oleh kerana terlampau banyaknya projek perumahan yang terbengkalai. Ini akan menjadikan sebagai satu insentif di mana syarikat-syarikat pemaju ini apabila mendapat insentif, mereka akan menentukan bahawa mereka akan cepat-cepat melaksanakan projek-projek ini yang melibatkan begitu ramai sekali pembeli-pembeli.

Seterusnya saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana pengecualian duti setem ke atas pemilikan hartanah pertama kerana insentif ini adalah lanjutan kepada insentif inisiatif kerajaan membantu kumpulan generasi muda yang memiliki rumah sendiri sesegera mungkin selepas bekerja sebagai asas kekayaan keluarga. Ini amat-amatlah dialu-alukan lebih-lebih lagi had nilai hartanah adalah cukup tinggi pada RM400,000. itu sahaja yang saya nak bahaskan pada petang dan saya berharap bahawa dengan semua inisiatif yang dibuat oleh kerajaan untuk menurunkan cukai dan sebagainya ini akan memberi kesenangan yang lebih kepada rakyat jelata dan mereka akan merasakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional benar-benar sebuah kerajaan mendahulukan kepentingan rakyat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany.

2.41 ptg.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkas sahaja. Kita merujuk kepada seksyen 30 dalam rang undang-undang ini di mana saya memohon penjelasan. Apakah formula pengiraan bagi urusan taksiran ke atas potongan cukai yang akan dikenakan kepada pendapatan terbitan dan pengeluaran sumbangan yang telah dibuat di dalam skim pencen swasta iaitu di seksyen 30, dengan izin, *Private Retirement Scheme*. Setakat ini tidak ada jadual ataupun formula yang diterangkan untuk pengiraan cukai yang akan dikenakan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua ialah sekarang ini institusi kewangan tempatan lebih berminat untuk memberi tawaran kepada penjawat-penjawat awam dan pegawai kerajaan yang mempunyai skim tetap dan berpencen. Apabila mereka mencarum juga di dalam pencen swasta, adakah mereka mendapat pengecualian cukai di atas keseluruhan sumbangan mereka sepanjang mereka menyumbang dalam tabung pencen swasta.

Ketiga, lanjutan daripada itu, sekiranya mereka ini menyerahkan sumbangan mereka sebelum mereka berumur 55, adakah mereka dikenakan cukai dan perkara ini belum diputuskan lagi dalam rang undang-undang ini. Saya tak jumpa. Seterusnya adakah penjawat awam ini yang telah menyerahkan menamatkan tabung pencen swasta itu sebelum berumur 55 kini juga di bawah seksyen 33 akan dikenakan cukai lagi sekali?

Untuk itu juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya kiraan cukai itu nanti akan dibaca bersama seksyen 33, Jadual 1, kerana kita tidak mahu di dalam menetapkan cukai yang akan ditetapkan oleh *Director General*, dengan izin, kita tidak mahu yang berpendapatan tinggi akan dapat lebih untung daripada yang berpendapatan rendah. Itu sahaja. Saya mohon semakan di dalam hal-hal ini dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sekali ingin memperingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Setakat ini saya ada hanya dua Ahli Yang Berhormat yang telah berucap. Baiklah, jadi yang lain itu tak ada lagi yang nak berbahas? Kalau tak ada, saya minta pihak kementerian untuk menjawab.

**2.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah ambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2012. Saya ucapkan terima kasih kepada mereka yang telah memberi pandangan dan cadangan atas Kementerian dalam mengadakan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah, Yang Berhormat telah tanya isu dengan RPGT. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang kita sedia maklum RPGT ini kita telah naik dari untuk siapa yang jual hartanah atau *property*. Kita naik untuk tempoh dua hingga lima tahun, kita naik dari 5 peratus hingga 10 peratus. Untuk yang dalam dua tahun, kita naik dari 10 peratus hingga 15 peratus. Untuk tempoh yang lebih dari lima tahun, kita tidak kenakan cukai.

Yang Berhormat cadangkan dinaikkan ke 26 peratus. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian mengambil maklum cadangan Yang Berhormat. Walau bagaimanapun cadangan kenaikan kepada 26 peratus adalah tinggi dan mungkin akan menjejaskan sektor pembinaan dan juga *property market* khususnya pasaran rumah. Oleh itu kementerian lebih wajar meningkatkan kadar cukai secara berperingkat. Kita haraplah kita akan menangani isu spekulasi yang selalu kita dengar.

Yang Berhormat...

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya fahamlah bahawa RPGT ini sepatutnya tidak tinggi sangat tetapi juga sepatutnya tidak rendah sangat. Masalah negara kita ini ialah apabila hendak menaik atau menurunkan RPGT ini, kita buat secara semena-mena. Bolehkah saya mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya sebelum RPGT ini dinaikkan atau diturunkan, perbahasan dan pendapat daripada pihak-pihak tertentu sepatutnya dibuat supaya keputusan yang dibuat kerajaan itu tidak bukan sahaja menjejaskan kedudukan hartanah di negara ini tetapi juga akan melibatkan *investment*, dengan izin, daripada pelabur-pelabur luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Rahim yang memang pakar dalam bidang ini.

**■1450**

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebelum kita mengadakan bajet untuk tahun hadapan atau tahun akan datang, kita memang ada jawatankuasa kecil untuk dapat pandangan daripada semua pihak yang berkenaan. Kita harap tahun depan kita boleh jemput Yang Berhormat datang juga. Memang kita ada wakil dari persatuan yang berkenaan seperti *Developer Association*, *Master Builder Association* dan juga kementerian, wakil-wakil Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan serta pihak-pihak yang tertentu yang ada minat atau *interested party* atau *stakeholders*. Ini kita memang ada perbincangan dan kita buat keputusan untuk menaikkan 15 peratus.

Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah ada bertanya pengecualian cukai ke atas pendapatan dana anuiti diperluaskan kepada anuiti keluarga. Terima kasih Yang Berhormat di atas cadangan ini dan kita akan timbang dan memang kita akan dapat pandangan dari Bank Negara Malaysia juga *Securities Commission* dan kita ambil langkah yang sewajarnya.

Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah ada bertanyakan mengenai paras pendapatan bercukai daripada RM100,000 kepada RM200,000. Kementerian mengambil maklum cadangan ini, pelayanan cukai individu masih kompetitif di antara negara rantau ini dan kajian layanan cukai pendapatan individu akan dibuat berperingkat.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita dalam bajet telah memutuskan kita kekurangan satu mata untuk golongan pendapatan sederhana sehingga RM50,000. Contohnya, kedudukan semasa kalau pendapatan dari RM2,500 hingga RM5,000 dikenakan cukai 1 peratus dan untuk tahun tafsiran 2013 tidak kena, kosong. Seterusnya sebagai contoh, untuk seterusnya RM5,000 ke RM10,000, kita akan kena 3 peratus, sekarang kita kena 2 peratus sahaja dan sampai RM50,000 iaitu kita pada masa ini kena cukai 12 peratus dan untuk tahun taksiran 2013 hanya 11 peratus sahaja.

Yang Berhormat Puan Hajah Mariany bertanya formula untuk pengeluaran awal dari pencen skim pesara swasta. Untuk makluman Yang Berhormat, seksyen 30 dalam akta ini kita memerlukan sesiapa yang keluar dana itu sebelum tahun 55 akan dikenakan cukai sebanyak 8 peratus dan amaun ini akan dihantar ke Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam tempoh satu bulan dan ini mereka mesti patuhi.

Yang Berhormat ada tanya, adakah kakitangan awam juga boleh menikmati pelepasan cukai jika mencarum dalam *Private Retirement Scheme* ini. Jawapannya ya, kakitangan awam juga boleh mencarum dalam *Private Retirement Scheme* ini. Jika rakyat mendapat pelepasan cukai sehingga RM3,000 setahun, pelepasan ini juga rakyat dituntut oleh mereka yang bekerja sendiri.

Yang Berhormat Senator Hajah Mariany ada tanya, adakah kakitangan kerajaan akan dikenakan cukai kalau mereka keluar duit daripada *Private Retirement Scheme* sebelum mencapai 55 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menggalakkan mereka simpan sehingga mencapai umur bersara, mereka juga akan dikenakan cukai 8 peratus kalau mereka keluarkan duit sebelum 55 tahun. Kita harap mereka simpan dalam PRS sehingga bersara supaya masa depan kita lebih selesa...

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Silakan.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya berkenaan dengan 8 peratus adakah dikenakan secara *flat rate* ataupun seperti saya cadangkan tadi mengikut kategori-kategori *total income bracket*, dengan izin, kerana tidak adil jika dikenakan yang sama *income* dengan *bracket* yang tinggi. Dia orang nanti lebih untung daripada *income bracket* yang rendah. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat kadar itu *flat*lah sebab senang untuk kita kira. Cadangan Yang Berhormat kita akan bawa kepada agensi yang berkenaan untuk ditimbang.

Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah tanya mengenai projek yang terbengkalai iaitu kita memberi insentif untuk mereka, untuk kontraktor yang berkenaan. Kita harap dengan insentif yang ada, mereka dapat membantu kerajaan supaya projek yang terbengkalai ini boleh dibuat balik dan pembeli boleh mendapat rumah. Kita memang akan memberi cukai kepada pusat jagaan kanak-kanak seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya menjawab. Saya ucapkan terima kasih kepada mereka yang telah bertanya, beri cadangan dalam peringkat dasar ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

■1500

## **RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PENCEN (PINDAAN) 2012**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri untuk menyambung huraian. Silakan.

**3.02 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyambung bacaan kedua dari mana saya tinggalkan pada tempoh hari.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pemberian pencen ini tidak dikenakan cukai dan diberi kepada penerimanya walau di mana juga mereka bermastautin serta dibayar juga kepada balu ataupun duda walaupun mereka telah berkahwin semula. Tambahan pula pesara kerajaan dan orang tanggungan juga layak diberi kemudahan perubatan percuma di semua hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan keperluan bagi meminda cara penyelarasan pencen sedia ada ini dari dua sudut. Pertamanya, sejak diwujudkan Akta 238, 32 tahun yang lalu, beberapa penjumudan jawatan telah berlaku dalam perkhidmatan awam. Penjumudan ini bermaksud pemansuhan atau tiada lagi jawatan-jawatan yang berkenaan.

Ini bererti bahawa tangga gaji atau matriks gaji bagi jawatan yang telah dijumudkan tidak lagi wujud pada ketika ini bagi menetapkan gaji bersamaan yang akhir diterima apabila telah berlaku semakan gaji anggota sektor awam. Walhal gaji bersamaan yang akhir diterima adalah keperluan utama bagi maksud pengiraan penyelarasan pencen.

Keduanya, jika jawatan terakhir seseorang pesara tidak dijumudkan pun, struktur gaji penjawat awam sejak 1 Januari 2012 telah berubah dari satu sistem yang mempunyai tangga gaji ke sistem gaji minimum dan maksimum. Kesan daripada perubahan ini adalah tiada lagi gaji persamaan yang akhir diterima bagi maksud penyelarasan pencen akan datang. Contoh jawatan yang telah dijumudkan adalah seperti Pemungut Jentik-jentik, Atendan Letak Kereta, Operator Mesin Pemprosesan Data dan Juruteknik Penilaian Rendah. Jawatan-jawatan ini tidak wujud lagi disebabkan oleh pemansuhan jawatan dan perubahan kelayakan atau skop fungsi dan tugas yang telah ditambah baik dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya sistem penyelarasan pencen yang telah pun memberikan kebaikan kepada pesara setelah sekian lama dipinda sesuai dengan perkembangan tersebut. Untuk menangani perubahan-perubahan yang berlaku ini kita perlu menetapkan satu kadar penyelarasan pencen yang tidak lagi bergantung kepada semakan gaji berasaskan gaji bersamaan yang akhir diterima.

Cara yang dicadangkan adalah kenaikan pencen sebanyak 2 peratus setiap tahun untuk semua golongan penerima pencen yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

Cara penyelarasan yang dicadangkan ini akan memberikan manfaat kepada semua pesara yang bukan sahaja dalam kalangan pesara perkhidmatan awam Persekutuan malahan termasuk juga pesara perkhidmatan awam negeri serta perkhidmatan pihak berkuasa berkanun dan tempatan di negeri-negeri. Pencen bagi semua golongan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, antara keluhan pesara dan penerima pencen pada masa ini ialah mereka terpaksa menunggu semakan gaji anggota sektor awam untuk mendapat kenaikan pencen. Semakan gaji ini biasanya dibuat dalam tempoh lima tahun. Sebaliknya, cara penyelarasan yang dicadangkan ini membolehkan pesara menikmati kenaikan pencen setiap tahun. Contohnya, seseorang pesara yang menerima pencen RM1,000 pada penghujung tahun 2012, pada 1 Januari 2013 pencennya akan meningkat kepada RM1,020. Pada 1 Januari 2014, pencennya akan meningkat kepada RM1,040.40. Pada 1 Januari 2015, pencennya akan meningkat kepada RM1,061.20. Penyelarasan pencen setiap tahun ini untuk seumur hidup diharap dapat membantu pesara menampung kos sara hidup yang semakin meningkat dari semasa ke semasa yang disebabkan oleh inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui pada ketika ini pesara tidak boleh membuat perancangan kewangan mereka kerana tidak mengetahui bila dan berapa kadar kenaikan pencen mereka. Dengan pindaan yang dicadangkan ini kadar kenaikan pencen tahunan dimaktubkan dalam Undang-Undang Penyelarasan Pencen. Pelaksanaan cadangan ini akan menceraikan semua pesara sektor awam. Ini adalah satu hadiah Tuan Yang di-Pertua, daripada kerajaan yang prihatin bagi mengenang serta menghargai jasa pesara-pesara yang telah memberikan sumbangan bakti kepada negara semasa mereka berkhidmat dahulu.

Bagi pegawai yang sedang berkhidmat pula anggapkanlah penambahbaikan ini sebagai satu dorongan untuk terus berkhidmat secara produktif dan menyampaikan perkhidmatan dengan lebih cemerlang demi kesejahteraan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Jadi, setakat ini saya hanya telah menerima dua nama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas. Kalau ada lagi yang hendak membahaskan rang undang-undang ini sila hantarkan nama kepada saya sekarang. Terima kasih.

Dengan tidak membuang masa, saya ingin mempersilakan To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin. Silakan Yang Berhormat.

### 3.09 ptg.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2012 [Akta 238] 1987.

#### ■1510

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang memperkenalkan pindaan rang undang-undang ini yang saya anggap tepat pada masanya dan proaktif menangani pelbagai isu berhubung dengan cara dan kaedah penyelarasan pencen bagi sektor awam, persekutuan dan negeri serta pihak berkuasa berkanun dan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh berhubung dengan langkah memotong seksyen 2, akta ibu iaitu takrif gaji bersamaan yang akhir diterima. Sebagai yang ditakrifkan di bawah seksyen 6, subseksyen 2, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah rasionalnya seksyen ini dimansuhkan dan implikasinya dari segi pencen penjawat awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang begitu prihatin kepada golongan pesara. Saya amat mengalu-alukan langkah-langkah kerajaan menggantikan seksyen 3, Akta Ibu dengan akta yang baru dengan memasukkan kenaikan sebanyak 2 peratus setiap tahun dan dibayar mulai Januari setiap tahun. Saya berharap pesara kerajaan akan berterima kasih dan menghargai langkah kerajaan yang memberikan kenaikan pencen sebanyak 2 peratus setiap tahun sebagaimana seksyen 3, subseksyen 1, Akta Penyelarasan (Pindaan) 2012.

Dalam hubungan tersebut, kerajaan juga memasukkan seksyen baru 3A, dan 3B. Langkah memasukkan seksyen ini membuktikan keadilan kerajaan dengan mengambil kira penyelarasan pencen-pencen hilang upaya, elaun persaraan atau elaun bencana yang menetapkan dua tarikh iaitu bagi pegawai yang bersara sebelum atau pada 1 Januari 2012 seperti mana seksyen 3A, subseksyen (2)(a) dan pegawai yang bersara pada atau selepas 2 Januari 2012 seperti mana seksyen 3A, subseksyen 2(b).

Tuan Yang di-Pertua, Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2012 ini amat penting kepada pesara kerajaan khususnya berhubung dengan kenaikan secara automatik sebanyak 2 peratus setiap tahun kepada pesara kerajaan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan skim pencen kepada penjawat awam yang berjawatan kontrak. Ini adalah disebabkan ramai di kalangan penjawat awam berjawatan kontrak yang berkhidmat sehingga lebih sepuluh tahun dan malah ada yang berkhidmat sehingga 20 tahun. Saya difahamkan penjawat awam yang berjawatan kontrak akan mendapat ganjaran sebulan gaji selepas setiap setahun berkhidmat.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan memberikan pilihan kepada penjawat awam berjawatan kontrak ini, sama ada memilih untuk ganjaran ataupun pencen. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan mencari cara atau kaedah yang sesuai agar penjawat awam berjawatan kontrak ini juga berpeluang untuk mendapatkan pencen.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan penjawat awam, saya juga difahamkan ada sebahagian penjawat yang tidak memilih untuk skim pencen tetapi memilih skim pemotongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja KWSP. Saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan penjawat awam yang memilih skim KWSP ini. Apakah manfaat atau kelebihan kepada penjawat awam di bawah skim KWSP ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengingatkan semula kepada semua pesara kerajaan sama ada pesara penjawat persekutuan, negeri, pihak berkuasa berkanun dan tempatan supaya menghargai usaha dan niat murni kerajaan Barisan Nasional memberikan kenaikan tahunan sebanyak 2 peratus setiap tahun ke atas pencen penjawat awam. Inilah bukti kerajaan mementingkan kebajikan rakyat, 'Kata di kota, janji ditepati'. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Puan Hajah Rohani binti Abdullah.

**5.15 ptg.**

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan mengenai penyelarasan pencen pada petang ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan pindaan Rang Undang-undang Akta Penyelarasan Pencen [Akta 238] bagi menambahbaikkan cara dan kaedah penyelarasan pencen bagi pesara penjawat awam.

Rang Undang-undang Akta Penyelarasan Pecen ini adalah penting khususnya bagi penggantian seksyen 3, Akta Ibu dengan seksyen baru iaitu penyelarasan kenaikan 2 peratus yang mesti dibayar mulai Januari setiap tahun. Langkah ini adalah untuk menaikkan kadar pecen penjawat awam 2 peratus setiap tahun selain daripada pesara penjawat awam juga dapat menikmati kenaikan kadar pecen setiap kali berlakunya semakan gaji kepada golongan sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, pesara kerajaan sewajarnya harus bersyukur kerana kerajaan sentiasa prihatin seperti yang dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi, kerajaan prihatin bukan setakat semasa berkhidmat tetapi juga sewaktu bersara pun kerajaan masih prihatin. Walaupun kampung saya, orang Terengganu kata makan gaji buta. Pesara ini makan gaji buta, walaupun semasa berkhidmat sesetengahnya asyik kondem kerajaan tetapi apabila bersara mendapat pula gaji, gaji buta kata orang kampung...

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Buta macam mana itu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Yang Berhormat.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Itu Yang Berhormat Senator Dr. Firdaus boleh bagi jawapannya, buta macam mana.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kenaikan yang dimaksudkan itu juga kerajaan tidak pernah lupa memberikan bonus setiap kali kepada mereka. Malah semua pecen yang diterima tidak dikenakan cukai walau di mana mereka berada termasuklah pecen yang dibayar kepada balu atau duda waima berkahwin semula. Dahulu, kalau sudah meninggal menjadi balu atau duda, balu tidak dapat pecen, bergandalah dua kali. Kalau sekiranya seorang wanita itu bekerja dan berpencen dia dapat pecen dia sendiri, ada suaminya meninggal contohnya dapat pecen suami pertama dapat juga pecen, kemudian berkahwin sekali lagi pun masih lagi mendapat pecen juga. Itulah yang menggambarkan kerajaan yang cukup prihatin, wanita dan semua pesara saya berharap berterima kasihlah kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Selain daripada itu, berhubung dengan umur persaraan wajib penjawat awam yang telah dinaikkan daripada 55 tahun semasa saya dahulu 56 tahun, kemudian juga kepada 58 tahun dan kemudian sekarang 60 tahun. Mengikut Tan Sri Mahmood Adam iaitu Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), menyatakan pengambilan penjawat awam dijangka berkurangan tahun ini dan tahun hadapan, biasalah sudah biasa penjawat awam apabila sudah menyambung tugas sehingga 60 tahun bermakna kekosongan itu berkuranganlah.

#### ■1520

Jadi untuk tahun ini dan tahun depan sahaja, walaupun pemohon bagi jawatan setiap tahun adalah seramai kira-kira 1.2 juta orang tetapi ambilannya sekadar 40,000 sahaja bagi tahun ini dan tahun depan. Bagaimana pun, pengambilan penjawat awam akan bertambah sebanyak 10 peratus selepas tahun berikutnya. Bermakna tahun 2015 lah itu. Oleh itu, saya berpendapat mereka yang terpilih dalam perkhidmatan awam ini adalah bertuah kerana selain menikmati gaji yang tinggi, mereka juga dapat nikmati berbagai-bagai kemudahan seperti kemudahan perubatan, kemudahan pinjaman rumah, pinjaman kenderaan dan sebagainya, di mana ada kemudahan itu yang tidak dapat dinikmati pun oleh penjawat awam yang terdahulu daripada mereka. Itulah pengorbanan dan perjuangan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional kepada semua rakyat kita. Saya berharap penjawat awam akan memberi perkhidmatan yang terbaik demi kepentingan rakyat dan negara khususnya untuk mencapai taraf negara maju berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik langkah kerajaan menetapkan usia persaraan 60 tahun ini kerana kebanyakan negara jiran kita pun sudah menetapkan usia persaraan sampai ke usia 62 tahun hingga 65 tahun. Saya ada rakan-rakan saya di negara jiran masih bertugas walaupun berusia 62 tahun.

Namun, kita mengambil maklum sebahagian penjawat awam atas alasan kesihatan sama ada masalah peribadi, masalah individu dan berbagai-bagai masalah, mereka ini memilih untuk bersara awal sebelum 60 tahun. Saya berharap kerajaan akan beri peluang kepada penjawat mendapat kemudahan yang sama seperti mereka yang bersara di usia 60 tahun awam ini yang bersara lebih awal supaya mereka terus dapat-maksud saya yang telah berkhidmat lebih daripada 30 tahun.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berkenaan bilangan penjawat awam yang memilih opsyen bersara 60 tahun bagi tahun 2012 dan tahun 2013 berbanding yang memilih untuk bersara lebih awal. Saya juga ingin mendapat penjelasan kerajaan, sama ada kerajaan bercadang menetapkan kadar perkiraan pencen mereka berdasarkan jumlah atau tahun mereka berkhidmat.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah implikasinya dari segi kadar dan pembayaran pencen bagi penjawat awam yang memilih untuk bersara awal sebelum 60 tahun, misalnya bersara 56 tahun ataupun 58 tahun?

Tuan Yang di-Pertua, kesan dari penetapan umur pesara 60 tahun ini adalah berhubung kait dengan KWSP. Kebanyakan penjawat awam pada dasarnya bersetuju dengan usia persaraan 60 tahun tetapi untuk pengeluaran caruman mereka iaitu adakah mereka ini, kalau ikut dasar sekarang, mereka boleh mengeluarkan sebahagian daripada caruman di usia 50 tahun dan sepenuhnya pada usia 55 tahun. So, adakah kerajaan akan menetapkan atau mengekalkan garis panduan ini? Ini supaya membolehkan mereka ini menggunakan wang caruman itu untuk pelbagai keperluan seperti untuk menunaikan haji ataupun membaiki rumah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Akhirnya saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengapakah seksyen 6 dan seksyen 9 dipinda dengan memotong kedua-dua seksyen itu? Walau bagaimanapun, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit.

### 3.25 ptg.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada banyak perkara yang saya hendak sampaikan. Cuma saya ingin mohon penjelasan di bawah penyelarasan pencen dan faedah lain yang terendah sekali. Apakah kerajaan telah mengkaji ataupun mengambil kira situasi pekerja-pekerja yang dibersarakan secara paksa ekoran Dasar Penswastaan seperti KTMB dan Telekom yang mana mereka tidak mencapai tempoh perkhidmatan selama 25 tahun untuk mereka layak mendapat saraan bulanan minimum iaitu RM820 sebulan sehingga mereka mati? Ramai juga pesara dalam kumpulan ini menerima elaun saraan pencen di bawah RM400 sebulan, duduk di bawah kadar kemiskinan tegar.

Di sini saya mohon penjelasan sama ada perkara ini ada di dalam perhatian kerajaan atau telah diambil kira. Kedua ialah berapa ramai kah kumpulan yang duduk di dalam kumpulan ini? Terima kasih. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

### 3.26 ptg.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi kebenaran kepada saya sama-sama untuk membahaskan Rang Undang-Undang Penyelaras Pencen (Pindaan) 2012.

Merujuk kepada Akta Penyelaras Pencen 1980 iaitu Akta 238, ialah undang-undang yang mentadbir urus penyelaras pencen dan faedah persaraan lain bagi pesara perkhidmatan awam, persekutuan dan negeri serta pesara pihak berkuasa berkanun dan tempatan apabila berlakunya semakan gaji anggota sektor awam. Adalah difahamkan bahawasanya tujuan pindaan ini adalah bagi menggantikan cara penyelaras pencen sedia ada dengan satu kaedah baru yang lebih baik, mengambil kira perubahan-perubahan terkini dalam prinsip dan struktur gaji sektor awam di samping menjaga kebajikan penerima pencen.



Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang aman dan makmur serta progresif. Kemakmuran ini adalah disebabkan oleh wawasan perancangan dan sosiopolitik yang baik. Tidak lupa juga, kita amat berterima kasih kepada kakitangan-kakitangan kerajaan yang terdahulu yang sama-sama mengeluarkan keringat dan darah mereka kepada negara yang tercinta ini. Terima kasih juga kita kepada kerajaan yang ada sekarang ini kerana peka dan cakna kepada mereka yang telah bersara atau kepada balu mereka yang telah pergi. Terima kasih juga kita kepada sistem perundangan yang telah ditinggalkan oleh legasi penjajah terdahulu yang mana kebajikan bekas pekerja mereka yang telah pun bersara.

Di sini saya tidak berhasrat untuk bercakap panjang. Walau bagaimanapun, saya amat menyokong yang mana di bawah ini kebajikan ahli keluarga pesara juga untuk pencen terbitan ini. Jikalau pesara telah meninggal dunia, balu ataupun duda ataupun anak yang layak kepada pegawai ataupun pesara sektor awam terus berhak menikmati pencen gemulah ibu atau bapa mereka walaupun mereka telah tiada. Dengan adanya pencen terbitan ini, maka kehidupan mereka yang masih hidup diteruskan dan berterima kasih kepada kerajaan yang ada sekarang yang masih mengekalkan dan mempertahankan kaedah pencen terbitan ini. Sedarlah kita bahawasanya pencen terbitan ini sudah tidak ada lagi di sesetengah negara bekas jajahan British kerana ironinya Kerajaan Britain pada masa ini, pada waktu ini, sedikit demi sedikit telah memberhentikan pemberian pencen terbitan ini.

Pencen terbitan ini juga tidak berhenti walaupun balu pesara itu telah berkahwin lain. Ini amatlah dialu-alukan kerana sebagaimana yang diketahui, manusia mempunyai naluri berkeluarga dan memerlukan sebuah institusi keluarga. Dalam menghadapi penghidupan yang maha mencabar ini, membesarkan anak-anak tanpa ibu atau tanpa ayah sungguh memeritkan. Perkahwinan baru merupakan peluang kedua demi kesejahteraan pada masa depan anak-anak yang masih kecil khasnya dan masyarakat keseluruhan amnya. Bayangkanlah jika tiada pencen terbitan, apalah nasib balu-balu, anak-anak yang terkontang-kanting pastinya mereka kehilangan punca dan akan memberikan impak jangka masa panjang pada sosioekonomi negara.

#### ■1530

Untuk pencen terbitan bagi anak-anak OKU. Pencen terbitan ini juga harus diberikan kepada anak-anak OKU walaupun balu bersara iaitu ibu atau bapa mereka meninggal dunia. Ini adalah satu pengiktirafan bantuan kemanusiaan yang hebat dari sebuah pemerintahan yang prihatin dan mohon supaya usaha ini diteruskan lagi dengan pelbagai kemudahan-kemudahan rakyat OKU yang memerlukannya.

Bagi kenaikan kadar pencen 2 peratus amatlah dialu-alukan. Cara yang dicadangkan adalah dinaikkan pencen sebanyak 2 peratus setiap tahun untuk semua anggota penerima pencen yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013 amatlah disokong. Keluh kesah pesara yang menerima pencen pada masa ini ialah mereka yang terpaksa menunggu semakan gaji sektor awam untuk mendapat kenaikan pencen. Semakan gaji ini biasanya dibuat dalam tempoh lima tahun, sebaliknya cara penyalarsan yang dicadangkan ini membolehkan pesara menikmati kenaikan pencen setiap tahun.

Penyalarsan pencen setiap tahun ini untuk seumur hidup diharap dapat membantu pesara menampung kos hidup yang semakin meningkat dari semasa ke semasa yang disebabkan oleh inflasi. Sungguhpun begitu saya ingin mencadangkan sembilan perkara yang mana pihak kerajaan perlu mengambil perhatian:

- (i) usaha untuk menyelesaikan masalah pencen bagi bekas-bekas tentera dan bekas-bekas polis sewaktu penjajahan Inggeris dahulu;
- (ii) tuntutan pencen bagi kakitangan awam yang bertugas di Singapura sebelum dan selepas Singapura berpisah dari Malaysia;
- (iii) kerisauan apakah kenaikan ini juga dinikmati oleh bekas kakitangan bukan persekutuan iaitu kakitangan awam yang berkhidmat di bawah negeri-negeri;

- (iv) mungkin ada ketidakpuasan hati kakitangan awam kini yang memilih untuk tidak masuk skim pencen. Apakah mereka dipinggirkan?;
- (v) sistem pengagihan bagi pencen terbitan kepada balu-balu pesara yang meninggal dunia, yang lebih daripada seorang iaitu balu bermadu atau anak-anak pesara iaitu anak bersama bekas ataupun suami/isteri yang meninggal dunia, yang tiba-tiba dinafikan hak mereka akibat kekhilafan tafsiran atas undang-undang terdahulu. Mohon pengiktirafan automatik kepada anak-anak angkat pesara yang meninggal dunia;
- (vi) pertimbangan memberi pencen terbitan kepada waris kakitangan awam yang meninggal iaitu yang masih bujang tetapi mempunyai tanggungan keluarga yang masih perlu dipenuhi atau mereka yang terkorban semasa bertugas demi negara;
- (vii) kemudahan pinjaman bagi pesara berpencen untuk mereka menikmati kemudahan sebagaimana kakitangan awam yang masih bekerja tanpa merujuk faktor usia atau umur;
- (viii) kemudahan dan insentif tambahan kepada pesara yang ingin melanjutkan pelajaran selaras dengan iltizam pendidikan sepanjang hayat; dan
- (ix) kemudahan pesara berpencen kakitangan awam untuk memiliki rumah mampu milik dan keutamaan bagi mereka yang ingin memiliki rumah yang kedua, jika mampu.

Sekian, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan Yang Berhormat.

### 3.33 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan dan kebenaran untuk saya turut sama membincangkan Akta Penyelarasan untuk meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* pada hari ini kita telah dibentangkan tentang Akta Penyelarasan Pencen 1980 yang telah berjalan sekian lama. Pada pembentangan ini mungkin di antara sebab yang mendorong antara lain adalah kerana perubahan pencen orang yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam daripada umur 58 tahun ke 60 tahun. Begitulah juga memperkemas kini pencen yang ada. Seterusnya ialah kerana kenaikan 2 peratus daripada pencen yang sedia ada pada setiap tahun pada bulan Januari.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ada beberapa perkara yang ingin ditimbulkan di sini. Pertama, apabila pencen ini akan dinaikkan kadar 2 peratus pada setiap tahun dan dengan jumlah yang menerima pencen perkhidmatan awam di seluruh negara, berapa unjukan yang akan berlaku kepada pembayaran pencen ini dan melibatkan kewangan negara. Itu yang pertama.

Kedua, saya ingin mengetahui, pada kebiasaannya jangka hayat orang yang berpeni ini berapa lama? Memanglah jangka hayat setiap orang itu berbeza-beza tetapi pada umumnya orang yang kita kata bersara pada umur 55 tahun dahulu atau 56, 58 dan 60 tahun sekarang ini, pada kebiasaan jangka hayat yang akan dilalui oleh setiap orang yang berpencen itu dan juga kalau dia ada balu maka kerajaan terus akan membayar kepada balu itu berapa lama? Begitu juga kalau sekiranya tidak balu, suamilah. Ini kerana saya pun selalu dengar orang kata balu-balu yang terima pencen ini, sedangkan ada juga suami yang terima pencen. Boleh jadi kerana orang lelaki ini dia mati awal. Oleh kerana itu orang selalu sebut, "*Balu yang terima pencen, balu yang terima pencen.*"

Seterusnya saya ingin tahu juga ialah kalau sekiranya seseorang lelaki itu berpoligami dan dia meninggal dunia sudah tentu ada pencennya. Saya ingin tahu berapa pecahan pencen itu diberi kepada setiap isteri. Kalau dia beristeri dua atau tiga atau empat, ataulah itu. Kadang-kadang berlaku... [Disampuk] Kadang-kadang. Jadi, sebenarnya saya pun hendak tahu sebab orang pun sering bertanya hal itu. Begitulah juga saya ingin melihat pencen yang dinaikkan 2 peratus itu ia merupakan satu sistem yang sama antara penjawat awam tanpa mengira kategori. Daripada serendah-serendah sampailah kepada setinggi-tingginya.

Bagi orang yang mungkin berpendapatan RM1,000 dia akan dapat RM20 dan begitulah seterusnya. Bagi orang yang tidak dapat RM1,000 dia kurang lagi. Walau bagaimanapun, ia tetap naik 2 peratus pada setahun. Ada atau tidak kerajaan hendak melihat sedikit tentang orang yang mempunyai kategori gaji yang besar dan lumayan pencennya berbanding dengan orang yang kecil. Kalau kita kata 2 peratus bagi orang yang pencen banyak maka dia akan banyaklah. Kepada orang yang sedikit kalau pencennya RM800, sedikitlah. Walaupun ia tetap naik juga.

Jadi saya hendak tahu adakah ini satu angka 2 peratus ini tetap ataupun ini boleh dilihat kembali supaya orang-orang yang mempunyai pencen yang besar, peratusnya besar. Sebagaimana kenaikan gaji yang biasa kita dengar di dalam kenaikan gaji orang yang gaji rendah, kenaikan peratusnya banyak, tinggi. Orang yang gaji besar, JUSA dan ke atasnya sedikit. Akan tetapi walaupun ia sedikit tetap banyak sebab gajinya banyak.

Apakah hal itu tidak menjadi pertimbangan ataupun telah dibincangkan pada sebelum ini? Begitulah juga saya ingin mendapat penjelasan, kalau sekiranya seorang penjawat awam itu mempunyai jawatan guru katakan. Guru, seperti kita kata ada dia ada DG41. Apabila ia berlaku perubahan gaji kepada guru tadi, kenaikan-kenaikan akan datang ini, adakah pencen ia turut naik juga? Selain daripada 2 peratus yang setiap tahun. Ini kerana apabila jawatan gurunya kalau kita DG41 dia telah dinaikkan sekian-sekian banyak jumlah gajinya, adakah orang yang pencen dalam skim yang sama diberikan kenaikan juga dalam pelarasan pencen?

#### ■1540

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tengok skim perubahan penyelarasan ini satu hal yang sangat baik dan ini dinantikan oleh ramai orang yang telah berpencen dan bersara dan juga orang yang belum bersara. Antara dorongan orang yang menyertai perkhidmatan awam ini antara lainnya adalah selain daripada kemudahan hospital, kemudahan ada gaji setiap bulan ialah kemudahan perubatan dan juga pencen. Ini merupakan sambutan yang sangat mengembirakan mereka.

Walaupun bagaimanapun, mereka merupakan orang yang telah mencurahkan tenaga kerana untuk mendapat pencen, mereka sebenarnya telah memberi khidmat yang baik kepada negara sehingga dia layak mendapat pencen. Kalau sekiranya orang yang tidak berkhidmat dengan baik kepada negara, maka sudah pasti pencen tidak akan diberi dan malah diberhentikan oleh pihak majikan ataupun pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang ingin saya kongsi dan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar. Silakan Yang Berhormat.

#### 3.41 ptg.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin hendak merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada yang membuat rang undang-undang ini sebab terpancar niat dan rasa untuk tolong, simpati kepada khususnya orang-orang pencen. Ini kita tahu bahawa penjawat awam kerajaan akan terima pencen kenaikannya sekitar 2 peratus setahun. Saya hendak tanya, tidakkah 2 peratus ini akan naik lagi 3 peratuskah, 4 peratus sesuai dengan kos tanggungan semasa? Ini disebabkan kehidupan, barang-barang serta semua naik tahun demi tahun sedangkan 2 peratus itu saya kira kecil. Untuk itu, saya minta dikaji balik.

Kedua, saya dapati rang undang-undang ini melibatkan banyak pihak termasuk Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara, termasuk Datuk juga sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua dan termasuk juga Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, juga anda semua. Akan tetapi saya hendak timbulkan satu perkara iaitu gaji. Gaji Ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara begini. Saya fikirkan rendah. Contoh, gaji PM adalah sebanyak RM17,150, gaji TPM adalah sebanyak RM13,650, gaji Menteri adalah sebanyak RM11,200, gaji Timbalan Menteri adalah sebanyak RM8,500, dan gaji SU Parlimen adalah sebanyak RM5,400. Gaji Ahli Dewan pula berapa? Gaji kita RM4,112, betul?...

**Seorang Ahli:** Betul!

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Hah! Betullah! Jadi, kalau pencen, dapat separuh. Itu kalau khidmat panjang. Kalau sepenggal, dapat suku. Contoh, gaji kita RM4,112. Kalau sepenggal, hanya RM1,004. Kalau dua penggal, macam saya nanti, hanya terima RM2,006. Jumlah RM4,112 bahagi dua. Apa yang saya hendak timbulkan, bila kita tua nanti, bila kita pencen nanti, gaji kita RM2,006 atau RM1,004 adalah di bawah paras kemiskinan, betul?...

**Beberapa Ahli:** Betul!

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Jadi kita semua miskin! Tidak ada apa-apa. Lebih miskin daripada orang miskin. Jadi saya hendak gaji Ahli Parlimen sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara dikaji balik..

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Pohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat...

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Datuk, kita pernah bawaan perkara ini di dalam sesi yang lampau. Akan tetapi apa pandangan datuk, sesetengah, kebanyakan daripada Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara, saya rasa di Dewan Negara ini 100 peratuslah bersetuju bukan? Apa pandangan anda, apabila kita bawa perkara ini, oleh sebab satu orang sahaja yang tidak setuju, maka Parlimen tarik balik apa yang kita cadangkan. Patut kah kita buat begini? Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya hendak tanya balik. Satu orang itu siapa?... [Ketawa]

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Kalau tidak salah saya, dia ialah Ketua Pembangkang.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Lagi terang, lagi bersuluh. Silap saya jawab. Bagi saya, tidak usahlah dengar dia punya akal. Anwar itu sudah kaya. Macam-macam pencen, macam-macam duit. Kena ikut majoriti. Majoriti Dewan semua sokong.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Duduk dahulu, duduk dahulu sahabat. Duduk dahulu. *Sit down first.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Akan tetapi bagi peluang

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Bagi peluang. Duduk dahulu.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Jadi, kita tidak boleh dengar seorang. Seekor nyamuk tidak boleh bakar kelambu. Seekor kerbau bawa lumpur, semua terpalit, tidak boleh. Kita mesti dengar semua orang. Majoriti Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara semua sokong, betul?

Semua sokong agar gaji, elaun mereka dan saraan mereka dinaikkan. PM sudah setuju tetapi dibangkang oleh Ketua Pembangkang. Tidak patut, tidak patut. Jadi saya seru agar Kabinet ataupun Kementerian Kewangan kaji balik, naiklah, naik, naik, naik. Jangan ikut seorang, ikut ramai. Ikut *99 peratus*. Jangan ikut seorang. Puas hati Dato' Rahim?...

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Puas hatilah jawapan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Okeylah... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua perkara, pertama sekali ada peraturan dalam Peraturan Mesyuarat kita yang menyatakan kita tidak boleh memburukkan ataupun memberikan gambaran yang salah tentang seseorang anggota Parlimen. Nampaknya perkara ini sering berlaku. Tidak seteruk yang berlaku beberapa hari yang lalu. Akan tetapi saya rasa perkara ini mesti diawasi oleh Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang kedua, mengatakan bahawa satu orang sahaja yang menentang kenaikan elaun itu tidak benar. Itu adalah keputusan yang diambil oleh parti. Keputusan diambil juga oleh pakatan, bukan oleh satu orang. Satu orang menyuarakan dan yang pentingnya ialah kita tidak menolak sepenuhnya.

Kita mengatakan mesti ada pakej. Kenaikan elaun itu hendaklah bukan untuk diri sendiri sahaja dengan perasaan memikirkan hanya kepentingan diri sendiri. Akan tetapi ia mesti juga ditambah dengan elaun untuk kita boleh membuatkan kerja sebagai Ahli Parlimen dengan berkesan. Kita mesti boleh *debate*, kita mesti boleh bahas dengan asas-asas yang kukuh, fakta-fakta yang jelas. Ini hanya dapat dilakukan bukan bergantung pada kita seorang yang membuat *research*, tetapi mesti ada *Research Officer* kita. Mesti ada *administrative assistant* kita, dengan izin.

#### ■1550

Jadi yang kita perlukan ialah pandang lebih baik jikalau kita memikirkan dalam pakej yang lebih luas. Selain daripada memikirkan hanya kepentingan kita sendiri, memikirkan kepentingan untuk dapat berkesan melakukan tugas kita dalam Parlimen itu iaitu dengan cara yang saya sebutkan tadi, dengan adanya pembantu penyelidik, ada yang membantu pentadbiran mungkin juga pembantu yang bawa kereta. Yang sekarang ini anggota Parlimen hanya dapat RM1,200 untuk pemandu kereta dan ianya tidak mencukupi untuk menuntut mendapatkan perkara yang lain. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sudahlah itu, cukuplah. Saya hendak tegaskan di sini bahawa walaupun wakil parti, tetapi wakil parti itu Ketua Pembangkang, jadi semua mahu tunduk. Di kalangan pembangkang, tidak semua sokong dia. Contoh, Dato' Dr. Johari tidak sokong. Puan Hajah Khairiah pun tidak sokong juga. Tuan Syed Shahir mungkin tidak sokong. Jadi apa guna?... *[Ketawa]* Sudah bangun, cuit sikit pun tidak boleh.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini sudah melencong daripada tajuk asal.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak payah sebut yang lainlah sebab dia tidak bagi. Dia tidak ada sebut awal-awal lagi untuk menyokong.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kasi panas sikit Dewan. Oleh itu saya syorkan supaya gaji Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat dikaji semula. Bila Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan cadangkan naik gaji, sokonglah, buatlah, teruskan, jangan sekat-sekat lagi. Kalau gaji naik, pencen pun naik. Kalau pencen naik mungkin kita semua terlepas daripada garis kemiskinan, betul Dato' Haji Abdul Rahim. Dato' Haji Abdul Rahim sebut dia tidak marah, Tuan Syed Shahir marah... *[Ketawa]* Jadi saya hendak syorkan supaya pencen ini dikaji balik termasuk gaji Tuan Yang di-Pertua. Gaji Tuan Yang di-Pertua sekarang RM9,350.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Tuan Yang di-Pertua, pohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh, silakan.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Saya tertarik dengan pandangan Ketua Pembangkang tadi di mana katanya keutamaan diberi kepada pakej. Maksud di sini bukan mementingkan diri dalam perjuangan, kita meningkatkan tahap elaun kita. Timbul lagi di sini saya berpandangan apabila dinaikkan kadar elaun kita bererti di sini pakej kita dengan *allowance driver* dengannya dengan lain-lainnya kita pohon serentak. Ertinya pakej naik, naiklah serentak yang lain-lain. Itu pandangan saya. Apa pandangan Yang Berhormat tentang saranan Tuan Syed Shahir saya sangat bersetuju andainya ia dinaikkan secara pakej. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kalau naik secara pakej lagi baik. Bukan pokok sahaja Tuan Syed, pakej pun naik. Elaun, telefon semua naik. Itulah kita hendakkan. Lagi naik lagi bagus, lebih baik. Baiklah saya sokong. Timbalan Yang di-Pertua macam Yang Berhormat Datuk Doris, gaji dia sekarang RM3,190 sebulan. Kalau beliau pencen dan akan pencen, gaji beliau hanya separuh, RM1,000 lebih, lagi bawah garis kemiskinan. Jadi tidak sama taraf Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua bila pencen jadi orang miskin. Sedangkan Dewan ini, Dewan yang mulia ada standard, ada jati diri, ada kelas. Bila pencen tidak ada kelas. Jadi saya syorkan Menteri kaji balik dan kita terima balik segala pencen untuk masa depan kita, untuk masa depan imej kita. Takkan lah kita pencen jadi orang miskin.

Kedua saya tertarik juga akta, fasal 3(b), untuk kaedah lain. Kaedah lain saya baca dalam laman rasmi Parlimen, bila kita *accident*, kemalangan, akibat bencana, Ahli Parlimen dapat RM60,000 sahaja. Tuan Yang di-Pertua, RM 250,000. Menteri, Perdana Menteri RM750,000. Menteri, setengah juta, RM500,000. Setiausaha Parlimen, RM160,000. Kita RM60,000. Ini saya minta kaji balik sebab banyak syarikat ansuran kalau kita masuk lebih tinggi pada RM60,000, betul? Banyak syarikat, *you* kajilah syarikat-syarikat insurans sama ada AIA, sama ada lain-lain kompeni, banyak lagi. Itu kalau akhir kemalangan, kalau mati, tidak kemalangan, *nehi*, tidak ada apa-apa. Itu akibat kemalangan.

Mengenai (b) saya hendak tekan juga, kalau kudung anggota, dua-dua, misal kata, kaki kudung, tangan kudung, tidak ada dua baru dapat RM120,000. Kalau satu RM60,000. Kalau Yang di-Pertua kudung tangan kedua-dua dapat RM500,000. Kalau PM dapat RM1.5 juta. Kalau Menteri dapat RM1 juta. Kalau Setiausaha Parlimen dapat RM200,000. Ini saya kira rendah sangat. Sudah lah gaji rendah. Bukan saya berdiri di sini hendak tuntutan gaji tapi saya berdiri di sini fasal akta ini sebab hendakkan kesesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, di Singapura gaji dia berapa? Gaji Perdana Menteri tidak kurang daripada RM6 juta setahun. Jadi kita berapa? Sebanyak RM17,500- Perdana Menteri kali 12, berapa sangat. Gaji Ahli-ahli Dewan Negara dan Rakyat di Singapura tidak kurang daripada RM3 juta. Gaji kita RM4,112 kali 12 berapa sangat. Tidak setimpal. Pun di Indonesia gaji mereka lebih jauh empat atau lima kali ganda daripada gaji di Malaysia, Ahli Dewan Rakyat atau Negara. Pun di Asia Tenggara lain dia lebih banyak. Saya menyeru ini sebab kita terlalu berhemah, kita macam lilin, bakar diri. Orang lain terang, diri sendiri terbakar, betul. Jadi kita bersuara supaya dapat keadilan. Kita Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Rakyat berkorban.

Jangan ambil ucapan saya ini dijadikan alasan bahawa kita Ahli Dewan Negara tamak duit, hendak duit, gelojoh, macam-macam tetapi saya bangkit ini sebab...

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh bertanya?

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Saya pun hendak mencelah.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh, boleh.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya, berapa lama gaji Ahli Parlimen tidak dinaikkan sejajar dengan sara hidup semakin tinggi, meningkat. Jadi kenapa?

## ■1600

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya bukan Menteri, hendak jawab tidak layak, tetapi saya sudah jadi Ahli Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri *sorry*, tukar, tidak sedar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jadi Ahli Parlimen tahun 1986, sudah berapa tahun, sekarang jadi Ahli Dewan Negara. Gaji seingat saya tidak naik-naik, sudah 20 lebih tahun. Bukan saya sahaja, orang lain begitu juga sebab kita terlalu hati-hati, terlalu tunduk pada pembangkang yang tidak tahu erti kita punya derita sengsara. Jadi dia pun menderita juga tetapi dia buat tidak tahu sahaja, buat tidak tahu sahaja. Dia ada ilmu-kenyang sahaja, sedangkan dia lapar. Jadi kita hendakkan satu standard gaji, lebih kurang standard dengan negara-negara lain di Asia Tenggara mahupun di dunia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Maaf, boleh saya mencelah?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh, boleh.

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh saranan Yang Berhormat Datuk Rahman tadi.

Saya ingin menyentuh kembali apa yang saya katakan kelmarin pasal peningkatan harga tiket MAS Kuching-Kuala Lumpur-Kuching. Untuk trip saya baru-baru ini, saya dapati harga tiket telah naik ke RM3,000 lebih. Jadi ianya hampir kurang sedikit daripada elaun kita sebulan, elaun satu bulan untuk Senator. Jadi itu satu trip, kita kerap datang dua tiga trip dalam sebulan bermakna, kalau tiga trip sudah hampir RM10,000. Kita sendiri yang keluar dulu bayarannya. Jadi saya kira kalau harga tiket kapal terbang naik, memadailah kalau elaun semua Senator juga naik. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya syorkan supaya tiket kapal terbang diberi semua *first class* kepada semua Senator. Sokong? Sokong, Tuan Yang di-Pertua sokong. Kena ada *class*, bukan kita hendak lebih-lebih, kita hendak mewah-mewah tetapi saya fikir sudah 20 tahun lebih gaji tidak naik sebab takut pada pembangkang, sebab hormat sangat pembangkang...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Saya hendak mencelah.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sila.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Saya pun tidak faham kenapa isu pendapat daripada Ketua Pembangkang seolah-olah pandangan kita menjadi *binding*, mengikat sedangkan itu adalah satu tidak *binding*, tidak mengikat. Kenapa isu itu diperbesar-besarkan sedangkan keputusan yang lebih *binding* adalah di peringkat lain. Bila-bila masa boleh *over rule*.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Thank you*. Yang Berhormat kena faham, pembangkang ini kadang-kadang kalau dia tidak setuju, dia buat demo. Satu negara tahu, beraraklah, demolah, tunjuk perasaanlah. Jadi kita tidak mahu itu berlaku, sebab itu tarik balik. Jadi akan datang, sokonglah. Betul? Kalau tidak setuju, kita buat juga, dia buat demo, betul? Jadi itu jawapan. Tidak puas hati lagi, bangunlah. Kalau puas hati duduklah. Jadi kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, kita hendak satu penyelarasan dikenakan juga kepada penerima pencen seperti bekas Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat termasuk Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua, termasuk.

Kedua saya hendak tanya juga, apakah akan jadi pada pencen minimum bagi pesara kerajaan. Menteri kena jawab itu. Akhirnya saya sokong akta ini, rang undang-undang ini dibuat, dipinda. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana telah ramai bercakap tadi, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

#### 4.05 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negara ini kerana telah pun memberi sokongan ke atas rang undang-undang ini dan juga pada masa yang sama memberikan cadangan, teguran dan juga kritikan terhadap rang undang-undang ini.

Walau bagaimanapun, saya berterima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat Senator tadi yang telah pun mengambil peranan dan begitu ramai sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, yang mengambil peranan dalam perbahasan ini. Ia berbeza banyak dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat pada masa saya membentangkan rang undang-undang ini kerana di situ hanya seorang Ahli Parlimen sahaja yang telah pun mengambil peranan. Saya amat gembira kerana soalan, teguran dan juga cadangan begitu relevan sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah bermakna pada masa Dewan Rakyat hari itu langsung tidak dibahaskan perkara ini?

**Datuk Liew Vui Keong:** Seorang Ahli Parlimen sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mereka tidak minat kah?

**Datuk Liew Vui Keong:** Saya tidak tahu sama ada mereka tidak minat atau tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, tidak apa. Terima kasih atas maklumat. Teruskan.

**Datuk Liew Vui Keong:** Akan tetapi sememangnya kita amat kagum dengan pihak kerajaan kerana begitu prihatin dan juga bertanggungjawab dan mengenang budi sentiasa memberi keutamaan kepada penjawat awam dan juga kepada semua rakyat memastikan bahawa rang undang-undang ini dapat terus menjaga kesejahteraan mereka walaupun mereka bersara selepas berkhidmat bagi kerajaan.

Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin yang telah pun bertanya mengenai pemansuhan takrif gaji akhir yang bersamaan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, bahawa pemansuhan takrif ini adalah kerana cara penyalaraan pencen kini tidak lagi bergantung pada gaji akhir. Kenaikan pencen yang dicadangkan adalah hanya melalui satu kadar peratusan secara tahunan dan automatik.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun juga bertanya terwujudnya skim pencen untuk penyandang jawatan kontrak.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, buat masa ini pelantikan kontrak hanya diberi ganjaran kontrak dan syer kerajaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, mereka ini apabila dilantik sebagai pekerja kontrak ini, mereka kenalah bersetuju dalam syarat-syarat yang telah pun dipatuhi dalam perjanjian tersebut. Jadi ini termasuk juga dengan skim pencen yang telah pun dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Jadi walau bagaimanapun, pandangannya telah pun diberi oleh Yang Berhormat dalam perkara ini akan diambil pertimbangan oleh pihak kementerian.

Yang Berhormat Senator Hajah Rohani binti Abdullah juga bertanya mengenai peningkatan umur persaraan wajib ke 60 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dasar peningkatan umur persaraan wajib telah pun mengambil kira keperluan tenaga perkhidmatan awam keseluruhannya di negara kita ini. Mereka yang bersara awal daripada itu adalah dalam lingkungan 600 pegawai bagi tahun 2012 berbanding dengan 3,700 persaraan wajib pada tahun yang sama.

#### ■1610

Di sini juga saya ingin menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun mengenai pilihan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Apakah kebbaikannya ditanya oleh Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat pegawai kerajaan yang memilih skim KWSP terutamanya kerana mereka ingin meninggalkan perkhidmatan awam selepas berkhidmat bagi tempoh yang singkat iaitu kurang daripada sepuluh tahun. Skim pencen adalah hanya untuk mereka yang ingin berkhidmat melebihi sepuluh tahun, Tuan Yang di-Pertua.



Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit juga bertanya mengenai persaraan pegawai yang bersara kerana skim penswastaan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kadar pencen yang diterima oleh golongan ini adalah mengikut tempoh sebenarnya perkhidmatan mereka dan opsyen yang dibuat oleh mereka. Perkiraan pencen diketahui semasa mereka membuat opsyen ini. Jadi, amatlah penting untuk mereka dalam perkara ini memberikan keputusan dan selepas itu sahaja perkiraan pencen ini dapat diketahui.

Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman yang memberi sembilan cadangan yang begitu baik sekali. Saya bagi pihak kerajaan berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Roslin atas cadangan-cadangan yang diberikan. Kesemuanya Tuan Yang di-Pertua, akan diberi pertimbangan sewajarnya dan secara teliti serta mengambil kira, yang penting sekali ialah kemampuan kerajaan dalam isu-isu seperti kenaikan gaji dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat telah pun membangkitkan mengenai perkara tambahan kos hasil dasar baru dan juga mengenai suami yang berpoligami.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kos peningkatan pencen mengikut dasar baru adalah dalam kemampuan kerajaan iaitu dalam RM180 juta pada tahun pertama. Mengenai suami yang berpoligami ini, ini akan mendapat pencen terbitan bagi setiap isteri beliau yang meninggal dunia. Sekiranya isteri pertama meninggal dunia, dia boleh mendapat pencen dan sekiranya isteri yang kedua juga meninggal dunia, dia juga boleh dapat pencen yang seterusnya. Ini tertakluk kepada keadaan mereka sama ada isteri itu masih atau tidak. Penyelarasan pencen yang akan datang, untuk makluman Yang Berhormat, penyelarasan pencen selepas ini tidak lagi bergantung kepada pelarasan gaji tetapi atas peratusan iaitu 2 peratus setiap tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar yang telah pun bertanya berkenaan kadar 2 peratus ini dinaikkan pada masa depan. Seperti yang saya katakan tadi, ini terpulanglah kepada pihak kerajaan untuk memastikan bahawa kita ada kemampuan dalam perkara ini. Kemampuan dari segi kewangan. Kita kenalah bertanggungjawab dan juga memastikan bahawa kita dapat menjalankan pentadbiran kerajaan ini dengan baik dan efisien serta pastikan bahawa kemampuan kewangan negara dapat menampung semua kenaikan. Kita juga kena ambil berat mengenai dengan kenaikan yang lain yang akan membebankan kerajaan.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman juga bertanya mengenai faedah pembelian serta faedah hilang upaya untuk Ahli Dewan yang perlu dinaikkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, faedah ini adalah di bawah undang-undang lain. Ia bukan undang-undang yang sedang dipertimbangkan sekarang kerana gaji bagi setiap Ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan ini tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada.

Akan tetapi bukan undang-undang yang kita pertimbangkan pada masa sekarang. Jadi, saya cadangkan kepada Ahli Yang Berhormat di sini untuk mengadakan satu undang-undang yang baru untuk mengekalkan kadar undang-undang yang kita sedia ada sekarang yang menentukan gaji. Bukan sahaja kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara tetapi kepada mereka yang menjalankan perkhidmatan sebagai Menteri dan juga pegawai-pegawai yang mengiring mereka itu. Ini di luar daripada bidang kuasa rang undang-undang yang saya bentangkan sekarang ini.

Mengenai pencen minimum, untuk makluman Yang Berhormat yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar yang bertanya apakah yang akan terjadi kepada pencen minimum bagi pesara kerajaan. Pada masa ini pencen minimum hanya terpakai bagi pesara yang mempunyai tempoh perkhidmatan 25 tahun iaitu tempoh perkhidmatan maksimum yang diambil kira sebelum 1 Januari 2009. Pencen minimum ini ialah RM820 dan hanya diwujudkan kerana terdapat pegawai perkhidmatan awam yang menyandang jawatan gred rendah di mana gaji akhirnya adalah kecil ketika mereka bersara. Pencen minimum dibayar hanya jika penyelarasan cara baru ini masih menghasilkan kurang daripada RM820.

Bagi mereka yang sudah menerima RM820 sebelum kuat kuasa pindaan undang-undang yang sedang dipertimbangkan sekarang. Sekiranya diluluskan, peruntukan ini akan menyebabkan pencen mereka naik daripada RM820 kepada RM836.40 mulai 1 Januari 2013 iaitu dengan tambahan 2 peratus berikutnya.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya sempat untuk menjawab soalan-soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Sekiranya terdapat soalan yang saya tidak sempat jawab, saya akan memberi jawapan secara bertulis. Sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekali lagi saya ingin mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat bahawa saya minta semua Ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas dalam rang undang-undang ini sila kemukakan nama secepat mungkin untuk senang saya membuat percaturan masa.

■1620

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan dipersetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 14** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN KEWANGAN 2012**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **4.21 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012 untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan penyeliaan institusi kewangan, sistem pembayaran dan entiti berkaitan yang lain dan pengawasan pasaran wang dan pasaran pertukaran asing untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan bagi perkara yang berhubungan, berbangkit atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini dibentangkan hasil daripada kajian Bank Negara Malaysia terhadap perundangan sedia ada yang dijalankan bersama dengan kajian semula ke atas Akta Bank Negara Malaysia 1958 yang telah diluluskan pada tahun 2009. Kesemua ini adalah untuk memodenkan dan memantapkan pengawalseliaan sektor kewangan di Malaysia serta meningkatkan tahap pematuhan Malaysia kepada piawaian antarabangsa.

Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012, merupakan akta baru yang menggabungkan empat perundangan sedia ada iaitu Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, Akta Insurans 1996, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Ini bererti banyak peruntukan dalam rang undang-undang ini telah pun wujud dan terpakai dalam keempat-empat akta sedia ada sebelum disatukan.

Penggabungan akta-akta ini adalah bertujuan menyediakan rangka kerja perundangan yang lebih seragam bagi mengawal selia sektor perbankan konvensional, insurans dan sistem pembayaran. Rang undang-undang ini juga bertujuan untuk menyediakan persekitaran dan asas-asas penting sektor kewangan untuk menyokong agenda transformasi ekonomi negara.

Selain itu, ia juga mencerminkan pendekatan semasa pengawalan dan penyeliaan oleh Bank Negara Malaysia yang lebih bersifat pencegahan awal, lebih tertumpu pada risiko dan juga bersifat bersepadu. Kesemua ini bertujuan menggalakkan kestabilan kewangan yang merupakan faktor penting bagi pembangunan yang mampan ke arah kestabilan negara yang utuh. Rang undang-undang ini juga merangkumi dasar pentadbiran pertukaran asing yang dikemaskinikan bagi melindungi kedudukan imbalan pembayaran dan nilai mata wang Malaysia.

Secara umumnya, pendekatan yang sama seperti di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 masih dikekalkan di mana kebenaran bertulis daripada Bank Negara Malaysia masih diperlukan bagi transaksi tertentu berhubung pertukaran asing.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan ini akan mengekalkan peruntukan-peruntukan yang masih relevan dan berkesan seperti peruntukan berhubung kuasa pemeriksaan Bank Negara Malaysia ke atas institusi kewangan, larangan pengambilan deposit haram dan kerahsiaan perbankan. Penambahbaikan ke atas perundangan sedia ada adalah seperti berikut.

Pertamanya rang undang-undang ini akan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengawalan dan penyeliaan dalam sektor kewangan. Ia dicapai melalui peruntukan yang jelas dalam rang undang-undang mengenai objektif pengawalseliaan oleh Bank Negara Malaysia, faktor-faktor penilaian dan permohonan bagi menjalankan aktiviti yang dikawal selia atau memperoleh syer yang signifikan dalam institusi berlesen dan keperluan untuk Bank Negara Malaysia bekerjasama dengan pihak berkuasa penyeliaan yang lain dalam perkara yang bertindih. Rang undang-undang ini juga memperuntukkan supaya Bank Negara Malaysia sentiasa memaklumkan kepada Menteri Kewangan mengenai pelaksanaan kuasa dan fungsi Bank Negara Malaysia di bawah rang undang-undang ini.

Kedua, rang undang-undang ini menyokong pendekatan pengawalseliaan yang berbeza setara dengan tahap risiko kepada sistem kewangan. Ini dicapai melalui kriteria dan kuasa penyeliaan yang berbeza bagi aktiviti yang memerlukan pelesenan, kelulusan dan pendaftaran di mana kriteria dan kuasa penyeliaan yang lebih meluas diperuntukkan bagi aktiviti yang memerlukan pelesenan memandangkan ia mendatangkan risiko yang lebih tinggi kepada sistem kewangan.

Ketiga, rang undang-undang ini akan memperkukuhkan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan untuk mengambil kira sistem kewangan yang lebih kompleks dan berubah-ubah. Ini dicapai dengan membolehkan Bank Negara Malaysia melaksanakan perubahan yang sewajarnya kepada keperluan pengawalan supaya terus berkesan dan menangani risiko yang baru muncul.

Keempat, rang undang-undang ini akan meningkatkan daya saing institusi kewangan dengan menyumbangkan kepada proses transformasi ekonomi negara. Ini dicapai dengan mengurangkan beban pengawalan (*regulatory burden*) yang tidak perlu ke atas pengantara kewangan dan mempertingkatkan kecekapan proses pengawalan termasuklah pemansuhan hak pemegang syer oleh badan korporat dalam bank berlesen untuk membolehkan hubungan strategik dan bernilai tambah.

Kelima, rang undang-undang ini akan memelihara kepentingan terbaik Malaysia, *best interest of Malaysia* dalam landskap yang lebih liberal. Ini dicapai dengan memperuntukkan dengan jelas dan telus kriteria bagi kemasukan dalam pasaran. Ini termasuk kriteria kepentingan terbaik Malaysia yang mengambil kira faktor-faktor tertentu termasuk potensi bagi pemain baru dalam pasaran untuk menyumbang kepada pembangunan sistem kewangan dan ekonomi Malaysia.

Keenam, rang undang-undang ini akan menyediakan rangka kerja yang kukuh bagi perlindungan pengguna kewangan. Ini dicapai melalui:

- (i) peruntukan khusus bagi Bank Negara Malaysia menguatkuasakan standard amalan perniagaan dan perlindungan pengguna bagi memastikan bahawa penyedia perkhidmatan kewangan bertindak dengan adil bertanggungjawab dan profesional semasa berurusan dengan pengguna kewangan;
- (ii) peruntukan jelas yang melarang perlakuan perniagaan yang tidak adil dan mengelirukan; dan
- (iii) memperuntukkan kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk meluluskan Skim Ombudsman Kewangan bagi menyelesaikan konflik yang melibatkan penyedia perkhidmatan kewangan yang berada di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia.

Akhir sekali ketujuh, rang undang-undang ini akan menyediakan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan terhadap jenayah kewangan dan amalan yang tidak sihat melalui peruntukan *instrument* penguatkuasaan yang lebih meluas yang juga merangkumi tindakan pentadbiran dan tindakan *civil* berbanding sekarang di mana hanya tindakan pendakwaan jenayah sahaja boleh diambil dan *quantum penalty monetary* jenayah yang dikaji semula daripada had maksimum sebanyak RM10 juta pada masa ini kepada RM50 juta.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 17 bahagian yang merangkumi 281 fasal dan 16 Jadual. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut.

Bahagian I, fasal 1 hingga 5 bertujuan memperuntukkan perkara permulaan.

Bahagian II, fasal 6 hingga 7 mengandungi peruntukan yang berhubung dengan objektif pengawalseliaan akta yang dicadangkan.

Bahagian III, fasal 8 hingga 29 mengandungi peruntukan yang berhubung dengan pemberian lesen oleh Menteri atau kelulusan oleh Bank Negara pendaftaran perniagaan berdaftar.

Bahagian IV, fasal 30 hingga 45 mengandungi peruntukan yang berkaitan dengan sistem pembayaran.

Bahagian V, fasal 46 hingga 85 mengandungi peruntukan berkaitan dengan kehendak perkhidmatan, pelantikan juruaudit dan aktuari dan penubuhan subsidiari.

Bahagian VI, fasal 86 hingga 107 memperkatakan tentang pemilihan kawalan dan skim pemindahan perniagaan orang berlesen dan orang yang diluluskan tertentu.

Bahagian VII, fasal 108 hingga 120 memperkatakan tentang pengawalan dan penyeliaan kumpulan kewangan.

Bahagian VIII, fasal 121 hingga 139 memperkatakan tentang kehendak dan larangan berhubung dengan perlakuan perniagaan dan perlindungan pengguna.

Bahagian IX, fasal 140 hingga 142 memperkatakan tentang kehendak dan perlakuan yang dilarang dalam pasaran wang dan pasaran pertukaran asing.

Bahagian X, fasal 143 hingga 145 bertujuan membuat peruntukan mengenai pengemukaan dokumen atau maklumat kepada Bank Negara Malaysia.

#### ■1630

Bahagian XI, fasal 146 hingga 153 bertujuan membuat peruntukan mengenai pemeriksaan ke atas orang yang diberi kuasa, orang berdaftar, pengendali sistem pembayaran yang ditetapkan dan lain-lain orang.

Bahagian XII, fasal 154 hingga 159 membuat peruntukan mengenai kuasa Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan arahan pematuhan.

Bahagian XIII, fasal 160 hingga 210 menyatakan campur tangan dan tindakan remedi yang boleh diambil oleh Bank Negara Malaysia.

Bahagian XIV, fasal 211 hingga 217 memperkatakan peruntukan yang berkaitan dengan kuasa lain Bank Negara Malaysia.

Bahagian XV, fasal 218 hingga 258 bertujuan membuat peruntukan berhubung dengan kuasa penyiasatan oleh Bank Negara Malaysia serta kuasa Bank Negara Malaysia untuk mengambil tindakan penguatkuasaan, pentadbiran dan sivil, kesalahan jenayah dan perkara am.

Bahagian XVI, fasal 259 hingga 270 memperkatakan tentang peruntukan am.

Bahagian XVII, fasal 271 hingga 281 memperkatakan peruntukan berhubung dengan peruntukan pemansuhan, pengecualian dan peralihan. Bahagian ini memansuhkan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, Akta Insurans 1996, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Jadual 1 menyatakan senarai perniagaan yang diluluskan dan berdaftar.

Jadual 2 bertujuan memperuntukkan suatu senarai orang yang dikecualikan daripada takrif deposit.

Jadual 3 memperuntukkan takrif kepentingan dalam syer dan pengiraan kepentingan dalam syer berkesan, *effective interest in share*, dengan izin.

Jadual 4 bertujuan memperuntukkan perniagaan yang bukan perniagaan insurans.

Jadual 5 bertujuan menyatakan faktor untuk dipertimbangkan oleh Bank Negara Malaysia dalam menilai sesuatu permohonan untuk lesen atau kelulusan.

Jadual 6 bertujuan menyatakan faktor untuk dipertimbangkan oleh Bank Negara Malaysia dalam menilai kesesuaian pemegang syer.

Jadual 7 bertujuan memperuntukkan suatu senarai perlakuan perniagaan yang dilarang.

Jadual 8 menyatakan peruntukan tertentu berhubung dengan polisi insurans seperti peruntukan yang berkaitan dengan penyataan silap, *misrepresentation* tentang umur orang yang hayatnya diinsuranskan.

Jadual 9 menyatakan kewajipan baru untuk penzahiran dan representasi bagi pengguna yang perlu dipatuhi sebelum sesuatu kontrak insurans dibuat, diubah, atau diperbaharui dengan penanggung insurans dan remedi berkadar, *proportionate remedy* dalam hal salah nyata yang dibuat oleh pengguna semasa peringkat pra kontrak bergantung kepada jenis salah nyata yang dibuat.

Jadual 10 memperuntukkan pembayaran wang polisi di bawah sesuatu polisi hayat atau polisi kemalangan diri yang diambil oleh pemilik polisi bagi hayatnya sendiri atas kematiannya. Jadual ini bermaksud untuk mempercepatkan pembayaran wang polisi apabila pemilik polisi mati.

Jadual 11 menyatakan penzahiran yang dibenarkan yang tanggungjawab untuk memelihara kerahsiaan yang ditetapkan di bawah fasal 133 tidak terpakai.

Jadual 12 bertujuan memperuntukkan suatu senarai orang yang dikecualikan daripada sekatan menggunakan perkataan tertentu.

Jadual 13 bertujuan mengubahsuai peruntukan dalam Jadual Ketiga Akta Bank Negara Malaysia 2009 bagi tujuan perintah perletakhakkan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Jadual 14 bertujuan untuk menyatakan senarai transaksi yang dilarang di bawah subfasal 214(2).

Jadual 15 bertujuan memperuntukkan satu senarai peruntukan yang membolehkan Bank Negara Malaysia mengenakan penalti monetari pentadbiran.

Jadual 16 menyatakan senarai peraturan subsidiari yang akan dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam *bullet train* cepatnya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawal seliaan dan penyeliaan institusi kewangan, sistem pembayaran dan entiti berkaitan yang lain dan pengawasan pasaran wang dan pasar pertukaran asing untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan bagi perkara yang berhubungan, berbangkit atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Chiew Lian Keng.

#### 4.34 ptg.

**Tuan Chiew Lian Keng:** Selamat petang, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan dan memberi sepatah dua kata mengenai Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan yang dibentangkan pada hari ini.

Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012 ini bertujuan untuk menggabungkan Akta Bank dan Industri-industri Kewangan 1989, Akta Insurans, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan juga Akta Kewangan Pertukaran Wang 1953. Sebagai sebuah negara yang semakin maju, kita sentiasa mencari jalan untuk memperbaiki dan menaiki taraf sistem kewangan negara ini. Menggabungkan undang-undang yang disenaraikan merupakan langkah untuk mengukuhkan rangka kerja undang-undang untuk sistem kewangan, meningkatkan keupayaan Bank Negara untuk menangani risiko dan juga melancarkan intervensi sekiranya diperlukan. Rang undang-undang ini membentangkan kuasa-kuasa dan juga tanggungjawab pihak Bank Negara serta kriteria yang perlu ditepati oleh industri kewangan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kewangan yang kuat dan stabil memainkan peranan yang amat penting dalam sebuah ekonomi khususnya dalam sebuah ekonomi yang ingin mencapai status pendapatan tinggi, sebuah sistem kewangan yang maju memudahkan sebuah bisnes untuk mengumpulkan kapital permulaannya. Selain itu, sebuah sistem kewangan yang sihat dan di kawal selia dapat menyalurkan wang kepada pelabur yang akan memacu pertumbuhan ekonomi. Sistem ini juga memudahkan perdagangan di antara negara yang semakin penting dalam era globalisasi ini. Mewujudkan sebuah sistem kewangan yang maju adalah amat penting untuk kemajuan ekonomi negara.

Sehingga setakat ini, negara kita telah berjaya mewujudkan sebuah sistem kewangan yang stabil, mempunyai daya saingan dan juga di kawal selia dengan berpatutan. Kewujudan sistem ini telah membawa banyak manfaat kepada negara ini. Kekukuhan sistem kewangan kita ternyata dalam Indeks Kemudahan Menjalankan Perniagaan yang dikeluarkan oleh Bank Negara di mana elemen kewangan seperti akses kepada kredit, perlindungan kepada pelabur dan menyelesaikan 'ketidaksewenangan' kewangan menjadikan sebahagian daripada indeks tersebut. Tambahan pula, sistem negara ini telah terbukti kukuh dan berdaya tahan dalam menghadapi krisis kewangan yang terbaru ini.

Kita patut mengiktiraf mereka yang telah berusaha bertahun-tahun ini untuk membina sebuah sistem yang sekuat ini. Namun begitu, kita mesti terus berusaha untuk mempertingkatkan dan memperbaiki sistem kewangan negara ini untuk memenuhi keperluan berubah dan juga hasrat kemajuan negara. Oleh kerana kemajuan teknologi dunia moden ini semakin disambung dan dikaitkan antara satu sama lain khususnya untuk alam kewangan, perubahan politik dan juga ekonomi di Asia Tenggara telah membuka peluang untuk mengeratkan hubungan di antara negara-negara di rantau ini. Walaupun hubungan perdagangan membawa banyak manfaat kepada negara ini, ia juga meningkatkan kadar risiko yang dihadapi. Keperluan untuk kawalan selia yang ketat menjadi semakin penting.

Tuan-tuan sekalian, rang undang-undang ini memberikan Bank Negara tanggungjawab untuk memastikan bahawa pihak yang menawarkan perkhidmatan kewangan boleh dipercayai untuk membekalkan perkhidmatan yang ditawarkan dengan mengurangkan kejadian penipuan kewangan. Pengguna akan dilindungi daripada derita yang tidak diingini dan juga akan mengukuhkan kepercayaan mereka dalam sistem kewangan negara ini.

## ■1640

Untuk menggalakkan pelaburan dalam industri kewangan, pengguna mesti berasa selesa dengan sistem dan pihak yang menjual perkhidmatan kewangan ini memastikan kebenaran yang berpatutan diberikan melalui Bank Negara akan membantu mewujudkan suasana sebegini. Rang undang-undang ini juga memberikan Bank Negara kuasa untuk menyiasat aduan tentang perbuatan yang mungkin menyalahi undang-undang ini. Keutuhan sebuah sistem bergantung kepada penguat kuasa undang-undang yang mentadbirkan sistem tersebut oleh pihak berkuasa yang berpatutan.

Rang undang-undang ini membenarkan Bank Negara mengendalikan masalah ketika ia masih pada peringkat awal sebelum masalah telah merebak kepada keseluruhan sistem kewangan, dengan dapat mengambil langkah yang pada peringkat awal Bank Negara boleh menasihati dan mengarah institut yang bermasalah untuk mengambil langkah yang berpatutan untuk mengurangkan risiko yang ditimbulkan.

Walaupun rang undang-undang ini meletakkan kepentingan ke atas menjaga kesucian maklumat peribadi yang memasuki sistem kewangan, saya berasa lega kerana rang undang-undang ini telah menambahkan peruntukan untuk menjaga keselamatan sesiapa yang membuat laporan tentang perbuatan yang mungkin menyalahi undang-undang ini. Bank Negara telah diberikan tanggungjawab untuk mengimbangi kedua-dua kepentingannya. Oleh itu kita mesti memastikan bahawa tanggungjawab yang berat ini dipikul oleh orang yang berkebolehan dan berintegriti. Saya percaya bahawa kakitangan yang kini berkhidmat mempunyai keupayaan yang diperlukan.

Yang Berhormat sekalian, pada zaman moden yang berubah dengan pantas sektor kewangan akan menjadi semakin rumit dan saling berkaitan. Akibat kegagalan industri kewangan ataupun pasaran adalah ketara dan akan menjejaskan sistem kewangan secara keseluruhan. Sekiranya kegagalan berlaku ia akan menjejaskan masa hadapan kewangan individual dan juga perniagaan. Peraturan-peraturan untuk perkhidmatan kewangan yang ditentukan oleh rang undang-undang ini dan dibentangkan pada hari ini akan meningkatkan peluang untuk mencegah kegagalan sebelum ia membawa akibat yang buruk kepada kepentingan ekonomi negara ini. Oleh itu saya ingin menyatakan sokongan terhadap Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan yang dibentangkan pada hari ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun. Silakan Yang Berhormat, To' Puan Hajah Zaitun.

**4.44 ptg.**

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kerana diberikan kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012. Saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan pindaan rang undang-undang ini yang saya kira tepat pada masanya bagi menyediakan kaedah dan cara bagi pengawalseliaan dan penyeliaan institusi kewangan. Sistem pembayaran dan pengawasan pasaran wang serta pasaran pertukaran asing bagi menjaga kestabilan kewangan negara dan menangani pelbagai isu berkaitan.

Rang undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012 ini juga digubal begitu komprehensif, mengandungi 281 seksyen bagi mengawal selia pengurusan perkhidmatan institusi kewangan tempatan dan asing. Termasuk perniagaan insurans, penyedia pembiayaan seperti pemberi pinjaman, pemajakan, pemfaktoran, pembelian bil pertukaran dan sebagainya. Saya percaya matlamat akhir akta ini adalah untuk memastikan perkhidmatan kewangan negara ini dikawal selia dengan cekap supaya dapat berdaya saing, kukuh dan berintegriti.

Dalam hubungan ini institusi kewangan sewajarnya bertanggungjawab dan berkebolehpercayaan bagi memastikan hak dan kepentingan pengguna dilindungi sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 8 subseksyen 1, berhubung dengan keperluan mendapatkan lesen perniagaan perbankan, perniagaan insurans atau perniagaan perbankan pelaburan. Saya ingin mendapatkan penjelasan bagi pihak kerajaan, bilangan syarikat insurans tempatan dan luar negara yang mendapat lesen terkini. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan sama ada syarikat peminjam yang berlesen juga diwajibkan mendapat lesen daripada Menteri seperti kehendak klausa ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah benar syarikat peminjam wang berlesen ini hanya perlu mendapat lesen daripada majlis tempatan seperti majlis daerah atau majlis perbandaran sahaja? Hakikatnya, syarikat pinjaman wang berlesen ini perlu dikawal selia bagi memastikan syarikat-syarikat menjalankan perniagaan secara adil, bertanggungjawab dan profesional bagi memastikan pengguna tidak ditindas. Malah agak membimbangkan apabila syarikat pinjaman wang berlesen ini sebenarnya menjalankan pinjaman seperti *Ah long* dan menafikan hak dan kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pinjaman wang ini saya ingin menyentuh berhubung dengan skim pinjaman peribadi yang dijalankan oleh kebanyakan bank. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, adakah kerajaan melalui Bank Negara menetapkan dan mengawal selia jumlah pinjaman peribadi untuk individu supaya tidak membebaskan peminjam. Kegemaran meminjam sesetengah individu sehingga menyebabkan mereka terjebak dalam bebanan hutang sehingga menyebabkan mereka tidak mampu membayar balik.

Akhirnya, diambil tindakan mufliis memerlukan pengawasan Bank Negara. Saya ingin mengesyorkan agar kerajaan mengehadkan jumlah pinjaman individu supaya rakyat negara ini tidak terjebak dengan masalah pinjaman tidak berbayar. Beberapa tahun dahulu negara kita dicemaskan dengan jumlah hutang tidak berbayar atau *non-performing loans* (NPL). Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kadar NPL masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pinjaman bank dan institusi kewangan termasuk kad kredit ini saya difahamkan ada di kalangan bank dan institusi kewangan yang segera membiarkan pinjaman tertunggak berlanjutan sehingga mencapai jumlah RM30,000. Supaya pihak bank atau institusi kewangan mudah mengambil tindakan mufliis ke atas peminjam. Selain itu pihak bank dan institusi kewangan lebih gemar mengambil tindakan terhadap penjamin berbanding dengan peminjam.

#### ■1650

Ini banyak kes berlaku Tuan Yang di-Pertua. Tindakan ini menyebabkan ramai penjamin yang telah diambil tindakan mufliis walaupun tindakan ini adalah sah daripada segi undang-undang tetapi tindakan bank dan institusi kewangan yang mengambil jalan mudah ke atas penjamin amatlah dikesali. Pihak bank dan institusi kewangan sewajarnya mengambil tindakan yang sepatutnya ke atas peminjam dahulu sebelum meneruskan tindakan ke atas penjamin. Saya ingin mendapatkan penjelasan, jumlah bilangan penjamin yang telah diambil tindakan mufliis oleh pihak bank dan institusi kewangan. Kalau begitu keadaannya, maka sangat tidak adillah pada pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh seksyen 16, subseksyen (1) mengenai penanggung insurans berlesen yang tidak boleh menjalankan kedua-dua perniagaan hayat dan perniagaan am. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah rasionalnya penanggung insurans berlesen tidak dibenarkan menjalankan kedua-dua perniagaan iaitu perniagaan hayat dan am?

Berhubung dengan insurans am, saya ingin menyentuh berhubung dengan insurans kenderaan khususnya cadangan kerajaan untuk meningkatkan insurans kenderaan bermotor secara berperingkat bermula tahun 2012 hingga tahun 2015. Langkah ini dikatakan adalah sebagai usaha bagi mengimbangi kerugian yang ditanggung oleh syarikat insurans. Saya difahamkan, bagi tahun 2009 hingga tahun 2010, syarikat insurans motor mencatatkan kerugian berjumlah RM650 juta disebabkan tuntutan pampasan kenderaan kemalangan yang sangat tinggi. Penstrukturan ini melibatkan motosikal, kereta, bas dan teksi.



Saya ingin mendapatkan penjelasan, sejauh manakah cadangan kenaikan kadar insurans kenderaan ini telah dilaksanakan. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah yang diambil bagi meningkatkan keupayaan dan kepantasan proses tuntutan insurans negara dan mengurangkan kerenah birokrasi yang bukan sahaja menafikan hak dan kepentingan pengguna tetapi juga membebankan rakyat?

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang bayaran tambahan sebanyak RM400 yang dikenakan ke atas pemandu kereta yang berusia kurang 21 tahun dan pemandu yang bertaraf 'P'. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengambil peranan menghapuskan bayaran yang dikenakan oleh syarikat insurans ini bagi mengurangkan beban pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh berhubung dengan MLM melalui *internet* yang membabitkan pengambilan deposit wang. Pada masa ini, terdapat banyak syarikat MLM secara *internet* yang kebanyakannya berpangkalan di luar negara menjalankan perniagaan MLM melalui pengambilan deposit. Apakah langkah kerajaan membendung bentuk perniagaan ini yang menyebabkan pengaliran wang negara ini ke negara asing tanpa kawalan? Apakah mekanisme yang digunakan kerajaan bagi menghalang pengaliran wang tunai dari negara ini ke negara asing?

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

#### 4.54 ptg.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan rang undang-undang ini. Ia baru dan juga tidak baru. Tidak baru oleh kerana seperti yang telah diterangkan oleh menteri tadi. Sebelum daripada ini, ada empat undang-undang yang berasingan dalam bidang-bidang yang tertentu. Ia baru oleh kerana ia merupakan satu entiti yang komprehensif yang menggabungkan segala yang keempat-empat itu dan lebih berkesan saya rasa untuk menangani masalah-masalah yang tidak dapat ditangani sebelum daripada undang-undang ini, sebelum daripada lulusnya nanti undang-undang ini.

Sebenarnya sejarah rang undang-undang ini seperti yang diterangkan oleh menteri tadi sudah agak lama juga tetapi setahu saya, pada tahun 2012, Gabenor Bank Negara pada 22 September telah membayangkan bahawa undang-undang ini akan dikemukakan dalam Parlimen. Akan tetapi dia menyatakan bahawa undang-undang ini akan dikemukakan pada bulan Mac 2012. Walaupun agak lewat sedikit sebab baru sekarang sampainya, saya rasa *it is better late than never*, dengan izin.

Diterangkan oleh Gabenor Bank Negara bahawa tujuan rang undang-undang ini adalah untuk meningkatkan keupayaan bank untuk menguruskan risiko daripada aktiviti pengantaraan kewangan yang berlaku di luar sistem perbankan dan memberikan kuasa yang dipertingkatkan untuk tindakan campur tangan yang tepat pada masanya, yang dapat dilakukan oleh bank. Saya kira selain daripada itu, rang undang-undang ini juga perlu kerana sekarang ini kita kekurangan perundangan yang memberikan kuasa memantau ke atas kerajaan. Oleh kerana itu, ia telah menyebabkan sektor kewangan negara terdedah kepada penyelewengan kewangan, keganasan, penyeludupan dan aktiviti pengaliran wang yang haram.

Sebelum daripada digubal undang-undang ini, kita dapati pada tahun 2004 telah berlaku penahanan jenayah berhubung dengan pemindahan wang haram. Ini telah menyabitkan lima kali penahanan pada tahun 2005 dengan sebanyak 188 dakwaan dan melibatkan wang haram sebanyak RM29.9 juta. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, dalam satu sidang yang lain, saya pernah mengemukakan masalah pengaliran wang haram iaitu *illicit outflow of money*. Kita dapati bahawa pengaliran keluar wang haram ini bertambah. Umpamanya daripada RM6.7 bilion pada tahun 2000 membawa kepada RM2,000 bilion pada tahun 2008. Pada tahun 2000, kedudukan kita sebagai negara yang mengalirkan wang haram ini adalah yang kelima selepas China, Mexico dan sebagainya.

Akan tetapi saya dapati akhir-akhir ini, angka-angka pada tahun 2010 menunjukkan bahawa kedudukan negara ini dalam isu pengaliran wang ini adalah yang kedua. Jadi ertinya masalah ini adalah masalah besar dan di antara tahun 2000 hingga tahun 2008, kita dapati pengaliran keluar wang haram ini adalah sebanyak RM889 bilion.

#### ■1700

Saya harap bahawa dengan adanya rang undang-undang ini nanti, masalah seperti pengaliran wang ini akan dapat ditangani dengan berkesan walaupun tentu sekali akan ada hal-hal yang boleh mengendalakkannya kerana sangat susah hendak dikesani siapakah dan bagaimanakah mereka mengalirkan wang dan dengan perbuatan demikian juga melepaskan diri daripada membayar cukai yang begitu banyak dan juga mengakibatkan bahawa wang yang begitu banyak keluar, mengalir tidak dapat digunakan untuk pembangunan negara sendiri.

Ada isu-isu lain yang berkaitan, yang saya kira boleh ditangani oleh rang undang-undang ini bahkan juga mungkin telah diambil tindakan *in view of*, dengan izin, rang undang-undang ini. Saya maksudkan ialah pada 2 Oktober 2012 seperti yang kita semua ketahui, Geneva Malaysia telah diserbu dengan kerjasama Bank Negara, polis dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan dan juga Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Tiga hari kemudian, pihak berkuasa melakukan serbuan ke atas Pageantry Gold Berhad, Caesar Gold Sdn. Bhd. dan Worldwide Far East Berhad kerana disyaki melakukan pengambilan haram deposit, penggubahan haram wang dan penggalakan pembayaran cukai dan penerangan palsu.

Menurut Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr. Awang Adek Hussin, Geneva mempunyai sebanyak 35,000 pelabur dan sebanyak RM10 bilion dalam pelaburan. Tiga syarikat yang telah saya sebutkan tadi merupakan antara 25 buah syarikat, 25 buah aktiviti yang tidak berlesen dan telah diletakkan dalam senarai amaran pelaburan Bank Negara pada tahun 2011. Menurut angka yang diberikan oleh pihak berkuasa, hanya RM133.3 juta daripada RM10 bilion telah dikesani atau dijejaki.

Namun lebih serius daripada yang saya anggap agak serius dalam peristiwa ini ialah terlibatnya beberapa orang individu VIP yang telah memberikan sokongan terhadap pelaburan Geneva itu dengan menghadiri majlis pelancaran syarikat tersebut. Saya tidak tahulah bagaimana itu, implikasinya dari segi undang-undang dan sebagainya.

Sebenarnya serbuan dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa itu menghadapi beberapa tentangan walaupun tidak begitu serius lagi. Umpamanya di Sibu ada 1,000 pelanggan atau ejen Geneva yang telah menunjuk perasaan secara aman malah 1,500 orang pelanggan Geneva juga telah membuat aduan dengan harapan pertolongan kepada Pemuda UMNO kerana kecewa dengan siasatan yang telah dilakukan ke atas Geneva itu. Di Pulau Pinang pula, 10,000 orang pelanggan dan 100 orang perunding telah terjejas dalam siasatan ini.

Pihak berkuasa mendakwa bahawa pelaburan oleh Geneva ini melanggar undang-undang negara dan tentulah ada asas untuk mereka berkata demikian. Akan tetapi pada masa yang sama, para pelabur tempatan yang telah melabur ke dalam pelaburan emas ini di bawah Geneva terutama sekali menyatakan hak mereka tidak pernah dipermainkan atau ditipu oleh Geneva. Kita tidak tahulah apa yang sebenarnya berlaku. Satu pihak mengatakan dia tidak pernah ditipu, satu pihak pula mengatakan mereka ditipu tetapi dengan adanya undang-undang ini kelak, saya kira akan dapat diambilkan tindakan-tindakan yang berkesan untuk bukan sahaja memastikan pihak mana yang bersalah tetapi untuk juga mengambil tindakan yang tertentu.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada seksyen-seksyen atau pun fasal-fasal tertentu dalam akta ini. Saya lakukan demikian oleh kerana memikirkkan ada perkara-perkara yang tidak jelas, bahkan ada perkara yang barangkali tidak begitu baik dan kalau ada peluanglah, harus difikirkan untuk dibaiki atau diubah kemudian.

Fasal pertama ialah, fasal 4. Fasal 4 ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada bank dengan persetujuan menteri. Saya sebutkan dengan persetujuan menteri untuk menetapkan mana-mana perjanjian berkenaan dengan satu transaksi kewangan dalam pasaran kewangan sebagai perjanjian kewangan yang layak. Apa-apa urusan niaga atau transaksi sebagai suatu kemudahan kredit atau mana-mana orang lain sebagai peserta pasaran.

Fasal 4 ini memberi kebebasan kepada Kementerian Kewangan bahkan kepada menteri untuk masuk campur hal ehwal pembangunan kewangan yang pada asasnya harus diberikan kepada Bank Negara. Keadaan ini memberi peluang untuk masuk campur politik ke dalam sebarang transaksi biasa dan ini tidak akan memanfaatkan pembangunan kewangan negara yang tidak sepatutnya menjadi mangsa kepada campur tangan politik. Campur tangan menteri dalam pertimbangan kelulusan perjanjian berkenaan Bursa Malaysia, mempunyai kesan lanjutan yang bersifat jangka panjang dan harus dikaji semula sebelum kita meluluskan perkara ini.

Seksyen 10 bertujuan untuk memberi kuasa kepada menteri atau bank untuk meminda sekali lagi kuasa kepada Menteri untuk meminda atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan atas suatu lesen atau kelulusan mengikut mana-mana yang berkenaan lesen ataupun kelulusan.

Fasal ini selanjutnya bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri atau bank untuk mengenakan syarat baru atas lesen atau kelulusan ini. Peruntukan di bawah fasal 10 ini menyatakan bahawa bank memerlukan kelulusan menteri supaya lesen boleh diberikan kepada sebuah perniagaan. Persoalannya ialah mengapakah pemberian lesen perlu dilakukan di bawah kelulusan Menteri dan bukannya pemberian terus oleh bank melalui Bank Negara?

Saya merasakan bahawa untuk jangka panjang supaya tidak ada misalnya *bias* dari segi politik, perkara-perkara seperti ini mesti ditangani oleh Bank Negara itu sendiri dan adalah sebaik-baiknya keadaan di mana Bank Negara tidak terlalu campur tangan oleh pihak menteri atau pihak kementerian tersebut.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada fasal 20. Fasal 20 bertujuan memberi kuasa kepada menteri atau bank mengikut mana-mana yang berkenaan untuk membatalkan sesuatu pemberikuasaan. Sekiranya mana-mana alasan bagi pembatalan dinyatakan di bawah sub fasal 1 atau 2.

Fasal ini juga menghendaki bank untuk menyiarkan dalam warta suatu notis pembatalan lesen dan dalam hal ini pembatalan atau kelulusan untuk menyiarkan pembatalan itu dengan cara sebagaimana yang bank sifatkan sesuai. Pembatalan itu dibuat mengikut apa yang sesuai difikirkan oleh bank.

#### ■1710

Akan tetapi kuasa untuk membatalkan pada peringkat terakhirnya adalah oleh Menteri. Sekali lagi kita melihat Menteri memainkan peranan. Saya kira walau dalam apa kerajaan pun tidak seharusnya soal pengurusan bank ini dicampur tangan oleh pihak Menteri bahkan ia harus diuruskan seboleh-bolehnya oleh Bank Negara itu sendiri.

Apa yang jadi masalahnya Tuan Yang di-Pertua ialah bila Menteri ada kuasa untuk membatalkan atau memberi lesen dan sebagainya, ini boleh menimbulkan amalan yang kurang baik. Ia boleh menggalakkan kronisme misalnya. Satu senarai telah disediakan supaya Bank Negara boleh menentukan sama ada perniagaan berkenaan tidak lagi berfungsi untuk kepentingan orang awam. Akan tetapi tiada pula senarai yang perlu diikuti oleh Menteri untuk memberi keputusan mengenai pembatalan lesen sebuah perniagaan. Jadi pemberian lesen ada senarai untuk pembatalan yang saya fahami daripada fasal ini tidak ada pula senarainya.

Seksyen 32 Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk memperuntukkan bahawa akta yang dicadangkan hendaklah terpakai bagi orang luar Malaysia atau pengendali suatu sistem pembayaran yang menerima arahan pembayaran atau arahan penyelesaian daripada peserta di Malaysia. Ertinya ada hubungan peserta di Malaysia dengan di luar dan ia memperuntukkan tentang hal ini.

Isu yang timbul daripada fasal 32 ini ialah apakah kebolehan fasal tersebut ataupun kuasa yang ada *jurisdiction*, dengan izin, yang ada dalam fasal tersebut bagi seseorang yang berada di luar negara di mana Kerajaan Malaysia tidak mempunyai sebarang perjanjian perundangan atau berada di luar kuasa Kerajaan Malaysia. Jadi sekiranya ada aktiviti-aktiviti *transaction* ataupun pengaliran yang haram ataupun yang tidak menguntungkan kita dan melibatkan misalnya orang luar tetapi dia duduk di negara yang kita tidak ada hubungan, ini jadi masalah. Jadi ertinya boleh diteruskan aktiviti itu dengan adanya orang luar yang duduk atau tinggal di tempat atau negara yang kita tidak mempunyai hubungan. Jadi kita tidak boleh kontrol semua sekali hal itu.

Apakah tindakan seterusnya daripada Bank Negara atau Kerajaan Malaysia untuk menyelesaikan masalah tersebut. Fasal ini tidak menjelaskan prosedur mengenai kebolegunaan fasal ini bagi individu yang berada di luar negara tadi seperti yang saya sebutkan. Jika fasal ini serius dalam memaksa pembayaran oleh seorang individu yang berada di luar Malaysia, maka fasal ini tidak sepatutnya terhenti di sini sahaja. Mesti ada misalnya kita fikir peraturan-peraturan bagaimanakah misalnya dapat diatasi perkara ini. Ini mungkin tidak tahulah boleh atau tidak. Mungkin boleh melibatkan undang-undang *extradition* umpamanya terhadap mereka yang berada di negara lain. Akan tetapi masalahnya ialah jika dilakukan di negara yang kita tidak ada hubungan dan kita tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan, perkara ini akan berterusan.

Fasal 86 pula Tuan Yang di-Pertua, memperuntukkan pemakaian dan ketidakpakaian bahagian ini. Merujuk kepada laman sesawang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), melaporkan kepada Parlimen melalui Menteri Kewangan. Persoalan yang timbul daripada isu ini adalah mengapakah terdapat perbezaan dalam pengecualian perundangan perkhidmatan kewangan kepada Menteri Kewangan dan subsidiari institusi perantaraannya di bawah PIDM. Ini seolah-olah memberi restu kepada Kementerian Kewangan untuk memutuskan apa-apa keputusan dan apa-apa tindakan di luar bidang kuasa bank. Jadi sekali lagi saya merasa kesal sedikit seolah-olah banyak kuasa Bank Negara ini atau bank diambil alih atau di *usurp* dengan izin, oleh Menteri dan saya kurang setuju dengan cara seperti ini.

Fasal 132 memperuntukkan bahawa tiada apa jua yang terkandung dalam akta yang dicadangkan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengarah bank atau memberi kuasa kepada bank sendiri untuk menyiasat secara khusus hal ehwal mana-mana pelanggaran individu dan mana-mana orang yang diberi kuasa. Jadi ertinya tidak ada kuasa bagi Menteri untuk mengarahkan perkara-perkara tersebut. Akan tetapi kalau tidak ada kuasa Menteri mengarahkan, saya harap ada kuasa yang penuh dan ada inisiatif yang boleh dijalankan oleh pihak bank untuk mengambil tindakan-tindakan tersebut.

Walaupun larangan ini tidak menjejaskan kuasa bank untuk menyiasat hal ehwal atau akaun seseorang pelanggan yang diberi kuasa bagi maksud menjalankan kuasanya di bawah akta yang dicadangkan, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam seksyen 47 adalah berkaitan dengan ini. Ini saya tidak akan jelaskan lagi kerana nanti bila saya membahaskan Akta Kewangan Islam, *insya-Allah* saya akan sebutkan. Persoalan yang timbul di sini Tuan Yang di-Pertua ialah mengapakah terdapat perlindungan terhadap suatu bilangan pihak diberi kuasa daripada disiasat mengenai hal ehwal tersebut.

Jadi apa sebabnya maka tidak ada kuasa untuk penyiasatan tersebut. Peruntukan (g) ini juga gagal untuk menyatakan apa yang dimaksudkan dengan mana-mana yang diberi kuasa. Siapa yang diberi kuasa itu? Adakah bank? Adakah Bank Negara ataupun pihak polis atau siapakah yang akan diberi kuasa untuk mengambil tindakan atau penyiasatan yang tersebut. Saya harap di sini akan dapat dijelaskan secara khusus apakah yang dimaksudkan.

Fasal 133 saya lihat melarang seseorang yang menghubungi akses kepada apa-apa dokumen atau makluman berhubung dengan hal ehwal atau akaun mana-mana pelanggan institusi yang berkaitan termasuk institusi sendiri, pengarah, pegawai dan ejen institusi sama ada sepanjang tempoh jawatannya atau sepanjang tempoh pekerjaannya atau selepas itu mendedahkan kepada orang lain apa-apa makluman dokumen. Jadi dia ada akses maklumat itu dan dia mendedahkan pula maklumat itu dan pendedahan ini boleh dianggap sebagai melanggar kewajipan untuk memelihara kerahsiaan. Ini dalam seksyen 33.

Soalan saya ialah apakah peruntukan ini menidakkan perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Jadi ertinya kalau seseorang mempunyai akses, tidak ada dijelaskan siapa yang berkuasa untuk mengambil tindakan, setakat manakah perlindungan yang boleh diberikan kepada orang yang mempunyai akses dan beritahu orang lain itu boleh dapat perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Makluman.

Ini saya rasa tidak jelas juga. Peruntukan ini melindungi pihak yang melakukan kesalahan berbanding individu yang cuba untuk melakukan apa yang betul iaitu menjadi sebagai seorang *whistleblower*. Ada bezanya.

Adakah Kementerian menggalakkan perbuatan haram dari menggalakkan pendedahan mana-mana perkara yang haram di sisi perundangan. Kalau misalannya itu di sisi perundangan pun tidak dapat dijalankan, dia boleh menggalakkan bermacam-macam perkara.

#### ■1720

Seksyen 146 dan 147. Fasal 146 memberikan kuasa kepada bank untuk memeriksa tanpa memberikan notis terlebih dahulu perniagaan dan hal ehwal orang yang diberi kuasa, orang berdaftar, pengendali-pengendali sistem pembayaran pengarah, pegawai atau pengawal orang yang demikian. Ertinya, bank boleh memeriksa golongan-golongan tersebut.

Akan tetapi pada fasal 147, ia mengenakan satu obligasi kepada orang yang diperiksa di bawah fasal 146 dan pengarahnya, pegawainya atau pengawalnya kepada bank, akses kepada dokumen, wang tunai, premis, perkakas, kelengkapan atau jentera orang itu dan untuk mengemukakan kepada bank semua dokumen dan wang tunai itu. Fasal ini selanjutnya memberi kuasa kepada bank untuk menyalin atau mengambil cabutan dokumen dan untuk mengambil milik apa-apa dokumen, wang tunai, premis, perkakas, kelengkapan atau jentera yang bank mempunyai akses sekiranya ia berpendapat yang disebutkan boleh diganggu, dimusnahkan, disembunyikan atau dipindahkan atau diperlukan sebagai bukti dalam apa-apa prosiding.

Jadi, ertinya di sini pihak bank mempunyai kuasa misalnya untuk akses terhadap segala dokumen. Kalau misalnya ia bimbang dokumen atau institusi yang sedang disiasat itu boleh melakukan hal-hal yang salah dan takut dokumen-dokumen nanti akan dimusnahkan. Ini satu perkara yang saya rasa baik. Cuma, sehubungan dengan itu juga persoalan yang timbul dari fasal 146 dan fasal 147 adalah apakah mekanisme yang wujud supaya jaringan keselamatan bidang kuasa yang teramat luas ini tidak diselewengkan oleh pihak-pihak tertentu? Jadi, tidak ada proses atau mekanisme yang jelas tentang macam mana hal ini akan dilakukan.

Pemeriksaan tanpa notis merupakan satu tindakan sewenang-wenangnya. Kuasa tanpa batas harus mempunyai satu mekanisme untuk memastikan ianya dijalankan secara jujur dan telus. Jadi, itu yang penting saya rasa. Kalau kita ambil tindakan mesti jangan tanpa notis dan mesti ada mekanisme yang jelas tentang macam mana. Undang-undang ini nampaknya tidak memberikan gambaran tentang mekanisme tersebut. Contoh utama yang boleh kita ambil misalnya ialah kontroversi serbuan ke atas tiga syarikat emas tadi yang telah saya sebutkan. Jadi, ada pihak mengatakan salah, ada pihak mengatakan tidak salah dan ini adalah kerana tidak adanya proses atau mekanisme yang jelas.

Sehubungan dengan ini juga, kita lihat bahawa walaupun Bank Negara merupakan suatu entiti bebas, ianya masih terdedah kepada pengaruh pihak-pihak yang berpengaruh. Seperti mana yang tidak dapat dilihat dalam kes pemberi maklumat yang sekarang ini sedang didakwa di bawah Akta BAFIA.

Fasal 167 Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk memberi kuasa kepada bank dengan kelulusan terdahulu Menteri, sekali lagi bank mesti mendapatkan keputusan daripada Menteri, untuk mengambil alih kawalan keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaannya dan hal ehwalnya atau melantik mana-mana orang untuk melakukan sedemikian bagi pihak bank. Jadi, di sini juga kita melihat perkara tersebut, bank diatasi oleh kuasa Menteri.

Isu yang timbul pada peruntukan ini adalah keperluan bank bertindak dengan kelulusan Menteri untuk mengambil alih kawalan perniagaan yang didakwa ataupun disyaki melakukan kesalahan. Adakah ini bermaksud jika perniagaan tersebut berada di bawah perlindungan Menteri, maka bank tidak boleh mengambil alih perniagaan yang melanggar undang-undang yang sedia ada? Jadi, kita harap ini tidak akan berlaku. Akan tetapi ia boleh berlaku misalnya. Kalau umpamanya bank adalah tertakluk misalnya di bawah kuasa Menteri tadi.

Jadi, ini harus saya percaya dielakkan. Saya tidak faham misalnya mengapa Menteri diberi kuasa untuk memilih mana perniagaan yang harus diambil perniagaannya dan bukannya bank yang bertanggungjawab untuk menentukan tindakan demikian. Jadi, di sini sekali lagi saya tegaskan, saya mahu mempertahankan kewibawaan bank terutama sekali Bank Negara itu dalam membuat tindakan. Bebas daripada apa-apa perkara politik.

Seksyen 186 atau fasal 84 bertujuan untuk memberi kuasa kepada bank untuk memberikan bantuan kewangan kepada institusi perantaraan. Ini soal lain sedikit iaitu bank boleh memberikan bantuan kewangan. Fasal 84 ini menimbulkan isu mengapakah sebuah institusi perantaraan yang gagal untuk melunaskan tanggungjawabnya dan untuk memastikan aset dan liabiliti sesebuah perniagaan berada dalam keadaan positif, diberikan bantuan kewangan oleh Bank Negara.

Jadi, ertinya dia boleh misalnya ada masalah, dia boleh tidak bermasalah. Akan tetapi hakikatnya ialah bahawa bantuan kewangan boleh diberi oleh bank sekiranya perlu. Di sini pun, saya ingin bertanyalah dan ingin mendapatkan penjelasan, apakah sebabnya perkara ini dilakukan untuk kita memahami misalnya apa di sebalik undang-undang ini, fasal ini?

Sebenarnya, pemberian ataupun pertolongan kewangan yang diberikan oleh bank itu hanya akan menguntungkan syarikat itu. Ia tidak misalnya memberikan manfaat kepada orang awam. Saya kira perlulah dikaitkan misalnya, apa-apa bantuan kepada institusi yang tertentu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi kah Yang Berhormat?

**Dr. Syed Husin Ali:** Ada empat, lima. Barangkali dalam 10 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau kita sekarang ini, kita akan berakhir tamat pada 5.30 petang, tidak ada sambungan. Kalau terlalu panjang itu, agaknya Yang Berhormat cuba kurangkan. Esok hendak sambung lagi. Kita ada banyak rang undang-undang yang sepatutnya kita selesaikan dalam persidangan ini. Okey, teruskan sekali lagi.

**Dr. Syed Husin Ali:** Untuk tiga minit, tidak dapat selesailah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, teruskan. Teruskan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih. Kemudian, Fasal '212' ini bertujuan memberi kuasa kepada Menteri atas syor bank. Ini berbeza sedikit. Bukannya Menteri atas kuasanya sendiri tetapi atas syor bank atau syor bersama bank dan pihak berkuasa yang berkaitan. Mengikut mana-mana yang berkenaan untuk menetapkan mana-mana orang yang bukan di bawah penyeliaan atau pengawasan bank yang terlibat dalam aktiviti perantaraan kewangan sebagai suatu institusi kewangan yang ditetapkan sekiranya orang itu pada pendapat bank menimbulkan atau berkemungkinan untuk menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan.

Jadi, ertinya kalau bank mendapati seseorang atau sesuatu institusi itu boleh menimbulkan sesuatu hal yang akan menjejaskan kestabilan ekonomi atau tidak menguntungkan orang awam, bank boleh mengesyorkan kepada Menteri untuk mengambil tindakan. Akan tetapi yang saya kurang senang dalam hal ini ialah bahawa akhirnya kuasa untuk bertindak itu adalah balik kepada Menteri, tidak kepada bank.

Seksyen 216, fasal 216 bertujuan untuk memberi kuasa kepada bank dengan kelulusan Menteri demi kepentingan negara untuk mengeluarkan arahan kepada mana-mana orang dalam Malaysia untuk melarang, menyekat atau menghendaki perlakuan apa-apa tindakan yang berhubungan dengan urusan niaga atau transaksi dengan mana-mana orang yang bermastautin dalam sesuatu negara atau wilayah atau dalam apa-apa mata wang sebagaimana yang ditentukan. Jadi, bukan sahaja tindakan itu terhadap...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berhenti setakat itu ya. Yang Berhormat boleh sambung esok. Ahli Yang Berhormat, saya hendak menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat kerana kita ada masa terhad. Saya sudah berkali-kali memberi peringatan kepada semua Ahli Yang Berhormat, sila kemukakan nama dan kalau boleh catat berapa lama agaknya Yang Berhormat hendak bercakap. Kalau tidak, susah saya. Mungkin ramai esok.

Sekarang ini saya terima tidak ramai. Maka, sebab itulah kita tidak sambung hari ini. Kalau ada ramai hendak cakap, kita bersedia beritahu tetapi tentukan bagi. Saya hendak kerjasama ini. Bagi nama, catatkan berapa lama jangkaan yang akan berucap. Akan tetapi saya tidak benarkan lah terlalu panjang. Saya harap kerjasama ini. Masa kita terhad, cuba kita fokus ucapan kita, bahas kita itu kepada sesuatu tajuk tegas, tepat dan cekap. Ini untuk menyenangkan semua pihaklah. Saya amat mengalu-alukan itu.

Banyak rang undang-undang lagi perlu kita selesaikan. Saya mohon kerjasama ini. Saya bersedia memberi peluang kepada semua Yang Berhormat tetapi kalau boleh tolong beri kerjasama kepada saya dan timbalan saya.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya dengan ini menangguhkan Mesyuarat kita pada petang ini pada pukul 5.30 petang dan akan sambung semula pada esok hari jam 10 pagi pada 19 Disember 2012. Sekian, terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.]***